

مجله اگريبيسنيس

Majalah **AgriBISNES**

brunei mipr
Department of Agriculture & Agrifood
A division of the ministry of industry & primary resources

ISSN No: 2225-1413

Bil: 009

Terbitan Julai - Disember 2014

www.agriculture.gov.bn



فيسٽا دورين دان بواه-بواهن 2014

Pesta Durian *dan Buah-Buahan 2014*



Tempatan Kiri
Kempalan Durian

*Petikan Titah
Kebawah Duli
Yang Maha Mulia*



“.....negara mestilah mempunyai matlamat. Jika bidang perindustrian telah diteroka pertanian pun demikian juga, hendaklah diambil langkah lebih cepat. Kerana kita sama-sama menyedari bahawa ada masanya segenggam beras atau seikat ubi kayu, jauh lebih berharga daripada emas berbungkal dan wang berjuta.”

Titah

**Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
pada 18 Julai 1993**



Brunei Darussalam
Department of Agriculture & Agrifood
a division of the Ministry of Industry, Commerce & Resources

مجلة أگربیسنس

Majalah AgriBISNES

Kandungan



LEMBAGA PENYUNTING

Penasihat

Dyg Hajah Aidah binti Haji Mohd Hanifah

Penolong Penasihat

Dyg Fuziah binti Hj Hamdan

Dyg Hj Khartini binti Hj Musa

Awg Saidin bin Namit

Dyg Masliana Yuliah binti Abdullah

Dyg Hj Suria binti Zanuddin

Dyg Hj Raihani binti Hj Abd Hamid

Awg Abuzar bin Hj Mohd Tahir

Penyunting

Awg Hj Sahrani bin Hj Mislee

Awg Mosli bin Hj Abdul Hadis

Penyumbang Bahan

Bahagian Industri Agrimakanan

Unit Industri Sayur-Sayuran dan Teknologi Tinggi

Haji Latif bin Haji Ahmad,

Unit Industri Buah-Buahan dan Kemajuan Pertanian Luar Bandar

Dr Juwairiyah binti Haji Jali,

Unit Kesihatan Haiwan dan Kawalan Penyakit

Bahagian Biosekuriti

Unit Perlindungan Tanaman,

Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Sumber-sumber Utama

Dyg Jormasita binti Jormasie

Kompilasi Artikel

Awg Mosli bin Hj Abdul Hadis

Dyg Hj Rosnani binti Hj Sali

Perekaan Grafik dan Susun Atur Gambar

Awg Mosli bin Hj Abdul Hadis

Fotografi

Awg Noor Azman bin Hj Abdul Latip

Awg Nazmi Hisyam bin Abdullah@Hamdani

Penyelaras Percetakan dan Penerbitan

Awg Hj Sahrani bin Hj Mislee

Awg Mosli bin Hj Abdul Hadis

**Jabatan Pertanian dan Agrimakanan
Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama
Negara Brunei Darussalam**

Telefon: +673 2388000

Faksimili: +673 2382226

Email: info@agriculture.gov.bn

Laman web: <http://www.agriculture.gov.bn>

VISI

Ke Arah Agribisnes yang Mampan dan Berpandukan Pasaran

MISI

Jabatan Pertanian dan Agrimakanan memperkembangkan sektor agribisnes yang mampan dan kompetitif, dengan menumpukan kepada ciri-ciri kehalalan, keselamatan dan kualiti di samping memastikan sekuriti makanan bagi penduduk Negara Brunei Darussalam melalui:

- Penglibatan pengusaha pertanian dan agrimakanan;
- Penggunaan sumber-sumber yang optimum; dan
- Penggunaan teknologi yang efektif

CERITA MUKA DEPAN / COVER STORY

10-30

- Majlis Pembukaan Rasmi Pesta Durian dan Buah-Buahan 2014
- *Durian and Fruits Fair 2014*
- Pengenalan Kepada Serangga Perosak dan Penyakit Utama Tanaman Durian
- Pertandingan Mencipta Produk Makanan dan Minuman Berasaskan Buah Durian dan Buah-Buahan Tempatan
- Pengurusan Lepas Tuai Buah Durian

RENCANA

31-33

- Taklimat Mengenai Isu Tumbuhan *Noxious Plant* (*Parthenium Hysterophorus*) - Rumpai Miang Mexico

SUMBANGAN

34-36

- Kajian Penilaian Terpeinci Kesan kepada Alam Sekitar (DEIA) bagi Projek-Projek Pertanian Brunei Darussalam

RISTAAN

37-79

- Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dan Institut Teknologi Brunei Jalin Kerjasama
- Ceramah Mengenai Zakat Padi
- Penandatanganan Perjanjian Penyewaan Tanah Di Antara Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dengan Pengusaha Biji Benih Sah Padi (*Certified Seeds*)
- Penandatanganan Kontrak Perjanjian
- Menandatangani Kontrak Perjanjian Perkhidmatan Konsultansi bagi Projek Penubuhan dan Operasi Rangka Kerja Peraturan Biokeselamatan Kebangsaan di Negara Brunei Darussalam
- Majlis Pelancaran Kompleks Pengisaran Padi Wasan
- Kursus Teknologi Pengeluaran Cendawan
- Visi Strategik Tanaman Sayur dan Buah
- Pelan Strategik Industri Pertanian dan Agrimakanan 2015-2020
- Pesta Promosi Buah-Buahan Thai 2014
- Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah Berangkat ke Pameran Bahagian Industri Agrimakanan, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan Sempena Pameran Urusan Rumah Tangga 2014
- Bengkel Mengenai Pencemaran Bahan Makanan Ternakan
- Jerayawara Pemberitaan Akta dan Peraturan Imigresen
- Johan Qari dan Naib Johan Qariah Milik Peserta Dari Jabatan Pertanian dan Agrimakanan di Peraduan Membaca Al-Quran Peringkat KPSSU
- Majlis Perasmian Sambutan Hari Peladang, Petani, Penternak Dan Nelayan 2014
- Latar Belakang Penerima Anugerah HPPPN 2014
- The 12th 2nd Echelon Brunei Darussalam – Singapore Civil Service Exchange Programme
- Taklimat Keselamatan Makanan Bagi Pengusaha Kecil Dan Sederhana (PKS) Industri Agrimakanan
- Majlis Doa Selamat dan Kesyukuran Serta Penyampaian Hadiah Sempena HPPPN 2014
- Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil Kursus Asas Perladangan Organik
- Muzakarah Jabatan Pertanian dan Agrimakanan bersama Peladang dan Penternak Daerah Temburong
- Lawatan Ketua-Ketua Delegasi Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun Ke BIC, Tungku
- Kursus Pemprosesan Asas Jeruk dan Jem Buah-Buahan Tempatan
- Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam (ACPA) 2014 Jabatan Pertanian dan Agrimakanan
- Jerayawara Bahagian Industri Agrimakanan
- Jabatan Pertanian dan Agrimakanan Kementerian Perindustri dan Sumber-Sumber Utama

SANTAI

80-83

- Sambutan Mari Berhari Raya Aidil Fitri 1435H/2014M Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Sumber-Sumber Utama dan Bahagian Biosekuriti
- Jabatan Pertanian dan Agrimakanan Menjadi Juara Johan Sempena Hari Raya Aidil Fitri KPSSU 2014
- Majlis Kesyukuran dan Doa Selamat Jabatan Pertanian dan Agrimakanan Negara Brunei Darussalam

SUMBER TENAGA MANUSIA

84-86

- Takziah
- Tahniah

Hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian daripada bahan penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan di dalam sistem simpanan yang boleh dikeluarkan semula atau dipancarkan, di dalam apa jua bentuk dan cara sama ada elektronik, mekanikal, salinan, rakaman dan lain-lain media yang berkaitan, tanpa kebenaran dari penerbit terlebih dahulu.

Dicetak oleh: **Borneo Printers & Trading Sdn. Bhd.**

Sedutan Ucapan Pemimpin

Majlis Perasmian Sambutan Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan 2014

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته
Dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala Akerana dengan limpah rahmat dan hidayahNya jua, kita semua dapat berkumpul beramai-ramai di Majlis Perasmian Sambutan Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan 2014 pada pagi ini.

Terlebih dahulu, pada kesempatan ini peramba/kaola/saya ingin merakamkan setinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada yang hadir kerana dapat meluangkan masa bagi sama-sama meraikan sambutan Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan tahun 2014.

Sambutan yang ke-5 kalinya kita adakan ini adalah seperti lazimnya bagi memberi penghargaan kepada peladang, petani, penternak dan nelayan di atas sumbangan yang diberikan dalam mengembangmajukan sektor pertanian, agrimakanan dan perikanan di negara ini serta untuk kesejahteraan penduduk negara ini jua. Di samping itu, sambutan ini serta pameran dan lain-lainnya berupaya menyuntik semangat dan menguatkan azam para peladang, petani, penternak dan nelayan untuk lebih bergiat demi masyarakat dan kemakmuran negara.

Tema sambutan "Makanan Terjana Negara Selamat" masih kita kekalkan. Ini mencerminkan betapa pentingnya usaha untuk memantapkan lagi tahap sekuriti makanan di negara ini bagi memenuhi keperluan penduduk yang merupakan bukan sahaja tuntutan siasah kenegaraan malah adalah tuntutan agama yang tidak boleh diambil ringan. Kita diingatkan bahawa aktiviti pertanian keseluruhannya adalah satu amalan terpuji yang dituntut oleh syara sebagai fardhu kifayah, iaitu berdosa seluruh penduduk di sesebuah negara jika tidak ada seseorang pun melakukannya.

Hadirin hadirat yang peramba/kaola/saya hormati sekalian,

1. Alhamdulillah, dari tahun ke tahun hasil pengeluaran pertanian, perikanan dan agrimakanan berkembang dengan baik walaupun pencapaian sebahagian sektor belum mencapai ke tahap sasaran yang dihasratkan.
2. Nilai pengeluaran sektor pertanian secara keseluruhannya mencakupi perusahaan sayur-sayuran, buah-buahan, bunga-bunga, perusahaan ayam pedaging dan telur ayam dan ternakan ruminan bernilai menghampiri \$300 juta pada tahun 2013. Sementara itu, nilai pengeluaran sektor perikanan pula hampir bernilai \$90 juta.
3. Alhamdulillah negara setakat ini telah mencapai hampir sara diri penuh dalam pengeluaran ayam dan telur ayam; melebihi 80% sara diri dalam pengeluaran sayur-sayuran jenis tropika; 50% sara diri dalam pengeluaran buah-buahan jenis tropika; dan melebihi 80% sara diri dalam pengeluaran makanan laut.
4. Bagi memastikan kelestarian sektor-sektor ini, usaha-usaha untuk memantapkan mutu, kualiti dan tahap keselamatan hasil-hasil pengeluaran juga dititikberatkan. Justeru itu, strategi dan program yang berkaitan dengan meningkatkan biosekuriti ladang; mendapatkan pengiktirafan ISO 17025 bagi makmal-makmal pertanian dan perikanan; mengemaskinikan perundangan, pelaksanaan dan penguatkuasaan akta-akta dan penyediaan garis panduan pengeluaran produk halal yang berkualiti dan selamat sedang dilaksanakan.

5. Setakat ini, kita telah memperolehi pengiktirafan ISO/IEC 17025:2005 *Testing Laboratory* bagi Perkhidmatan Makmal Veterinar (PMV) dan makmal Bahagian Keselamatan dan Agrimakanan. Pengiktirafan makmal-makmal tersebut telah diperolehi dari sebuah badan akreditasi makmal iaitu Singapore Accreditation Council (SAC). Dengan pengiktirafan tersebut ianya memberikan jaminan bahawa produk-produk yang dianalisa dari makmal-makmal tersebut adalah selamat, *reliable*, berkualiti tinggi dan membantu menembusi pasaran eksport.
6. Selain itu, kita juga telah melaksanakan satu inisiatif bersama dengan negara-negara ASEAN yang lain untuk meningkatkan standard pengeluaran hasil, kualiti dan keselamatan sayur-sayuran, buah-buahan dan produk akuakultur di bawah projek ASEAN *Good Agricultural Practices* dan ASEAN *Good Aquaculture Practices*. Setakat ini, penggunaan Logo Brunei GAP untuk produk sayur-sayuran dan buah-buahan telah dapat dilaksanakan yang merupakan satu pengiktirafan Kerajaan bahawa produk sayur-sayuran dan buah-buahan yang dihasilkan oleh pengusaha-pengusaha adalah Halal, selamat dan berkualiti tinggi. Kesedaran amalan *Good Agricultural Practices* dan *Good Aquaculture Practices* sehingga kini mendapat sambutan baik dari pengusaha-pengusaha.
7. Bagi produk-produk ternakan kita juga telah melaksanakan Logo Pemeriksaan Veterinar (LPV) yang juga merupakan satu pengesahan bahawa produk-produk yang dihasilkan telah lulus pemeriksaan veterinar mengikut peraturan dan garispandu yang telah ditetapkan.

Hadirin hadirat yang peramba/kaola/saya hormati sekalian,

8. Dalam kita berusaha meningkatkan hasil pertanian, perikanan dan penternakan di negara ini, peramba/ kaola/ saya ingin sekali lagi menasihatkan tentang peri mustahaknya mengambilkira kelestarian alam sekitar. Kesan negatif yang dibawa daripada amalan pertanian dan perikanan yang kurang bertanggungjawab (*irresponsible farming* dan *irresponsible fishing and aquaculture*) kepada alam sekitar sehingga menyebabkan pencemaran sungai-sungai, pencemaran udara, kerosakan kawasan pembiakan ikan-ikan, penggunaan kimia pertanian yang berlebihan, penggunaan antibiotik dalam perikanan sebaik-baiknya dihindarkan sama sekali.
9. Peramba/Kaola dan saya juga ingin menyeru para peladang, petani, penternak dan nelayan supaya bersegeralah dan jangan berlengah-lengah lagi menjadi peladang, petani, penternak dan nelayan yang progresif dengan lebih terlibat dan peka akan perkembangan dalam bidang masing-masing.

Hadirin hadirat yang peramba/kaola/saya hormati sekalian,

Sebelum mengakhiri ucapan, peramba/kaola/saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan penghargaan dan tahniah kepada penerima-penerima anugerah sempena Hari Peladang Petani Penternak dan Nelayan 2014. Setinggi-tinggi penghargaan juga, peramba/kaola/saya tujukan kepada Jawatankuasa Penganjur Bersama sambutan Hari Peladang Petani Penternak dan Nelayan 2014.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih dan syabas kepada para peladang, petani, penternak dan nelayan di atas kegigihan dan semangat keusahawanan yang ditonjolkan untuk memajukan diri, keluarga dan Negara sama ada secara individu atau berkumpulan. Sumbangan bakti dan usaha-usaha Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang gigih, dedikasi dan tidak mengenal penat lelah dalam meningkatkan tahap pengeluaran ke arah menjamin sekuriti makanan negara dan memastikan makanan selamat untuk digunakan adalah sangat-sangat dihargai. Semoga Allah Subhannahu Wa Ta'ala memberkati dan mengurniakan taufik dan hidayah-Nya atas segala usaha kita bersama. Amin YaRabbal a'lamiin.

Akhirnya, dengan lafaz **بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ** dan bertawakal kepada Allah Subhannahu Wa Ta'ala dan selawat ke atas Nabi Muhammad SAW, peramba/kaola/saya dengan sukacitanya merasmikan **Hari Peladang, Petani, Penternak Dan Nelayan 2014**.

Sekian, terima kasih.

Wabillahittaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

PEHIN ORANG KAYA SERI UTAMA
(Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Hj Bakar)
Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama
Negara Brunei Darussalam

Sedutan Ucapan Pemimpin

Buku Rancangan Forum-Bengkel "Peranan Wanita Dalam Perlindungan Alam Sekitar" anjuran Majlis Wanita, Negara Brunei Darussalam

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

dan Salam Sejahtera

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Saya bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wataala kerana dengan izin nya jua maka Forum-Bengkel "Peranan Wanita Dalam Perlindungan Alam Sekitar" dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Selawat serta salam ke atas junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam serta kerabat dan sahabat-sahabat Beginda.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Majlis Wanita kerana sudi menjemput saya untuk menyampaikan sepatah-dua kata dalam buku rancangan ini.

Kita sangat beruntung dan perlu bersyukur dapat tinggal di Negara Brunei Darussalam dimana landskapnya masih hijau, langitnya biru, udaranya segar dan airnya bersih. 74% daripada keluasan negara ini ditutupi oleh hutan yang prestin. Ekosistem hutan prestin masih bergerak secara natural, dimana organisma, flora dan fauna mempunyai fungsi masing-masing yang menjadikan hutan prestin ini tidak perlu pengurusan luaran.

Tidak kita sedari keseimbangan ekologi di dalam hutan prestin ini boleh menyelamatkan kita daripada ditimpa banjir, ianya juga membantu membersihkan udara dan memelihara tebing-tebing sungai. Jika dikaji memang menakjubkan semua ini dicipta untuk memelihara alam sekitar, mengimbangi peratus gas di udara, mengelakkan daripada hakisan dan bermacam-macam lagi fungsi yang impaknya secara keseluruhan menghasilkan kesejahteraan. Adalah mustahak bagi penduduk negara ini memahami akan fungsi hutan dalam memelihara alam sekitar dan mengambil langkah supaya tidak merosakkannya.

Dalam kesempatan ini saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Majlis Wanita yang peka kepada isu alam sekitar dan sentiasa menjalankan aktiviti ke arah memeliharanya. Forum atau bengkel yang diadakan, iaitu mengenai usaha untuk mengitar semula sampah untuk digunakan baja melalui teknologi *composting* adalah sangat bertepatan. Usaha ini mesti dicontohi dan dipraktikkan terutama sekali oleh suri rumahtangga. Saya percaya Insya Allah usaha yang baik ini akan mengurangkan kerosakan alam sekitar dan menjadikan Negara Brunei Darussalam, sebuah negara yang sentiasa hijau, langitnya sentiasa biru dan udaranya sentiasa segar.

Saya doakan semoga usaha ini akan terus berjaya dan berkembang serta diberikan berkah Allah Subhanahu Wataala.

Wabillah Hi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullah Hi Wabarakatuh

**Dayang Hajah Normah Suria Hayati binti
PJDSMDSU (Dr) Haji Awang Mohd Jamil Al-Sufri**
Setiausaha Tetap
Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama
Negara Brunei Darussalam



Sedutan Ucapan Pemimpin

KESEDARAN AWAM MENGENAI BIOSEKURITI DAN PELANCARAN *DATABASE BRUQIS*

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته
dan Salam Sejahtera

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam sejahtera;

Segala puji hanya bagi Allah Subhanahu Wataala, selawat serta salam keatas junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam, kaum keluarga, para sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Alhamdulillah, syukur kehadiran Allah Subhanahu Wataala kerana dengan izin dan limpah rahmat-Nya jua, kita dapat berkumpul di majlis yang penuh dengan ilmu dan berkebakikan pada pagi ini.

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Jawatankuasa Majlis Seminar Kesedaran Awam Mengenai Biosekuriti dan Pelancaran *Database BRUQIS* kerana menjemput saya untuk menjadi Tetamu Kehormat pada pagi ini. Saya berbesar hati dapat bersama-sama dengan semua yang hadir.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

Secara global bahawa perdagangan pertanian dan perikanan di peringkat antarabangsa dan domestik semakin hari semakin meningkat semata-mata untuk memenuhi permintaan makanan bagi penduduk serantau dan diseluruh dunia. Sistem peraturan dan pensijilan eksport menghadapi cabaran oleh kerana peningkatan besar dalam jumlah produk makanan dan pertanian/perikanan yang dipasarkan di dunia, dengan pelbagai produk import dan dengan jumlah negara-negara yang semakin meningkat dari mana import ini berasal. Peningkatan perjalanan juga mewujudkan lebih banyak laluan menyebarkan serangga, penyakit dan bahaya lain yang bergerak lebih cepat dan lebih jauh dari sebelumnya. Penyelarasan yang lebih baik sedang dicari di kalangan badan-badan yang bertanggung jawab untuk memastikan kebersihan, fitosanitasi dan langkah-langkah *zoosanitary* untuk melindungi manusia, haiwan dan tumbuhan dan kesihatan tanpa mewujudkan halangan teknikal kepada perdagangan. Dalam hal ini, Perjanjian tentang Penerapan Sanitari dan Fitosanitasi (Perjanjian *SPS*) Pertubuhan Perdagangan Dunia, mendisiplinkan *SPS* berhubung dengan perdagangan antarabangsa; *Codex Alimentarius Commission (Codex)*, Konvensyen Antarabangsa Perlindungan Tumbuhan (*IPPC*) dan *Office International des Epizooties (OIE)* menyediakan piawaian antarabangsa bagi keselamatan makanan, kesihatan tumbuhan, dan haiwan masing-masing.

Berkaitan dengan perkara perkara di atas, biosekuriti adalah merupakan pendekatan strategik dan bersepadu yang merangkumi dasar dan rangka kerja kawal selia (termasuk instrumen dan aktiviti) yang menganalisa dan mengurus risiko dalam sektor keselamatan makanan, kehidupan dan kesihatan haiwan dan tumbuhan,

termasuk risiko alam sekitar yang berkaitan. Biosekuriti meliputi pengenalan perosak tanaman, penyakit haiwan dan zoonosis, pengenalan dan pembebasan organisma yang diubahsuai secara genetik (GMO) dan produk mereka, dan pengenalan dan pengurusan spesies asing serta genotip. Biosekuriti merupakan satu konsep holistik yang berkaitan secara langsung dengan pertanian/perikanan yang mampan, keselamatan makanan, dan perlindungan alam sekitar yang lestari, termasuk kepelbagaian bio.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

'*Food and Agriculture Organisation*' (FAO) telah mengakui mengenai kepentingan yang semakin meningkat mengenai biosekuriti, dan telah menggunakan istilah biosekuriti yang berhubung dengan kebersihan, fitosanitasi dan langkah-langkah *zoosanitary* digunakan dalam makanan dan sistem peraturan pertanian/perikanan, dan menggunakan istilah sinonim dengan "Biosekuriti dalam makanan dan pertanian/perikanan". Bagi FAO, biosekuriti luas menjelaskan proses dan tujuan mengurus risiko biologi yang berkaitan dengan makanan dan pertanian secara holistik. Iaitu untuk melindungi sistem penghasilan pertanian/perikanan dan yang bergantung kepada sistem ini: Pengusaha pengusaha yang bergantung kepada pertanian/perikanan dapat melihat mata pencarian mereka musnah oleh haiwan dan tumbuhan perosak dan penyakit serta kesan spesies asing; melindungi kesihatan manusia dan keyakinan pengguna dalam produk pertanian/perikanan, dan melindungi alam sekitar dan menggalakkan pengeluaran yang mampan.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian

Menurut laporan statistik import 2013, Negara Brunei Darussalam masih mengimport sayur dan buah-buahan sebanyak 41% (\$13.22 juta) bagi sayur-sayuran dan 79% (\$23 juta) bagi buah-buahan. Manakala import bagi komoditi ternakan, daging lembu serta kerbau adalah di antara komoditi ternakan yang masih diimport ditahap paling tinggi iaitu 98% (\$28.13 juta) dan ikan-ikan berjumlah \$4.58 juta.

Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama telah melalui penubuhan Bahagian Biosekuriti amat menitik beratkan aspek keselamatan makanan yang dihasilkan melalui sektor pertanian dan perikanan, dan keselamatan haiwan dan tanaman yang diusahakan supaya tidak musnah akibat penyakit dan sebagainya, dan Bahagian Biosekuriti memainkan peranan yang penting kerana biosekuriti merupakan antara salah satu isu terpenting yang dibincangkan diperingkat nasional dan antarabangsa bagi memastikan makanan terutamanya dari sumber pertanian dan perikanan yang dikeluarkan secara domestik mahupun yang diimport dan dieksport bebas penyakit dan selamat untuk dimakan.

Dengan ini diharap syarikat-syarikat pengimport dan pengeksport akan sentiasa tetap mematuhi aspek perundangan dengan tidak membawa masuk barang-barang atau produk yang boleh mengundang bahaya kepada keselamatan manusia dan industri pertanian dan perikanan di negara ini. Pematuhan ini adalah penting bagi membantu kerajaan mencegah sebarang penyakit bahaya dan eksotik yang dibawa masuk menerusi aktiviti import dan eksport komoditi pertanian dan perikanan. Setiap pengimport memastikan bekalan adalah dari ladang-ladang pertanian yang diiktiraf oleh '*Competent Authority*' di negara pengeksport. Begitu juga dengan komoditi ternakan dan produknya, adalah penting ianya bebas daripada penyakit-penyakit eksotik yang boleh menjejaskan kemajuan industri ternakan dan kesihatan awam di negara ini. Sekiranya kandungan sisa racun kimia digunakan pada aktiviti penanaman sayur dan buah-buahan melebihi tahap yang dibenarkan atau bahan kimia seperti antibiotik disalahgunakan seperti *chloramphenicol* dan *nitrofurantoin* untuk rawatan atau pembesaran ternakan setentunya ini akan menjejaskan kesihatan manusia jika diambil dalam tempoh yang berpanjangan. Kerajaan telah menanggung perbelanjaan yang tinggi untuk membendung dan menghapuskan penyakit atau perosak diantaranya seperti penyakit "*citrus greening*" kepada tanaman limau dan penyakit bintik putih (*white spot*) kepada ternakan udang. Untuk memulihkan sebuah kawasan atau zon kepada status bebas penyakit akan mengambil masa yang lama. Contohnya pertubuhan kesihatan OIE memerlukan pemantauan selama sekurang-kurangnya dua tahun untuk kehadiran penyakit yang dikenalpasti penyebab kepada kemusnahan ladang pertanian atau perikanan. Ini setentunya memerlukan perbelanjaan yang tinggi dari segi penggunaan bahan kimia untuk penganalisan makmal.

Oleh itu, saya menyarankan agar syarikat-syarikat pengimport dan pengeksport akan sentiasa dapat bekerjasama dengan pihak Kementerian ini untuk memastikan bekalan makanan yang dibekalkan adalah selamat untuk pengguna disamping menjaga keselamatan serta kemajuan industri pertanian dan perikanan di negara ini. Dengan adanya taklimat dari beberapa orang pakar-pakar penceramah undangan mengenai kepentingan biosekuriti, para peserta seminar syarikat pengimport dan pihak pensendirian akan dapat mematuhi keperluan sanitasi dan fitosanitasi yang dibangunkan oleh pertubuhan antarabangsa seperti *OIE, CODEX, IPPC* dan mana-mana perjanjian dua hala yang dipersetujui diantara negara pengimport dan pengeksport.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian

Dalam hal yang berkaitan, saya telah dimaklumkan salah satu kejayaan pelaksanaan melalui projek Rancangan Kemajuan Negara ke 9: '*The Engagement of A Consultant For The Establishment of Plant & Animal Quarantine Services & Facilities In Brunei Darussalam*' telah berjaya menghasilkan sebuah pangkalandata laman sesawang yang dikenali dengan nama **BruQis**, iaitu **Brunei Quarantine Information System** yang akan berfungsi sebagai kemudahan sumber rujukan bagi pegawai-pegawai pemeriksa terutama sekali semasa mengadakan pemeriksaan ketibaan konsainmen import pertanian yang didapati mempunyai simptom-simptom kemungkinan serangan penyakit atau musuh perosak tanaman dan ternakan. Dengan adanya pangkalandata ini akan berupaya meningkatkan efisiensi pemeriksaan dan keupayaan memasukkan data import/eksport komoditi pertanian ke dalam sistem yang lebih efektif dan terkini. Ucapan setinggi tinggi tahniah dan terima kasih kepada Bahagian Biosekuriti, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama kerana melaksanakan program yang bermanfaat ini. Semoga usaha kita semua akan mendapat berkat dari Allah Subhanahu Wataala jua. Amin Ya Rabbaal alaamin.

Pada kesempatan ini saya ingin merakamkan setinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada khas kepada semua penceramah-penceramah yang berkemahiran dan berpengalaman yang diundang khas daripada Negara Australia, Malaysia, Singapura dan pihak *CAB International Southeast and East Asia Consultant* bagi mengunghkayahkan Majlis Seminar Kesedaran Awam Mengenai Biosekuriti yang julung-julung kali diadakan di Negara Brunei Darussalam pada pagi ini.

Untuk akhirnya, ucapan ribuan terima kasih kepada semua hadirin dan sekalian kerana telah sudi meluangkan masa bagi sama-sama menghadiri dan menjayakan seminar yang penuh berpengetahuan pada pagi ini. Tidak lupa juga saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua ahli-ahli jawatankuasa serta mereka-mereka yang terlibat dalam menjayakan majlis ini.

Akhirnya, dengan lafaz Bismillahir Rahmanir Rahim dan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala serta selawat dan salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wassalam, saya dengan sukacitanya merasmikan "**Seminar Kesedaran Awam Mengenai Biosekuriti**" dan melancarkan "**Database Website BruQis**".

Sekian terima kasih.

Wabillahhittaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Dayang Hajah Hasnah binti Ibrahim
Timbalan Setiausaha Tetap (Sumber-Sumber Utama)
Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama
Negara Brunei Darussalam

Kata Penghargaan



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته
dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, kita panjatkan syukur kehadiran Ilahi atas limpah kurnia dan izinNya jua kita sekali lagi berjaya menerbitkan Majalah AgriBisnes edisi ke sembilan ini dengan gigih.

Pada penerbitan kali ini, ruangan Cerita Muka Depan (*cover story*) Majalah AgriBisnes Bil. 009 Terbitan Julai-Dis 2014 memaparkan mengenai dengan *Pesta Durian dan Buah-Buahan 2014*. Pesta yang berjalan di dalam bulan Ogos yang lepas ini telah diadakan di kawasan Koridor Inovasi Bio (BIC) Zon A, Kg. Tungku ini antara lain bertujuan sebagai salah satu program jabatan bagi membantu dalam mempromosikan hasil pengusaha tanaman buah-buahan dan agrimakanan serta menanam sikap berdaya saing yang sihat antara mereka agar lebih proaktif dalam meningkatkan hasil pengeluaran buah-buahan dan produk-produk berproses.

Di dalam ruangan Cerita Muka Depan ini juga dimuatkan dengan maklumat-maklumat mengenai serangga perosak dan penyakit utama tanaman durian, cara-cara bertanam durian dan juga keterangan mengenai dengan tujuh spesis durian yang terdapat di negara ini.

Liputan di sekitar sambutan Hari Petani, Peladang, Penternak dan Nelayan yang menjadi aktiviti tahunan Jabatan ini juga dimuatkan di ruangan RISTAAN majalah ini. *The 12th 2nd Echelon Brunei Darussalam-Singapore Civil Services Exchange Programme* yang kebetulan berjalan semasa sambutan diadakan, juga diselitkan di dalam keluaran edisi kali ini.

Di samping itu, beberapa bahan lain juga yang tidak kurang menarik, umpamanya dalam ruangan RENCANA yang memaparkan mengenai dengan taklimat yang diberikan kepada pegawai dan kakitangan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dan agensi-agensi yang berkenaan dengan pemeriksaan dan pengawalan *Pre-Border* dan *Border* mengenai isu tumbuhan berbahaya yang dikenali sebagai *Rumput Miang Mexico*.

Di dalam ruangan SUMBANGAN, terdapat artikel ilmiah buat santapan pembaca mengenai dengan penemuan-penemuan Kajian Terperinci Kesan Kepada Alam Sekitar (DEIA – *Detailed Environmental Impact Assesment*) ke atas projek-projek besar yang di dalam perancangan pelaksanaan Jabatan.

Semua ini dan lazimnya, seperti juga edisi yang lepas-lepas, ruangan RISTAAN, memuatkan aktiviti-aktiviti jabatan dalam tempoh jangkamasa 6 bulan iaitu jangkamasa setiap edisi keluaran majalah ini untuk tatapan pembaca. Adalah diharapkan, penerbitan Majalah Agribisnes edisi kali ini berupaya menambah pengetahuan para pembaca semua dalam menambah pengetahuan kepada perkara-perkara terkini dan semasa serta menanai sikap positif mengenai pembangunan, perkembangan dan kemajuan industri pertanian dan agrimakanan di Negara Brunei Darussalam ini.

Akhir kalam, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada seluruh pegawai dan kakitangan yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dengan penerbitan Majalah AgriBisnes Bil. 009 Terbitan Julai-Dis 2014 ini. Semoga Allah SWT memberkati segala usaha, waktu dan tenaga yang telah disumbangkan bagi sama-sama berkongsi maklumat dan ilmu pengetahuan. Aamiin.

والسلام

Dayang Hajah Aidah binti Haji Mohd Hanifah
Pengarah Pertanian Dan Agrimakanan
Selaku Penasihat Lembaga Penyunting
Majalah Agribisnes Bil:009 Julai-Disember 2014

MAJLIS PEMBUKAAN RASMI PESTA DURIAN DAN BUAH-BUAHAN 2014

18 Ogos 2014



Selepas merasmikan Pesta Durian dan Buah-Buahan 2014, Yang Berhormat Pehin Menteri Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama membuka buah durian dengan menggunakan satu alat yang di reka bagi membuka buah durian dengan mudah sambil diperhatikan oleh isteri beliau Datin Hajah Norlina binti Dato Haji Bakar.

Majlis Pembukaan Rasmi 'Pesta Durian dan Buah-Buahan 2014' dengan tema 'Kenali Durian Teampatan Kitani' telah diadakan pada hari Isnin, 18hb. Ogos, 2014/22 Syawal 1435H. Pesta ini telah diadakan selama seminggu bermula dari 18hb. hingga 24hb. Ogos, 2014, bertempat di kawasan Koridor Inovasi Bio (BIC) Zon A, Kg. Tungku yang sebelum ini dikenali sebagai Taman Agroteknologi.

Hadir selaku Tetamu Kehormat di majlis tersebut ialah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Turut hadir memeriahkan majlis ialah Yang Berbahagia Tuan/Puan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi dan Duta-Duta negara asing di Negara Brunei Darussalam, Ahli-Ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Negara, Yang Mulia Dayang Hajah Hasnah binti Ibrahim, Timbalan Setiausaha Tetap (Pembangunan Sumber-Sumber Utama), Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama selaku Pengerusi Majlis, Yang Mulia Awang Haji Khairudin bin Haji Abd Hamid, Timbalan Setiausaha Tetap (Pembangunan Industri dan Keusahawanan), Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, selaku Timbalan Pengerusi, Dayang Hajah Aidah binti Haji Mohd Hanifah, Pengarah Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan kerajaan dan pegawai-pegawai serta kakitangan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan para pengusaha pertanian dan agrimakanan.



Ladang Tunas Harapan yang diiktiraf sebagai sebuah ladang yang mengamalkan Amalan Pertanian Baik Brunei (Brunei GAP) banyak menyumbangkan pengeluaran buah-buahan tempatan turut menyertai Pesta Durian dan Buah-Buahan 2014.

Antara lain objektif mengungkapkayahkan pesta tersebut ialah sebagai salah satu program jabatan bagi membantu dalam mempromosi hasil pengusaha tanaman buah-buahan dan





Pengusaha ladang buah-buahan ini mengucapkan terima kasih atas usaha Jabatan Pertanian dan Agrimakanan yang menganjurkan pesta serupa ini yang membolehkan mereka memasarkan hasil ladang buah mereka.

agrimakanan serta menanam sikap berdaya saing antara mereka agar lebih proaktif dalam meningkatkan hasil pengeluaran buah-buahan dan produk-produk berproses.

lanya juga dihasratkan untuk menyediakan ruang niaga tambahan, meningkatkan interaksi sesama pengusaha dan memperkenalkan produk masing-masing serta menggalakan 'business-matching' dan seterusnya meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kewujudan pelbagai spesis buah-buahan tempatan dan luar negeri serta mendedahkan kepada teknologi penanaman dan perlindungan tanaman dari penyakit dan musuh perosak.



Orang ramai yang berkunjung ke Pesta Durian dan Buah-buahan 2014 ini tidak melepaskan peluang untuk membeli buah durian dengan harga yang berpatutan.



Pengusaha ladang buah-buahan tidak melepaskan peluang menyertai Pesta Durian dan Buah-buahan 2014 ini untuk menjual hasil ladang mereka.

T
K
e
m
p
a
t
i
a
n
D
u
r
i
a
n
i



Buah durian tempatan ada beberapa jenis varieti.



"DURIAN AND FRUITS FAIR 2014"



After the opening ceremony, Yang Berhormat Minister of Industry and Primary Resources opened the durian with a specially designed equipment.

Durian and Fruits Fair 2014" with the theme Recognize Our Local Durian was held on 18th August – 24th August 2014M, 22 Syawal – 28 Syawal 1435H at Bio Innovation Corridor (BIC) Zone A, Kg Tungku previously known as Agrotechnology Park. The Fair was opened for seven (7) days starting Monday 18th August until Sunday 24th August 2014.

Durian and Fruits Fair 2014 was officiated by The Honourable Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Minister of Industry and Primary Resources. Also present were foreign Ambassadors and High Commissioners and The Honourable Members of the Legislative Council, Yang Mulia Datin Norlina binti Dato Hj Bakar, wife of the Minister of Industry and Primary Resources, Yang Mulia Hjh Hasnah binti Haji Ibrahim, Deputy Permanent Secretary (Primary Resources Development) Ministry of Industry and Primary Resources; as Chairman of the Ceremony, Yang Mulia Hj Khairuddin bin Hj Abd Hamid, Deputy Permanent Secretary (Industry and Entrepreneurship Development), Ministry of Industry and Primary Resources; as Deputy Chairman, Yang Mulia Hjh Aidah binti Haji Mohd Hanifah, Director of Agriculture and Agrifood, Heads of Departments, Senior Government Officials, Officers and staffs of the Ministry of Industry and Primary Resources and Entrepreneurs of agriculture and agrifood industry.



The Guest of Honour visited the Brunei GAP entrepreneur, Ladang Tunas Harapan.





The objectives of the fair were :

1. As one of the department program to assist in promoting the fruit farmers and agrifood and instill a competitive spirit among them to be more pro-active in improving the yield of fruit and processed products.
2. To provide additional marketing outlets for fruit entrepreneurs and processed fruit-based product during the fruit season.
3. To enhance the interaction among farmer/entrepreneurs and introduce their products and promote "business-matching" with food processing entrepreneurs, especially fruits.
4. To raise public awareness about the existence of various species of local fruit and introduce varieties and to expose the cultivation technique and crop protection in terms of disease and pests.
5. To attract citizens of Brunei to prioritize fruits and local products and to introduce local fruits to the local communities and foreign tourists.
6. To obtain the best breeds of local fruit from local farmers which have the potential to be developed and marketed to commercial level.
7. Promote the processed product of durian fruit and local fruits such as durian cake, durian porridge, biscuits, tempoyak and other products which are marketable and thus attract people involvement in fruit-based agrifood processed.

In this fair, various activities were held such a gallery of fruit industry exhibition and related field such as quarantine, soil science, planting technology, analysis of pesticide residues, Brunei GAP and information about diseases and pests, sensory test or sensory tasting durian fruit processing product and local fruits, durian and local fruits competition, fruits selling stalls including "Eat All You Can", food stalls and games, as well as quizzes for children and adults.

A total of 110 entrepreneurs participated in the sales outlets including three (3) stalls "EAT All You Can" and sell various kinds of durian fruits and other local fruits during the seven-day festival was held. Apart from that, entrepreneurs of agricultural inputs such as fertilizers, chemical (pesticides/fungicide/others), farm machinery



and equipment for gardening also participated in this festival.

Recorded number of visitors was estimated at 20,574 people with sales revenue durian and fruits fair 2014 totalling \$195,319.30.

Thanksgiving ceremony and doa selamat were duly held on 26th August 2014M (Tuesday), 30 Syawal 1435H at Dewan Simpung Rimba.

Present at the ceremony was Dayang Hajah Aidah Binti Haji Mohd Hanifah, Director of Agriculture and Agrifood, Dayang Hajah Khartini binti Haji Musa, Acting Deputy Director of Agriculture and Agrifood, Acting Assistant Directors, senior officers, officers and staff of Department of Agriculture and Agrifood, Head of Primary Resources and Development Centre (PreDec), Head Division of Biosecurity and Agrifood Safety Division.



PENGENALAN KEPADA SERANGGA PEROSAK DAN PENYAKIT UTAMA TANAMAN DURIAN

Disediakan oleh: Unit Perlindungan Tanaman

Jabatan Pertanian dan Agrimakanan telah mengadakan Pesta Durian dan Buah-Buahan dan mempamerkan pelbagai informasi yang memfokus kepada tanaman durian. Unit Perlindungan Tanaman mempamerkan serangga perosak dan penyakit tanaman yang utama menyerang tanaman durian dan juga pameran pemilihan dan penggunaan racun perosak tanaman secara betul dan selamat. Pameran tersebut telah diadakan di Koridor Inovasi Bio, Tungku, 21 Syawal 1435/ 18 Ogos 2014.

Pameran unit ini bertujuan untuk memberi pengetahuan asas kepada orang awam mengenai contoh-contoh serangga perosak dan penyakit tanaman yang biasanya menyerang tanaman durian. Pameran tersebut menunjukkan bentuk serangga-serangga perosak dan kesan-kesan serangannya kepada tanaman durian, dan juga kesan-kesan serangan penyakit yang menyerang tanaman durian. Ini adalah juga langkah jabatan untuk meningkatkan pengetahuan orang awam mengenai kepentingan perbezaan di antara serangga perosak dan penyakit tanaman yang sering menjadi kekeliruan.

Contoh-contoh serangga perosak tanaman durian yang dipamerkan adalah seperti Koya-koya, Teritip dan Lalat Putih. Cara ketiga-tiga serangga perosak tersebut menyerang adalah dengan menghisap cecair daripada daun, batang atau pucuk dimana ianya hinggap ataupun mendakap dan akan menyebabkan bahagian yang diserang itu menjadi kering. Jika tahap serangan adalah teruk, ianya boleh menyebabkan pohon durian tersebut layu dan mati.

Contoh-contoh penyakit tanaman durian yang dipamerkan adalah seperti Antraknos Daun, Hawar Daun, Nekrosis Daun dan Kanker. Penyakit-penyakit tanaman hanya dapat dilihat pada kesan serangannya. Kuman penyebab penyakit tanaman ataupun patogen tanaman hanya dapat dilihat dengan menggunakan mikroskop kerana patogen tanaman adalah jenis mikroorganisma. Penyakit-penyakit tanaman yang menyerang pada daun menunjukkan kesan berbintik-bintik, kering pada sebahagian daun seperti terkena air panas dan jika kesan-kesan serangan tersebut bercantum ianya akan menyebabkan keseluruhan daun menjadi kering dan gugur. Daun pada tanaman adalah amat penting untuk dijaga kerana ianya adalah sumber kepada pemprosesan makanan dan fakta penting kepada produktiviti tanaman. Penyakit kanker menyerang pada kawasan akar, pangkal dan batang pokok durian dengan memburukkan bahagian yang terkena serangan. Jika penyakit kanker menyerang pada bahagian akar dan pangkal tanaman dan tidak dikawal pada peringkat awal serangan, ianya boleh menyebabkan tanaman durian tersebut kehilangan daun, menjadi kering dan kemudiannya mati.

PEMILIHAN RACUN PEROSAK TANAMAN SECARA BETUL

JENIS-JENIS RACUN

JENIS-JENIS RACUN	PEROSAK YANG DIKAWAL
RACUN SERANGGA	SERANGGA-SERANGGA
RACUN HAMAMA	HAMA
RACUN SIPUT	SIPUT
RACUN NEMATOD	CACING NEMATOD
RACUN TIKUS	TIKUS
RACUN PENYAKIT/KULAT	KULAT DAN BAKTERIA
RACUN RUMPAI	RUMPAI

PENGUNAAN

Pastikan jenis perosak tanaman yang menyerang tanaman sebelum memilih dan menggunakan racun perosak tanaman dengan memerhatikan tanda-tanda serangan pada tanaman

GUNAKAN RACUN SERANGGA

BUAH BERLUBANG

INDUNG SERANGGA

DAUN BERGULUNG

MAJIS SERANGGA & ULAT

GUNAKAN RACUN PENYAKIT/KULAT

BUAH BURUK/BERBINTIK

DAUN BERSINTIK

AKAR BERSINTIL

BUAH BERBIDU

GUNAKAN RACUN PEROSAK TANAMAN DENGAN BIJAKSANA!

Durian
Pesta Buah-Buahan 2014
Kualiti Durian, Keselamatan Makanan



Serangga perosak dan penyakit tanaman yang dipamerkan boleh dikawal dengan menggunakan kaedah Pengurusan Musuh Bersepadu. Kaedah pengurusan tersebut menggunakan pelbagai cara seperti kawalan kultura iaitu membuat pemantauan serangga perosak dan penyakit tanaman secara berterusan, mengamalkan kebersihan ladang daripada sisa-sisa tanaman yang telah dipangkas, dan juga melakukan pemangkasan kepada bahagian-bahagian yang perlu dipangkas untuk mengurangkan serangan dan jangkitan kepada keseluruhan pokok. Kaedah Pengurusan Musuh Bersepadu mensyorkan supaya penggunaan racun kimia ataupun racun perosak supaya digunakan sebagai pilihan terakhir.

Pemilihan racun perosak tanaman secara betul dan penggunaannya yang selamat juga termasuk sebagai bahan pameran kepada orang awam semasa Pesta Durian tersebut. Orang awam dikenalkan kepada pemilihan jenis-jenis racun yang perlu dipilih mengikut masalah serangan yang hendak dikawal kerana sememangnya terdapat pelbagai jenis racun perosak tanaman seperti racun serangga, racun kulat, racun rumpai dan sebagainya. Bahan informasi yang dipamerkan menekankan kepada pemilihan dan penggunaan racun serangga bagi mengawal serangga perosak tanaman dan penggunaan racun penyakit/kulat bagi mengawal penyakit tanaman. Adalah penting untuk membaca label pada kotak atau botol racun perosak yang hendak dibeli untuk mengetahui jenis perosak tanaman yang boleh dikawalnya sebelum membazir wang dengan pembelian dan penggunaan racun perosak yang salah.

Aspek penggunaan racun perosak secara selamat pun juga telah difokuskan pada pameran tersebut. Para pengguna racun perosak hendaklah secara amnya membaca label pada botol atau kotak racun, menyimpan botol atau kotak racun perosak di tempat yang selamat, terlindung daripada cahaya matahari dan hujan, menyediakan semua peralatan pelindung yang asas seperti topi, penutup mulut, sarung tangan dan kasut but, dan mengamalkan kebersihan diri selepas menggunakan racun perosak.

Adalah diharap supaya bahan-bahan informasi yang dipamerkan oleh Unit Perlindungan Tanaman semasa Pesta Durian dan Buah-Buahan 2014 tersebut dapat meningkatkan pengetahuan orang awam dari segi pengenalan serangga perosak dan penyakit tanaman durian dan juga meningkatkan pengetahuan dan kesedaran orang awam dalam memilih racun perosak dan penggunaannya secara betul dan selamat.

PENYAKIT UTAMA TANAMAN DURIAN

Buruk Daun/ Antraknos Daun

KAWALAN:

- Amalkan kebersihan ladang.
- Buang dan bakar daun-daun yang terkena serangan dan gugur di bawah pokok.
- Sembur dengan racun penyakit yang disyorkan seperti Benomyl, Carbendazim, Chlorothalonil, Mancozeb, Propineb, Difenconazole, Prochloraz manganese chloride, Tebuconazole, Iprodione, Trifloxystrobin pada keseluruhan pokok di ladang.



Nekrosis Daun

KAWALAN:

- Amalkan kebersihan ladang.
- Buang dan bakar daun-daun yang terkena serangan dan gugur di bawah pokok.
- Sembur dengan racun penyakit yang disyorkan seperti Benomyl, Carbendazim, Difenconazole dan Prochloraz Manganese Chloride pada keseluruhan pokok di ladang.



Penyakit Hawar Daun

Kawalan:

- Amalkan jarak tanaman yang sesuai.
- Elakkan melakukan sirama air yang berlebihan.
- Bahagian yang diserang dibuang dan dibakar.
- Sembur pohon dengan racun yang disyorkan seperti Pencycuron, Benomyl, Carbendazim, Chlorothalonil dan Mancozeb



Penyakit Kanker

KAWALAN:

- Bahagian yang terkena penyakit hendaklah dibuang dan dikikis dan kemudian disapu dengan racun penyakit yang disyorkan.
- Siram dengan racun penyakit disekeliling tanah pokok yang berpenyakit dan pokok-pokok yang berhampiran; racun disyorkan seperti Metalaxyl, Fosetyl-aluminium, Phosphorus Acid, Copper hydroxide, Copper oxychloride, Tribasic copper sulphate.



SERANGGA PEROSAK PENGHISAP CECAIR TANAMAN

KOYA-KOYA



TERITIP DAN KESAN SERANGANNYA



LALAT PUTIH



Cara pengawalan

1. Carilah bahagian tanaman yang diserang dan bakar. Jangan biarkan bersisah kerana serangga yang masih hidup berupaya untuk berpindah ke tanaman yang berhampiran.

2. Sembur dengan 'minyak putih' atau campuran 'minyak masak' dengan kadar:

PELAKS	KADAR
1. Minyak Putih	10 ML Minyak Putih 0.5L Air
2. Campuran minyak masak	100ML Minyak Masak 1000ml air panas/garam 1L Air

- Sembur pada awal pagi atau akhir petang untuk menghindari waktu panas terik kerana kedua-dua kawalan ini berasaskan minyak.
- Sembur pada bahagian atas dan bawah daun dan pada keseluruhan tanaman.

3. Racun serangga seperti seperti Cypermethrin bolehlah digunakan sebagai pilihan terakhir, mengikut kadar dan tatacara pada label racun.

4. Pokok semalan pada peringkat awal mudah terdedah kepada serangga perosak. Jangan biarkan anak benih terlalu lama di dalam semalan dan pastikan semalan bebas dari serangga tersebut sebelum pemindahan ke ladang.

Durian
Buah-Buahan 2014
Kisah Durian Tempatan Kita

PENGGUNAAN RACUN PEROSAK TANAMAN SECARA SELAMAT DAN BERKESA



Gunakan pakaian keselamatan semasa menyembur racun perosak tanaman.



Simpan racun di dalam itor yang berkunci dan jauh dari makanan dan kanak-kanak.



Jika tercemar, cuci kulit serta merta. Selepas menyembur, cuci semua peralatan serta pakaian.



Amalkan membaca label sebelum menggunakan racun.

Pastikan alat penyembur tidak bocor atau rosak.



Jangan menyimpan racun di dalam bekas minuman atau menggunakan bekas racun untuk penyimpanan makanan atau air.



Jangan cemarkan alam sekitar. Jangan menggunakan racun yang sama untuk jangka masa yang panjang.



Elakkan mencampur racun bagi tujuan menyembur sekaligus. Patuhi syer-syer sukatan dan kekerapan semburan.



Durian
Buah-Buahan 2014
Kisah Durian Tempatan Kita



DURIAN

Durian adalah sejenis buah tropika yang bermusim, tergolong dari keluarga *Bombacaceae*. Ianya popular di negara-negara Asia Tenggara. Buah ini digemari kerana keenakan dan rasanya yang manis dan beraroma kuat. Ketinggian pokok boleh mencapai 40 meter dan berumur 50-150 tahun.

Di negara ini terdapat 7 spesies durian yang boleh dimakan iaitu durian kuning (*Durio graveolens*), durian putih (*Durio zibethinus Murr.*), durian pulu (*Durio kutejensis*), durian kura-kura (*Durio testudinarum Becc.*), durian suluk (*Durio spp.*) durian sukan (*Durio oxleyanus Griff.*) dan durian maragang (*Durio dulcis Becc.*)

Kesesuaian tanah

Durian sesuai ditanam pada tanah jenis lom berpasir atau lom liat yang besaliran baik, tinggi bahan organik dan di kawasan rata atau berbukit landai (< 35°). Paras muka air hendaklah 1 meter dalam dari permukaan tanah. pH tanah yang optima adalah 5.5 – 6.5 dan masalah kemasaman tanah hendaklah diperbaiki dengan kapur.

Klon yang disyorkan

Sehingga sekarang Jabatan Pertanian dan Agrimakanan telah berjaya mendaftarkan sebanyak 175 klon durian tempatan dan luar negeri yang berpotensi dan dari jumlah tersebut 9 klon telah pun disyorkan kepada peladang/pengusaha tanaman buah-buahan untuk ditanam di ladang mereka. Klon-klon tersebut ialah BD102 (Durian Otak Udang Galah), BD26 dan BD104 (Durian Pulu), BD1 (Durian Siunggong), BD117 (Durian Sukang), BD19 (Durian Chanee), BD20 (Durian Monthong), BD21 (Durian Kanyao) dan BD76 (Durian Mas Johor).

CARA BERTANAM POKOK DURIAN

Teknik bertanam



Sediakan 15-25 kg najis ayam atau 5-10 kg najis kambing yang berproses, 500 gm kapur, 150-200 gm TSP (untuk satu lubang tanaman).



Gali lubang berukuran 1m x 1m x 0.5m dengan mengasingkan tanah lapisan atas dan tanah lapisan bawah.



Masukkan tanah lapisan atas ke dalam lubang tanaman + setengah baja asas. Gaul campuran dan padatkan.





Masukkan tanah lapisan bawah ke atas campuran tanah lapisan atas dan gaul dengan lebih baja asas dan padatkan. Biarkan membusut sedikit.



Penanaman dilakukan 2 minggu selepas penyediaan lubang. Gali lubang sebesar beg plastik pokok semaian dan masukkan anak benih ke dalam lubang.



Pokok ditanam tegak, ditimbus dengan tanah dan dipadatkan.



Sungkupan diberikan untuk mengekalkan kelembapan tanah dan mengawal pertumbuhan rumput. Diperingkat awal pertumbuhan, pengairan dilakukan 2 kali sehari (pagi dan petang).



Lindungan/naungan menggunakan rawa hitam atau dedaun kelapa dengan dipasang menghadap matahari terbit dan matahari terbenam.



Pembajaan

Pembajaan amalan yang penting untuk pertumbuhan dan penghasilan yang baik. Program pembajaan bermula dari awal pertumbuhan di ladang. Kadar dan kekerapan pembajaan akan berubah mengikut jenis dan umur pokok.

Teknik pembajaan

• Poket



• Ring



• Tabur



Jadual Pembajaan

Umur pokok (tahun)	Kekerapan / tahun	Pembajaan NPK Kadar sekali untuk sepokok (gram)	
		15:15:15	12:12:17:2
1	5	140	-
2	4	250	-
3	3	600	-
4	3	1100	-
5	3	-	1800
6	3	-	2300
7	3	-	2700
8 & keatas	3	-	3200

DURIAN KUNING

(*Durio graveolens* Becc.)

Durian kuning adalah antara spesis durian yang sangat digemari di Negara Brunei Darussalam. Spesis durian ini merupakan spesis yang paling *heterogenous* dan yang banyak variasi buah yang sangat menarik, iaitu daripada yang isinya berwarna kuning cerah hingga kejingga cerah dan ada pula yang merah tua. Jenis yang isinya kuning cerah menyerupai warna bunga simpur disebut durian kuning Bunga Simpur. Jenis yang isinya kuning jingga hingga jingga seperti buah pinang masak disebut Durian Kuning Pinang Masak. Manakala durian kuning yang menyerupai merah otak udang galah disebut Durian Otak Udang Galah.

Ciri morfologi

Pokok

Pokok durian kuning besar dan berbatang tegap yang boleh mencapai ketinggian 30 – 40 m. Kanopinya menyebar dan berbentuk kon atau bujur. Kulit batangnya berwarna perang kemerahan, sederhana licin tetapi kadang-kadang berkeping-keping kelabu.



Daun

Daunnya berbentuk *oblong* atau *elips* dan agak tebal. Permukaan atas daun licin tetapi permukaan bawah diselaputi sisik tebal berwarna perang tembaga. Panjang daun 15-18 cm dan lebarnya 5-8 cm.



Bunga

Bunga keluar berkelompok-kelompok di sepanjang dahan dan ranting. Bunga-bunga ini teratur pada jambak sima yang pendek. Petal bunga berwarna putih lembut dan gebu. Stamen dalam kelompok 5 cuping petal dan setiap satu petal mempunyai 5-6 *filament* yang panjang berhujungkan anter yang gebu. *Ovari superior* dihubungkan dengan stil bertangkai panjang dan lurus berhujungkan stigma berwarna kuning atau jingga yang terletak di tengah-tengah kelopak petal.





Buah

Buah berwarna kuning hingga jingga, kecil daripada durian putih dan berbentuk hampir bulat. Durinya agak panjang dan tajam kadang-kadang membengkok pada pangsa, isinya tebal menyeliputi biji yang berbentuk ellipsoid. Arilnya berwarna kuning, jingga hingga merah gelap.



DURIAN SULUK

(*Durio graveolens* Becc.)


Durian suluk merupakan salah satu jenis durian tempatan yang berpotensi untuk dikomersialkan, ini kerana durian suluk digemari sebab rasa isinya yang lemak-lemak manis dan bertekstur lembut. Durian suluk dipercayai hasil dari kacukan antara durian putih dengan durian kuning secara semula jadi. Terdapat beberapa varieti atau jenis durian suluk, antaranya durian suluk tembaga, durian suluk hijau, durian suluk isi merah (utak udang) dan durian suluk siunggong.



Ciri morfologi

Pokok

Pokok durian suluk sederhana tingginya, iaitu 12-20m tinggi. Kanopinya berbentuk kon, tirus sedikit dihujung dan agak padat dengan daun-daun yang kecil.



Daun

Daun durian suluk berwarna hijau dan berkilat di bahagian atas. Permukaan bawah daun pula berwarna perang cerah dan bersisik perang kelabu dan berbentuk hampir oblong. Panjang daun 20-25 cm dan lebarnya 6-10 cm.



Bunga

Bunga durian suluk berwarna putih, lebarnya 3-4 cm, pada jambak kecil mengandungi 5-6 kuntum bunga. Petalnya 5, berwarna putih. Stamenya putih, dihujung filamen yang panjangnya 3-5 cm.



Buah

Buah durian suluk berbentuk bulat atau bujur dan berwarna hijau hingga kekuningan. Saiznya sederhana, Panjangnya 10-27 cm dan lebarnya 12 – 15 cm. Berat buah boleh mencapai 2.5 kg. Kulit buah berwarna hijau hingga kekuningan dan sederhana tebal. Berbentuk bulat atau bujur tertakluk kepada jenis atau varietinya. Isinya berwarna kuning, jingga hingga merah dan beraroma kuat apabila cukup matang. Rasanya lemak-lemak manis dan bertekstur lembut.



DURIAN PULU

(*Durio kutejensis* (Hassk.) Becc.)

Durian pulu, juga dikenali sebagai durian kepulu atau kulu adalah antara yang digemari di Brunei Darussalam. Pokok durian ini banyak ditanam di dalam pulau buah bercampur dengan tanaman lain. Antara ciri-ciri yang menarik dan unik pada pokok durian ini ialah bunganya yang berwarna merah jambu pekat. Satu lagi ciri yang baik pada durian ini ialah isi buahnya tidak begitu bergas dan ini tidak menyebabkan sendawa selepas memakannya.

Ciri morfologi

Pokok

Pokok durian pulu kecil hingga sederhana besar mencapai 9 – 15 m tinggi. Kanopinya padat berbentuk luas semasa muda dan menjadi bulat apabila telah matang. Pokok yang ditanam mula berbunga dan berbuah pada ketinggian pokok 4 – 5 m. Spesies ini mudah dikenali kerana mempunyai daun besar, berwarna hijau di permukaan atas dan merah gangsa di permukaan bawahnya.



Daun

Daun durian pulu besar dan lebar. Panjangnya 15 – 20 cm, dan lebarnya 5 – 8 cm. Daun berbentuk oblong, tepinya licin dan hujungnya akuminat. Warna daun hijau berkilat.



Bunga

Bunganya besar daripada durian yang lain. Diameternya 6-10 cm, berbau kuat. Berwarna merah jambu pekat dan juga ada varietinya yang berwarna putih krim. Bunga-bunga ini keluar berkelompok-kelompok sepanjang dahan-dahan utama. Kudup bunganya berbentuk bujur panjang diselubungi oleh epikaliks yang berwarna kuning dan berbintik-bintik. Petal 5, berwarna merah, stamennya teratur dalam 5 kelompok dan kelompok mengandungi 6-10 filamen yang bercantum dipangkal dengan anter yang berwarna kuning. Stil pula di tengah-tengah, lebih panjang dan berwarna putih di hujungnyanya terdapat stigma.



Buah

Buah durian pulu kecil hingga sederhana besar, diameternya 12 – 18cm, kulitnya berwarna kuning gelap berbentuk bulat, bujur dan kadang-kadang berbonggol dan berlekuk pada pangsa. Isinya berwarna kuning hingga kemerahan, rasa manis, lemak dan beraroma.





DURIAN KURA-KURA

(*Durio testudinarium* Becc.)

Durian kura-kura mendapat namanya daripada buahnya yang berbentuk seperti kura-kura. Durian ini jarang-jarang ditanam dan masih ditemui hidup liar di hutan dan kadang-kadang ditanam bercampur dengan tanaman lain dalam pulau buah terutama di kampung pedalaman. Durian kura-kura sangat unik dan menarik dibandingkan dengan durian lain. Bunga dan buah dikeluarkan kauliflori di pangkal batang tidak seperti spesies durian lain.

Ciri morfologi

Pokok

Pokok durian kura-kura sederhana besar tingginya 7-10 m. Batangnya tegak lurus, biasanya dahan-dahan berada agak tinggi dari pangkal pokok. Kebanyakan pokok yang muda berbunga dan berbuah di pangkal pokok berhampiran dengan permukaan tanah tetapi apabila pokok semakin tua jambak-jambak bunga dan buah mula keluar lebih tinggi pada batang hingga ke dahan-dahan.



Daun

Daunnya besar dan lebar, panjangnya 20-25 cm dan lebarnya 6-8 cm, berbentuk oblong- eliptik dan akuminat di hujung. Warna daun hijau tua berkilat dan hijau pucat di permukaan bawah daun.



Bunga

Bunga keluar pada jambak di pangkal pokok. Bunga-bunga ini besar, lebarnya 10 cm, teratur padat pada jambak yang pendek. Jambak-jambak bunga ini keluar pada tisu bak kalus yang menebal.



Buah

Buah durian kura-kura berbentuk bujur dan mempunyai sedikit benjolan di bahagian pangkal buah sehingga menyerupai kura-kura. Kulitnya berwarna perang gelap semasa muda, kemudian bertukar hijau dan akhirnya perang kekuningan apabila masak.



DURIAN PUTIH

(*Durio zibethinus* Murr.)

Durian Putih merupakan antara spesies durian yang sangat digemari di Negara Brunei Darussalam dan juga seluruh penduduk Asia Tenggara kerana kelazatan isinya. Durian putih mempunyai banyak varieti dari isinya yang berwarna putih hinggalah kekuning dan kuning keemasan. Buah bersaiz besar, kulit berduri tajam dan isinya berbau kuat tetapi manis dan lazat.

Ciri morfologi

Pokok

Pokok durian putih besar, tingginya mencapai 35 – 45 m. Pokok yang dibiakkan secara tumpang saiznya lebih kecil, iaitu 10 – 15 m tingginya.



Daun

Daun durian jenis mudah, berbentuk bujur panjang, 6 – 12 cm panjangnya dan 2 – 4 cm lebar. Permukaan atas daun berwarna hijau tua berkilat dan permukaan bawahnya berwarna keemasan atau perak.

Bunga

Bunga dikeluarkan pada jambak, setiap jambak mengandungi 40-50 kuntum bunga. Kudup bunga berbentuk bulat dan ditutup oleh epikaliks. Kelopak bunga 5, berbentuk sesudu dan berwarna putih atau putih kekuningan. Stamen banyak, berbentuk berkas. Stil panjang 3-5 cm berhujungkan dengan stigma yang bulat berwarna jingga.



Buah

Buah durian putih besar, bergaris pusat 18-20 cm, berbentuk hampir oblong atau bujur panjang. Kulitnya tebal dan berduri tajam. Warna kulitnya hijau, hijau kekuningan hingga keperangan. Berkulit tebal berduri tajam dan berbentuk piramid. Isi atau arilnya berwarna putih hingga krim atau putih kekuningan dan kuning keemasan, bertekstur halus, lembut beraroma kuat. Rasanya sedap iaitu lemak manis dan kadang-kadang pahit sedikit.





DURIAN MARAGANG

(*Durio dulcis* Becc)

Durian maragang adalah antara durian yang sangat jarang ditemui. Pokok durian ini hidup liar di dalam hutan. Ciri unik durian ini ialah kulit buahnya berwarna merah tua dan isinya berwarna kuning.

Ciri morfologi

Pokok

Pokok durian maragang besar dan tingginya boleh mencapai 60 m. Pangkal batang berbanir pendek tetapi jelas terutama pada pokok yang tua. Kulit batangnya berwarna coklat keunguan dan berkeping-keping nipis. Pokok Durian maragang berbunga dan berbuah mengikut musim.




Daun

Daunnya berbentuk bujur panjang atau oblong. Lai daun nipis panjangnya 8 – 17 cm dan lebarnya 3 – 6 cm. Tangkai daun 1 – 2 cm. Pangkal daun membulat dan hujungnya runcing. Urat-urat daun sekunder melengkung dan bertemu sebelum sampai ke tepi daun.



Bunga

Bunga durian maragang unik dan cantik. Petalnya berwarna merah muda atau jingga kemerah jingga. Buahnya berwarna merah tua, berbentuk bulat dan bersaiz sederhana.



Buah

Buahnya berwarna merah tua dan bersaiz sederhana. Kulitnya dipenuhi duri-duri yang panjang dan tajam yang teratur rapat dan kemas. Hujung duri berwarna perang gelap hampir hitam. Buah yang masak mudah dibuka mengikut 5 pangsanya. Isinya kuning, agak tebal dan berasa manis tetapi baunya sangat kuat dan tidak menyenangkan.



DURIAN SUKANG

(*Durio oxleyanu* Griff.)

Durian sukang terdapat di pulau-pulau buah dan di kebun-kebun lama dalam separuh liar di kampung-kampung. Pokok durian ini jarang ditanam kerana buahnya yang agak sukar dibuka dan kebanyakan buahnya mempunyai isi yang nipis. Durian sukang sangat *homogenous*, tidak terdapat variasi yang banyak pada buah dan juga hanya mempunyai 4 pangsa tidak seperti spesies durian yang lain yang mempunyai 5 pangsa.

Ciri morfologi

Pokok

Pokok durian sukang sangat besar mencapai 40 m. Batangnya lurus dan kuat, mempunyai banir yang jelas di pangkal pokok.



Daun

Daunnya jenis mudah, saiznya seperti durian putih. Warna daunnya hijau muda di permukaan atas. Permukaan bawah daun bersisik-sisik menyerupai titik-titik warna kuning tembaga bertaburan pada permukaan yang kelabu.



Bunga

Bunganya kecil 8 - 15 mm lebar, berbau harum sedikit dan berwarna putih hingga krim pucat. Bunga-bunga ini keluar berjambak-jambak pada ranting dan dahan-dahan.



Buah

Buah durian sukang kecil hingga sederhana (15-20 cm diameter). Bentuknya bulat, kulitnya berwarna hijau hingga buah masak. Duri-durinya panjang dan tajam melengkuk dan bertaup ke arah pangsa buah. Buahnya hanya mempunyai 4 pangsa. Isinya berwarna kuning cerah. Rasa manis lemak, bertekstur halus dan baunya kurang kuat.





PERTANDINGAN MENCIPTA PRODUK MAKANAN DAN MINUMAN BERASASKAN BUAH DURIAN DAN BUAH-BUAHAN TEMPATAN



Majlis penyampaian hadiah dan sijil penghargaan bagi peserta dan hakim pertandingan produk berasaskan durian dan buah-buahan tempatan telah diadakan pada 26hb Ogos 2014 di Pusat Hortikultur Rimba, Gadong yang telah disampaikan oleh tetamu kehormat, Yang Mulia Dayang Hajah Aidah binti Haji Mohd Hanifah, Pengarah Pertanian dan Agrimakanan.



Penghakiman sedang dijalankan oleh hakim-hakim mengikut kriteria persembahan, rasa, kreativiti, inovatif dan ketulenan resepi.

Jabatan Pertanian dan Agrimakanan melalui Unit Pembungkusan Agrimakanan di bawah Bahagian Industri Agrimakanan telah menganjurkan pertandingan mencipta produk makanan dan minuman berasaskan buah durian dan buah-buahan tempatan sempena Pesta Durian dan Buah-buahan Tempatan, yang telah diadakan pada hari Isnin, 22 Syawal 1435 bersamaan 18 Ogos 2014, bertempat di Koridor Inovasi Bio (BIC)- Zon A, Kampong Tungku, Taman Agroteknologi. Tujuan utama pertandingan ini diadakan selain menyemerakkan pesta ialah, mengeksplorasi potensi buah-buahan durian dan tempatan bagi membangunkan produk unik dan terbaru; memberi peluang kepada pengusaha-pengusaha tempatan dan orang ramai menggunakan kreativiti mereka bagi menghasilkan produk yang inovatif; meningkatkan penggunaan buah-buahan durian dan tempatan bagi menghasilkan produk-produk yang berpotensi dibangunkan bagi tujuan pasaran.

Seramai 18 orang pengusaha tempatan telah menyertai salah satu kategori produk dari buah tempatan yang terdiri dari buah durian kuning, durian putih, tarap atau kembayau dengan syarat, produk mestilah dihasilkan oleh pengusaha itu sendiri dan resepi produk mestilah asli dan tidak pernah dicipta sebelumnya. Resepi dan tata cara pembuatan juga turut di hantar untuk dinilai semasa penghakiman. Semua produk telah dihantar pada hari perasmian pesta tersebut sebelum jam 8 pagi sebelum dihakamkan

Sebanyak 3 orang hakim pertandingan telah dilantik dan dijemput untuk menghakamkan produk-produk yang dipertandingkan. Hakim-hakim itu ialah Awg Haji Wan @ Mohdar bin Mahmud dari Amy Azwani Enterprise, Chef Awang Rezal bin Othman dari Rizqun International Hotel dan Dayang Hajah Nooraishah binti Haji Osman dari Pusat Pembangunan Belia dan Sukan. Penghakiman bermula pada jam 8.00 pagi di Pejabat



Cup Cake Durian

Inovasi Halal, Kampong Tungku. Kriteria penghakiman pertandingan adalah dinilai dari segi persembahan, rasa, kreativiti, inovasi produk yang boleh dipasarkan dan ketulenan resepi.

Produk Cup Cake Durian oleh Yang Mulia Awang Haji Seri Amir Mahadir bin Anwar dari Syarikat Monahana Enterprise telah berjaya memenangi pertandingan dengan markah 77%. Pemenang kedua, dengan produk Kek Batik Durian Kuning oleh Yang Mulia Hajah Siti Sahara binti Awang Haji Besar dengan dari Syarikat S. Sahara Enterprise dengan markah 74.3%. Manakala, pemenang ketiga merupakan peserta dari orang awam, Dk Nur Ameera Sa'adatul Mubaarak binti Pg Haji Hashim dengan produk Sambal Kembayau mendapat markah 71%. Produk-produk unik yang menarik perhatian dalam pertandingan ini ialah nasi goreng durian putih, kek cheese durian dan puding durian.

Semua peserta dan hakim pertandingan mencipta produk makanan dan minuman berasaskan buah durian dan buah-buahan tempatan telah dijemput bagi penyampaian hadiah-hadiah pemenang, penghakiman dan sijil penghargaan di majlis doa kesyukuran sempena penutup Pesta Durian dan Buah-buahan Tempatan 2014 pada 26 Ogos 2014 bertempat di Dewan Simpung, Pusat Perniagaan Hortikultur, Rimba Gadong. Majlis penyampaian tersebut telah disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis iaitu, Yang Mulia Dayang Hajah Aidah binti Haji Mohd Hanifah, Pengarah Pertanian dan Agrimakanan.

Adalah diharapkan agar pertandingannya seperti ini dapat diadakan sekerap mungkin untuk mengeksploitasikan sumber bahan tempatan bagi menghasilkan produk-produk baru, unik dan inovatif serta dapat dijadikan kajian produk yang berpotensi dibangunkan dan dipasarkan sebagai produk unik negara. Dengan itu, juga buah-buahan durian dan buah-buahan tempatan tidak pupus malah penanamannya dikembangkan sebagai salah satu aset penghasilan negara.



Kek Batek Durian Kuning



Sambal Kembayau



Kek chesse Durian Kuning



Puding Durian



Nasi Goreng durian putih



PENGURUSAN LEPAS TUAI BUAH DURIAN

Pengurusan lepas tuai yang holistik bermula dari pemilihan indeks menuai yang digunakan dikuti dengan pengendalian diladang; operasi rumah pembungkusan merangkumi pemilihan, pembersihan, rawatan, pembungkusan dan penyimpanan; dan mengambil kira keperluan pemasaran, pengedaran dan lojistik, dan runcit.

Perihal Lepas Tuai Buah Durian

Buah Durian tempatan sangat digemari kerana warna, bau dan rasanya yang unik dan agak berbeza daripada buah durian putih varieti komersial import; perisa terbaik diperolehi dari buah yang gugur semulajadi (cukup matang) dan optimum apabila buah dipetik ketika hijau matang dan perlu diperam sebelum sedia untuk dimakan; bersifat sangat mudah rosak dalam persekitaran biasa kerana proses fisiokimia semulajadi yang berterusan dan kehadiran semulajadi kuman dan kulat patogen tanaman seperti *Lasiodiplodia theobromae* dan *Clostridium spp* terutama *C. botulinum* yang terbawa dari tanah; dan mudah tercemar kepada patogen manusia terutamanya *Escherichia coli*, *Staphylococcus aureus* dan *Salmonella spp* dari pencemaran silang antara manusia, premis, peralatan/perkakas dan persekitaran semasa pengendalian.

Panduan Sanitasi dan Kebersihan Dalam Pengendalian Buah Durian dan Penyediaan Isi Durian Segar

Aspek-aspek sanitasi dan kebersihan pekerja, premis, proses dan sistem pengurusan, dan produk perlu diambil berat bagi mengurangkan pencemaran.

Pekerja hendaklah mengamalkan dan mematuhi etika peribadi, etika sanitasi dan kebersihan diri, etika kerja dan etika pakaian yang disarankan.

Premis hendaklah memenuhi kriteria yang disyorkan seperti bangunan yang tertutup dan terlindung; permukaan dinding yang licin dan mudah dicuci; pemasangan saluran bekalan air bersih yang teratur; susun atur pembuangan sampah dan saluran air sisa yang teratur; system kawalan udara persekitaran (suhu dan kelembapan dan pengudaraan) yang teratur; dan system kawalan makhluk perosak yang efektif.

Proses dan sistem pengurusan hendaklah berasaskan prosedur-prosedur operasi yang teratur bagi rawatan air, pembuangan sampah dan sisa air dan kawalan udara persekitaran (suhu dan kelembapan dan pengudaraan); aliran produk dalam satu hala sahaja; melaksanakan program pemuliharaan dan kalibrasi perkakas dan peralatan dan program kebersihan dan sanitasi keseluruhan secara teratur dan efisien; mematuhi prinsip amalan-amalan baik seperti *GAP*, *GHP* dan *GMP*; dan menerapkan sistem pengurusan *HACCP* seperti yang disyorkan.



Contoh pakaian operator
Pengendalian buah durian



Contoh pakaian operator penyediaan isi buah durian segar

INDEKS MENUAI

Varieti Durian	Indeks Kematangan
<i>Durio graveolens</i> Durian Bunga Simpur (BD28)	✓ 130 hari dari mula berbunga ✓ Tidak kurang dari 13 hari selepas buah matang pertama gugur.
<i>Durio kutejensis</i> Durian Pulu (BD10)	✓ Dasar kulit bertukar hijau kekuningan ✓ Garis belahan ketar kelihatan

Produk hendaklah dihasilkan dari buah-buah yang mencapai kematangan yang disyorkan semasa dituai, dipetik, dipilih, dibersihkan dan dikendalikan secara selamat dan sempurna semasa di ladang.

Panduan Pengendalian Buah Durian

Buah Durian hendaklah dikendalikan secara sistematik dan selamat bagi mengurangkan kerugian lepas tuai; memelihara kualiti dan keselamatan; dan meningkatkan daya persembahan buah durian dan kecekapan pengurusan rangkaian perbekalan.

Perkara-perkara yang perlu diberi perhatian semasa operasi rumah pembungkusan buah durian.



Pemilihan dan pembersihan buah hendaklah dilakukan diladang bagi membuang buah rosak.



Pemeriksaan kualiti dan kebersihan buah dilakukan di rumah pembungkusan



Buah hendaklah dicuci dengan air bersih dan dirawat basmi kuman.



Gunakan bakul untuk pengangkutan ulang alik dan kotak kertas pakai buang untuk memasarkan buah. Bubuh label yang bersesuaian.



Pastikan buah disimpan pada suhu 12.5-25°C dan 85-90% Kelembapan dengan udara yang silih berganti.

Panduan Penyediaan Produk Isi Durian Segar

Isi Durian Segar sedia untuk dimakan hendaklah disediakan secara sistematik dan bersih (*hygienic*) bagi mengelakkan dari dicemari oleh patogen manusia seperti spesis-spesis *Staphylococcus*, *Salmonella* dan *Escherichia coli* yang berbahaya; memelihara kesegaran, kualiti dan keselamatan; memanjangkan tempoh simpan; dan meningkatkan daya persembahan produk isi durian segar dan kecekapan pengurusan rangkaian perbekalan.

Perkara-perkara yang perlu diberi perhatian semasa operasi penyediaan isi durian segar



Bekalan buah hendaklah masih mangkal, bersih dan tidak rosak, merekah dan berpenyakit.



Buah hendaklah dicuci dengan air bersih dan dirawat basmi kuman sebelum dikopek.



Kopek buah dan potong pangkal ulas isi durian menggunakan alat tajam dan pindahkan isi durian menggunakan penyeduk untuk ditimbang dengan cermat. Pastikan peralatan, tempat dan persekitaran sentiasa bersih dan sejuk.



Pastikan bekas plastik "food grade" kemas dan disegel dan label dibubuh jenis, berat, tarikh membungkus, alamat pengeluar dan arahan penyimpanan dan penggunaan. Simpan pada suhu 0-4°C untuk 4 minggu dan -18°C untuk 1 tahun.

Manfaat Produk Tambah Nilai Durian Segar

Pengurusan lepas tuai buah durian yang efisien boleh meningkatkan kecekapan pengurusan sistem rangkaian perbekalan produk durian segar secara keseluruhannya melalui penghasilan paket-paket yang seragam kualiti isi kandungannya, diketahui asal usulnya, diyakini keselamatannya, tempoh simpan yang lebih panjang dan memberi kemudahan kepada pengguna serta dengan persembahan yang lebih menarik. Paket-paket tersebut mudah dan selamat untuk diangkut dan mudah untuk menembusi pasaran yang lebih luas termasuk peluang untuk eksport.



TAKLIMAT MENGENAI ISU TUMBUHAN *NOXIOUS PLANT* (*PARTHENIUM HYSTEROPHORUS*) - Rumpai Miang Mexico

Disediakan oleh: Unit Perlindungan Tanaman

Pada 27 Safar 1436 bersamaan 20 Disember, 2014, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan telah mengadakan taklimat mengenai isu tumbuhan berbahaya (*noxious plant*) iaitu mengenai rumpai *Parthenium hysterophorus* atau dikenali dengan nama Rumpai Miang Mexico bertempat di Dewan Simpur, Pusat Hortikultur Rimba Gadong dan dipengerusikan oleh Dayang Hajah Khartini binti Haji Musa, Pemangku Pengarah Pertanian dan Agrimakanan. Taklimat berkenaan telah disampaikan oleh Awang Noor Azri bin Haji Mohd Noor, Ketua Unit Perlindungan dan Dr Ummi Fatimiah binti Haji Abd Rahman, Ketua Unit Pemeliharaan Ternakan dan telah dihadiri oleh Pegawai dan Kakitangan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Sumber-Sumber Utama, Bahagian Biosekuriti dan juga pegawai/kakitangan dari Jabatan Kastam dan Imigresen.



Jemputan yang menghadiri taklimat tersebut

Taklimat tersebut diadakan bertujuan untuk memberi kesedaran dan pengetahuan asas kepada semua yang hadir mengenai isu tumbuhan berbahaya (*noxious plant*) khususnya *Parthenium hysterophorus* atau dikenali dengan nama Rumpai Miang Mexico.

Taklimat ini juga bertujuan untuk berkongsi maklumat asas mengenai tumbuhan berbahaya tersebut sebagai langkah untuk berwaspada, di mana pegawai dan kakitangan jabatan diberikan informasi mengenai dengan tumbuhan tersebut walaupun belum ada maklumat mengenai penemuan rumpai tersebut di negara ini setakat ini.

Dengan adanya maklumat yang dikongsikan, diharap sedikit sebanyak, semua yang hadir akan dapat gambaran dan mengenali keadaan rumpai yang dimaksudkan bagi memudahkan pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Sumber-Sumber Utama, Bahagian Biosekuriti dengan kerjasama agensi-agensi berkenaan untuk melaksanakan beberapa tindakan selanjutnya

dengan segera seperti mengadakan surveilans di ladang-ladang pertanian, pemeriksaan dan pengawalan di "Pre-Border" dan "Border", program kesedaran kepada para pengusaha, peladang, penternak dan orang ramai.



Pengerusi majlis, Dayang Hajah Khartini binti Haji Musa, Pemangku Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, menyampaikan kata-kata aluan kepada jemputan yang hadir diikuti dengan sesi taklimat yang disampaikan oleh Awang Noor Azri bin Haji Mohd Noor, Ketua Unit Perlindungan Tanaman dan Dr Ummi Fatimiah binti Haji Abd Rahman, Ketua Unit Pemeliharaan Ternakan.

Bagi memastikan lagi mengenai dengan rumpai ini, pihak jabatan pada masa ini juga berusaha untuk mendatangkan pakar dari Malaysia bagi membantu pegawai-pegawai Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Sumber-Sumber Utama dan Bahagian Biosekuriti mengenali atau mengetahui dengan lebih lanjut lagi mengenai dengan rumpai tersebut. Khidmat pakar tersebut juga akan dikongsikan bersama dengan agensi-agensinya berkenaan dan juga bersama pengusaha, peladang dan penternak di negara ini.

Isi kandungan taklimat memfokuskan kepada dua bahagian, iaitu pengenalan berpandukan kit pengenalan rumpai *Parthenium* dan juga kesan-kesannya terhadap ternakan. Rumpai *Parthenium* adalah sejenis tumbuhan yang dikategorikan sebagai noxious atau *invasif*. Ianya berasal daripada negara Latin Amerika dan telah tersebar pertumbuhannya di negara-negara seperti India, Australia dan baru-baru ini telah menjadi fokus utama di negara Malaysia. Sehingga kini beberapa kawasan di Malaysia telah menerima laporan mengenai pertumbuhan rumpai tersebut. Antaranya adalah di Negeri Sembilan, Kedah, Perak, Johor, Melaka, Perlis, Pulau Pinang dan Sabah.

Kebimbangan timbul mengenai rumpai tersebut kerana sifat rumpai ini yang boleh membiak pada pelbagai kawasan. Rumpai tersebut mempunyai morfologi yang membolehkan ianya tumbuh dengan lebih cepat dan agresif dan menjejaskan keseimbangan kawasan persekitaran dan juga pertumbuhan tanaman di sekeliling. Rumpai tersebut juga menimbulkan kebimbangan orang ramai kerana ianya boleh menyebabkan kesan alergi kepada manusia seperti ampus, demam panas dan radang kulit. Ianya bukan sahaja membahayakan manusia malahan juga boleh menjejaskan pertanian, ternakan dan ekosistem.



Kesan alergi dermatitis pada manusia.

Selain dari itu, kandungan taklimat tersebut juga menerangkan mengenai morfologi asas kepada yang hadir, untuk mengenali morfologi rumpai tersebut dan dapat menyebarkan maklumat tersebut kepada para peladang. Penyaluran informasi ini akan dapat membantu para pengusaha, peladang dan penternak untuk menjalankan pemantauan dan membuat laporan jika mereka mengesyaki akan rumpai tersebut berada di ladang mereka. Morfologi yang mudah digunakan sebagai perbezaan adalah bentuk daun jalur pada bahagian batang dan juga bentuk dan susunan bunga rumpai. Ianya dapat membezakan di antara tumbuhan ulam raja dan rancah-rancah seperti yang dikelirukan



Rumpai Miang Mexico (*PARTHENIUM HYSTEROPHORUS*).



Daun Rancah-rancah - bentuk daun seakan-akan sama dengan daun rumpai Miang Mexico (*Parthenium*).

oleh orang ramai. Informasi yang didapati mengenai rumpai tersebut menyatakan bahawa ianya hanya mengambil masa selama 4 minggu dari peringkat semailan hingga bunga luruh sekiranya kawasan persekitaran dan cuaca adalah bersesuaian untuk pertumbuhan rumpai tersebut.

Taklimat kedua

menerangkan maklumat asas mengenai kesan rumpai tersebut kepada kualiti daging ternakan. Jika ternakan kerbau dan lembu termakan rumpai tersebut ianya boleh menyebabkan penyakit radang kulit yang teruk dan juga keracunan dalam sistem badan ternakan.



Bentuk bunga rumpai *Parthenium*.

Bagi daging kambing, ianya boleh mengakibatkan pencemaran daging biri-biri. Secara amnya, rumpai tersebut boleh menyebabkan *ulcer* kepada saluran pernafasan ternakan.

Setakat ini, pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan belum menerima sebarang laporan mengenai keberadaan rumpai *Parthenium* di negara ini. Pihak jabatan, memohon kerjasama daripada pihak berkenaan untuk mengedarkan atau mengongsikan maklumat mengenai *kit* pengenalan rumpai *Parthenium* ini kepada para pengusaha, peladang, penternak dan pihak-pihak yang berkenaan sebagai rujukan untuk mengenalpasti rumpai tersebut.

Pihak jabatan juga mensyorkan langkah-langkah keselamatan untuk diambil semasa menjalankan kerja-kerja pemantauan dengan menggunakan sarung tangan, lengan panjang, seluar panjang dan penutup mulut. Langkah tersebut adalah untuk mengelakkan daripada kesan alergi.

Taklimat ini juga menyentuh mengenai cara-cara pengawalan yang bersepadu untuk mengawal rumpai tersebut. Ini termasuk, melakukan pemantauan yang berterusan, mengelakkan daripada mencabut tumbuhan dalam peringkat berbunga kerana ianya boleh menyebarkan lagi benih tumbuhan rumpai. Hanya

disyorkan untuk mencabut rumpai pada peringkat vegetatif sehingga ke akar tunjang. Rumpai yang sudah berbunga sebaiknya disemur dengan racun rumpai yang sistemik supaya ia dapat mematikan tumbuhan dari bahagian akar dan pangkal dan mematikan sistem pertumbuhan sebelum bunganya luruh dan rumpai merebakkan benihnya. Sesudah keseluruhan rumpai kering dan mati, setiap pohon samada dibakar pada tapak tersebut ataupun dicabut keseluruhannya dari tapak tersebut. Setelah kerja-kerja selesai dijalankan, adalah dimestikan meneruskan pemantauan untuk memastikan rumpai tersebut tidak membiak semula pada tapak yang sama.

Diharap taklimat yang disampaikan sedikit sebanyak akan dapat membantu para pegawai dan kakitangan, pengusaha, peladang, penternak dan agensi-agensi kerajaan yang lain untuk mengenalpasti dan menyebarkan maklumat mengenai rumpai *Parthenium* dan seterusnya meningkatkan kewaspadaan dan bekerjasama dalam mengawal kemasukan dan merebaknya rumpai *Parthenium* di negara ini.

KAJIAN PENILAIAN TERPEINCI KESAN KEPADA ALAM SEKITAR (DEIA) BAGI PROJEK-PROJEK PERTANIAN BRUNEI DARUSSALAM

Disediakan oleh: Dr H M Thippeswamy, Mohammad Izzannudin bin Haji Bujang dan Zurairah binti Haji Md Salleh
UNIT SAINS TANAH DAN NUTRIEN TANAMAN



Majlis Penandatanganan Kontrak Perjanjian antara Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dengan Technotest Sdn Bhd bagi kajian DEIA di beberapa kawasan projek di Daerah Brunei Muara dan Temburong.

PENGENALAN

Perubahan ekonomi, sosial dan persekitaran adalah asas kepada pembangunan negara yang disasarkan ke arah perubahan positif yang mana boleh menjurus kepada konflik persekitaran. Terdahulu, pertumbuhan ekonomi adalah teras pembangunan utama dengan tidak mengambil kira kesan buruk kepada sosial dan alam sekitar. Keperluan bagi menghindari kesan buruk kepada alam sekitar adalah bagi memastikan manfaat jangka masa panjang yang berkonsepkan kemapanan. Konsep ini menjadi satu ciri penting bagi pembangunan negara untuk meningkatkan kesejahteraan yang akan dinikmati dari generasi ke generasi.

Bagi menjangka kesan projek pembangunan dan mengurangkan kesan buruk terhadap alam sekitar, prosedur kajian penilaian kesan kepada alam sekitar (EIA) telah dibangunkan dan digunakan. Dalam konteks negara, Kementerian Pembangunan telah merumuskan EIA Order 2011 yang merangkumi skim pembangunan tapak dari hutan ke kawasan pengeluaran pertanian sebagai salah satu aktiviti di bawah Seksyen 7 daripada "SCHEDULE" yang menyatakan semua projek sedemikian mesti menjalani kajian EIA sebelum pelaksanaan projek tersebut.

EIA boleh didefinisikan sebagai satu proses formal bagi menjangka dan meramal kesan terhadap persekitaran bagi aktiviti pembangunan dan merancang langkah

bersesuaian untuk mengurangkan/menghapuskan kesan buruk dan meningkatkan kesan positif aktiviti berkenaan.

EIA ada tiga fungsi utama, iaitu:

- Menjangka kesan buruk aktiviti;
- Merancang langkah-langkah mitigasi kesan buruk dan
- Meningkatkan kesan positif aktiviti.

Objektif EIA adalah:

- Untuk menyelidik dan memilih aktiviti pembangunan yang paling sesuai;
- Untuk mengenal pasti, menjangka dan jika boleh, menjumlahkan kesan buruk oleh pelaksanaan aktiviti pembangunan terhadap komuniti dan



persekitaran;

- Untuk merancang dan merumus langkah-langkah mitigasi ke dalam pelan pembangunan;
- Untuk menentukan program yang berkesan dan sesuai bagi pemantauan kesan kepada alam sekitar;
- Untuk mengenal pasti kos-kos berkaitan persekitaran dan faedah projek pembangunan.

Faedah kajian EIA adalah:

- Ia memberikan maklumat berstruktur yang dikehendaki oleh pihak berkuasa bagi memudahkan proses membuat keputusan dan memberi permit/kelulusan untuk pelaksanaan projek pembangunan yang layak;
- Ia membolehkan pasukan projek untuk menilai, secara sistematik, masalah alam sekitar yang berpotensi untuk dihadapi jika sekiranya projek pembangunan yang tertentu dilaksanakan; dan mengenal pasti perkara utama yang memerlukan pertimbangan khas untuk kawalan alam sekitar.
- Ia boleh mengurangkan kos dan masa dengan mengenal pasti dan menjumlahkan kesan utama dan lanjutan yang mana, jika dibiarkan atau ditangguhkan, boleh mengakibatkan langkah-langkah pengawalan, pampasan atau kos yang mahal;
- Ia dapat membantu dalam mewujudkan objektif dan rancangan pengurusan jangka panjang;
- Satu projek yang telah direkabentuk mengikut kesesuaian persekitaran tempatan akan dapat disiapkan mengikut perancangan masa dan kos, dan boleh mengelakkan sebarang kesukaran semasa pelaksanaan projek;
- Satu projek yang bergantung dengan pemuliharaan sumber asli, akan dapat mengekalkan kemapanan selama bertahun-tahun; dan
- Satu projek yang menghasilkan manfaat/faedah tanpa menimbulkan kesan alam sekitar yang serius adalah lebih berpotensi untuk diberi penghargaan dan pengiktirafan oleh mana-mana pihak.

Keperluan dasar bagi projek-projek pertanian dari perspektif persekitaran dan penghasilan mapan

Projek tersebut hendaklah:

- Dirumuskan dengan satu pemahaman yang baik mengenai biofizik tempatan dan sosio-ekonomi dan sosio-persekitaran.
- Menggunakan amalan/pendekatan/teknologi pertanian yang mapan.
- Menggalakkan pengurusan mapan dan penggunaan proses biologi sebagai input pertanian.
- Mengikuti pendekatan ekosistem untuk pengurusan dan pengeluaran pertanian mapan.
- Menyumbang kepada perlindungan dan pemuliharaan sumber asli.

- Memulihara sumber genetik/kepelbagaian, terutama yang berkaitan dengan pertanian.
- Mengurangkan kehilangan lapisan tanah subur yang disebabkan oleh hakisan dan pengurangan hidupan tanah.
- Mencetuskan pemuliharaan dan penggunaan air yang efisien.
- Mengurangkan penyalahgunaan agro-kimia, yang menyumbang kepada pengurangan bahan toksik di tanah dan air.
- Memperkenalkan teknik bagi meningkatkan nutrien tanaman (seperti IPNS) dan perlindungan tanaman (seperti IPM).
- Memanfaatkan atau melibatkan kumpulan sasaran (iaitu pengusaha ladang yang tidak mempunyai tapak, penubuhan wanita dan penduduk tempatan) dengan mengambil kira hak peladang.
- Mempertimbangkan pengusaha dan pelabur tempatan.
- Melindungi ekosistem atau mengurangkan tekanan di kawasan terlindung.
- Menjamin pemuliharaan dan keselamatan sumber tanah.
- Mengekalkan amalan pengurusan tanah yang sedia ada.
- Menggalakkan kesedaran tentang kepentingan dalam mengurangkan penghasilan gas rumah hijau dan penyesuaian projek pembangunan kepada perubahan iklim.
- Mempertimbangkan tren perubahan iklim serta pengurangan kesan pembangunan terhadap alam sekitar.
- Dirumuskan dalam rangka kerja rancangan kemajuan negara.
- Mengelak perubahan kualiti air di kawasan projek dan pembekalannya ke hilir.

Status dan Penemuan Kajian EIA di bawah Projek Pengeluaran Beras Negara

Dengan perasmian Projek Pengeluaran Beras Negara 2009 oleh Kerajaan Brunei Darussalam bagi mencapai kearah sara diri dalam pengeluaran beras kepada 60% pada tahun 2015, kawasan baru telah dikenal pasti bagi pengeluaran beras serta meningkatkan kemudahan infrastruktur untuk kawasan yang sudah dibangunkan. Kajian mendapati bahawa penanaman padi boleh mengganggu ekosistem, walaupun ia dapat membantu dalam mencapai pengeluaran yang disasarkan. Adalah penting untuk mempertimbangkan kesan pembangunan terhadap penebangan pokok, biodiversiti, degradasi tanah, pencemaran air, penduduk setempat serta kemapanan tanah dan pengeluaran padi. Tambahan pula, beberapa isu persekitaran seperti yang dinyatakan dalam **Jadual 1** mungkin akan terjadi dari projek pembangunan berkaitan dengan pengeluaran beras.

Jadual 1 Isu persekitaran yang berkemungkinan berlaku disebabkan oleh projek pembangunan berkaitan dengan pengeluaran beras.

Jenis Penanaman	Ciri Utama Jenis Penanaman	Masalah Berbangkit
Padi Sawah (yang menggunakan air yang banyak)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pertumbuhan monokultur; Intensif, penggunaan baja, racun rumpai dan racun perosak yang berlebihan, 2. Penggunaan jentera/mesin berat, 3. Pengairan, 4. Longkang diperbuat dari konkrit dan penggantian longkang dengan paip, 5. Pertumbuhan lebih cepat, peningkatan kuantiti penanaman dan pemendekkan fasa antara musim penanaman varieti baru. 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pengurangan flora dan fauna (<i>biodiversity</i>); kehilangan pemangsa semulajadi menyebabkan kerugian hasil tuai tanaman; 2. Meningkatnya masalah kesihatan manusia dan penyakit bawaan air; meningkatnya pengumpulan <i>nitrate</i> di kolam/tasik (eutrofikasi) dan penghasilan <i>methane</i>; 3. Kepadatan tanah menyebabkan pengurangan penyimpanan air di dalam tanah; 4. Lencongan air dan terjadinya kemasinan air; 5. Kehilangan habitat bagi haiwan akuatik dan <i>vertebra</i>.

Menyedari tentang kepentingan dan keperluan EIA bagi cadangan pengeluaran beras komersial yang mapan, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan telah menjalankan kajian DEIA bagi kawasan baru yang berpotensi untuk dimajukan iaitu di Buau (1462ha), Daerah Belait serta Supon Kecil (856ha) dan Kandol (559ha), Daerah Tutong melalui khidmat konsultasi yang dilaksanakan oleh Hydecbru Construction Sdn Bhd pada 2010-2011. Semasa kajian tersebut, siasatan terperinci telah dibuat keatas penggunaan kawasan pada masa itu, penggunaan kawasan persekitaran dan kesannya terhadap alam sekitar, jenis dan kesuburan tanah, hidrologi, kualiti air dan udara serta isu sosio-ekonomi. Kesan pembangunan kepada

persekitaran juga dikaji dan dinyatakan diikuti dengan saranan mengenai langkah-langkah mitigasi. Kajian juga menunjukkan bahawa ketiga-tiga kawasan selamat untuk dibangunkan dari perspektif kesan terhadap persekitaran sekiranya langkah-langkah mitigasi yang disarankan diamalkan dengan amalan pengurusan persekitaran yang baik dan sesuai untuk penanaman padi komersial.

Tambahan lagi, kawasan seluas 1,080 hektar yang merangkumi 6 kawasan projek iaitu Wasan, Junjungan, Batong, Batang Perhentian, Bebuloh dan Panchor Murai di Daerah Brunei Muara dan 1,048 hektar yang merangkumi 4 kawasan projek iaitu Selapon, Lekiu-Perdayan, Senukoh dan Sipal di Daerah Temburong sedang dikaji bagi menilai kesesuaian kawasan untuk pengeluaran beras dan kesan kedua-dua projek tersebut terhadap persekitarannya. Kajian DEIA ini ditugaskan kepada Technotest Sdn Bhd sebagai konsultan bermula dari awal 2014 selama 18 bulan. Penemuan dari kajian ini akan memanfaatkan Jabatan dalam mengetahui kesan pembangunan/ penanaman padi kepada persekitaran terutamanya kepada kesuburan tanah dan pencemaran bahan input pertanian (racun dan baja) serta membuat perancangan mengenai langkah-langkah mitigasi dan pelan pemantauan yang perlu bagi kesemua kawasan projek.



Perbentangan Laporan Akhir dari Hydecbru Construction Sdn Bhd mengenai penemuan kajian EIA bagi Buau, Supon Kecil dan Kandol untuk pengeluaran beras secara komersial.

Rujukan:

Environmental impact assessment, Guidelines for FAO of Field Projects, 2011, FAO of the United Nations, Rome.
Detailed Environmental Impact Assessment studies for commercial rice production at Buau, Supon Kecil and Kandol of Brunei Darussalam 2011 Report. Brunei Darussalam.



JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN DAN INSTITUT TEKNOLOGI BRUNEI JALIN KERJASAMA

2 Julai 2014



Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, Dayang Hajah Aidah binti Haji Mohd Hanifah bertukar dokumen Memorandum Persefahaman dengan Pemangku Naib Canselor, ITB Professor Madya Dr. Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman diperhatikan oleh Setiausaha Tetap KPSSU, Dayang Hajah Normah Suria Hayati.

Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dan Institut Teknologi Brunei (ITB) telah menandatangani Memorandum Persefahaman (Memorandum of Understanding/M.o.U) pada 2hb. Julai, 2014/Rabu lalu bertempat di Dewan Kuliah 2, ITB. Hadir selaku Tetamu Kehormat di majlis tersebut ialah Yang Mulia Dayang Hajah Normah Suria Hayati binti PJDSMDSU (Dr) Haji Awang Mohd Jamil Al-Sufri, Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, dan diikuti oleh ucapan alu-aluan oleh Profesor Madya Dr. Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman, Pemangku Naib Canselor ITB. Memorandum tersebut merupakan satu langkah ke hadapan dalam hubungan yang sedia terjalin antara Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dan ITB.

Sebelum ini, pendidik dari ITB telah berjaya melaksanakan projek kajian 'Rain Harvest and Supplementary Irrigation for Red-fed Paddy Scheme in Brunei Darussalam' dengan penglibatan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan. Salah satu dapatan penyelidikan berkenaan ialah secara teknikal, sawah-sawah padi yang bergantung kepada air hujan yang ada pada masa ini berpotensi menghasilkan tuaian 3 tan metrik padi bagi setiap hektar berbanding hasil tuaian pada masa sekarang sekitar 1 tan metrik bagi setiap hektar, jika prasarana pengaliran tambahan dapat dibangunkan. Hasil tuaian juga mampu mencecah 6 tan metrik bagi setiap hektar, dengan dua kali tuaian setahun, jika sumber air memuaskan.

Memorandum persefahaman ini juga dapat memberi peluang kepada kedua-dua belah pihak untuk meneroka bidang-bidang kerjasama lain yang boleh dilaksanakan seperti pembangunan kapasiti, kerjasama penyelidikan, khidmat konsultansi dan kerjasama industri dan akademik. Salah satu kerjasama yang berpotensi dilaksanakan secara bersama ialah pelaksanaan projek-projek rintis sawah padi yang menerapkan kaedah pengaliran tambahan.

Memorandum persefahaman telah ditandatangani oleh Profesor Madya Dr Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman, Pemangku Naib Canselor ITB dan Dayang Hajah Aidah binti Haji Mohd Hanifah, Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, dengan disaksikan oleh Tetamu Kehormat. Turut hadir di majlis tersebut ialah pegawai-pegawai utama ITB, pegawai-pegawai kanan dari Pengarah Pertanian dan Agrimakanan dan ITB.

CERAMAH MENGENAI ZAKAT PADI

5 Julai 2014



Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, Dayang Hajah Aidah binti Hj Mohd Hanifah hadir selaku Tetamu Kehormat di majlis Ceramah mengenai Zakat Padi dan turut hadir sama ialah Pemangku Timbalan Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, Dayang Hajah Khartini binti Haji Musa.

Ustaz Pg Haji Merali bin Pg Haji Ismail, penceramah undangan dari Pusat Dakwah Islamiah menyampaikan ceramah khusus mengenai Zakat Padi.

Jabatan Pertanian dan Agrimakanan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama telah mengadakan ceramah sempena Bulan Ramadhan Tahun 1435M/2014H iaitu mengenai Zakat Padi pada Sabtu 07 Ramadhan 1435 bersamaan 05 Julai 2014 bertempat di Dewan Simpung, Pusat Urusniaga Hortikultur Rimba, Gadong, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Ceramah ini adalah merupakan kesinambungan ceramah mengenai Fiqh Az-Zakat (Pengendalian Zakat dalam hasil keluaran pertanian) yang telah diadakan pada tahun 2011 yang lalu.

Tetamu Kehormat di majlis tersebut ialah Yang Mulia Hajah Aidah binti Haji Mohd Hanifah, Pengarah Pertanian dan Agrimakanan. Turut hadir, Pemangku Timbalan Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, Penolong-Penolong Pengarah Pertanian, pegawai-pegawai kanan, peladang-peladang, pengusaha-pengusaha pertanian dan agrimakanan seluruh Daerah; Brunei Muara, Tutong, Belait dan Temburong serta pegawai dan Kakitangan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

Ceramah berhubung dengan zakat khususnya zakat padi telah disampaikan oleh penceramah undangan dari Pusat Dakwah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama iaitu Ustaz Pg Haji Merali bin Pg Haji Ismail.

Ceramah ini diadakan adalah bertujuan untuk :-

- Meningkatkan pengetahuan dan kesedaran dalam organisasi mengenai hal-ehwal pengurusan dan pengendalian zakat khususnya zakat padi.
- Melahirkan pegawai/kakitangan dan pengusaha/peladang yang berpengetahuan secara mendalam lagi dalam melaksanakan kewajipan pengeluaran zakat khususnya zakat padi yang dihasilkan.
- Menggalakkan pegawai/kakitangan, para peladang dan pengusaha pertanian dan agrimakanan untuk menunaikan kewajipan salah satu Rukun Islam yang lima iaitu mengeluarkan zakat dalam kehidupan harian agar apajua yang diusahakan akan mendapat keberkatan dalam kehidupan di dunia dan keuntungan di hari akhirat yang tidak ternilai harganya.
- Meningkatkan lagi peribadi yang terpuji iaitu mempunyai sifat rendah dan murah hati dengan mengamalkan pengeluaran zakat kepada golongan tertentu apabila cukup syarat-syaratnya supaya tidak melepaskan tanggungjawab diri sebagai seorang yang beragama islam apabila menerima hasil yang baik dan memuaskan.
- Memberikan peluang kepada semua yang hadir untuk mendapatkan ilmu yang bermanfaat bukan sahaja ilmu duniawi bahkan juga ilmu ukhrawi melalui taklimat yang disampaikan.



PENANDATANGANAN PERJANJIAN PENYEWAAAN TANAH DI ANTARA JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN DENGAN PENGUSAHA BIJI BENIH SAH PADI (*CERTIFIED SEEDS*)

7 Julai 2014

Majlis Penandatanganan Perjanjian Penyewaan Tanah di antara Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama bagi Projek Tanaman Padi telah berlangsung hari ini di Bilik Permai, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Berakas, pada Isnin, 9 Ramadhan 1435/7 Julai 2014.

Jabatan Pertanian dan Agrimakanan telah diwakili oleh Dayang Hajah Aidah binti Haji Mohd Hanifah, Pengarah Pertanian dan Agrimakanan dan disaksikan oleh Dayang Fuziah binti Haji Hamdan, Pemangku Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan. Manakala Syarikat Pakatan Mekar Hijau Sdn Bhd telah diwakili oleh Ketua Pengarah Eksekutif Ladang dan seorang saksi.

Hadir selaku Tetamu Kehormat dan menyaksikan Majlis Penandatanganan tersebut ialah Yang Mulia Dayang Hajah Hasnah binti Ibrahim, Timbalan Setiausaha Tetap (Pembangunan Sumber-Sumber Utama), Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Turut sama hadir ialah pegawai-pegawai kanan dan kakitangan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

Pembukaan tapak-tapak baru bagi tanaman padi secara komersial di kawasan-kawasan Kemajuan Pertanian adalah projek berterusan Jabatan dalam usaha mencapai

sasaran sara diri pengeluaran beras menjelang tahun 2015.

Bagi memastikan kualiti benih-benih padi yang dibekalkan kepada pengusaha-pengusaha padi di negara ini terjamin kualiti dan mutunya, sebuah tapak khusus bagi pengeluaran biji benih sah padi (*certified seeds*) telah pun diberikan kebenaran kepada Syarikat Pakatan Mekar Hijau Sdn Bhd di Lot SP2 KKP Wasan dengan keluasan sepuluh (10.0) hektar yang mana tapak ini dihasratkan sebagai tapak pengeluaran biji benih sah padi (*certified seeds*) untuk dibekalkan kepada pengusaha-pengusaha padi di negara ini.

Tempoh penyewaan adalah untuk tiga setengah (3 ½) tahun [tujuh (7) musim] dan boleh diperbaharui tertakluk kepada pencapaian dan prestasi syarikat dalam memajukan tapak berkenaan dengan memuaskan.



Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, Dayang Hajah Aidah binti Haji Mohd Hanifah mewakili Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dan Dato Paduka Haji A. Jumat bin Haji Zakaria, Ketua Pengarah Ladang Syarikat Pakatan Mekar Hijau Sdn. Bhd bertukar dokumen perjanjian dihadapan Timbalan Setiausaha Tetap (Pembangunan Sumber-Sumber Utama) Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

PENANDATANGANAN KONTRAK PERJANJIAN

12 Julai 2014



Pihak Bahagian Bio Biosekuriti, KPSSU dan pihak Karya Bumi Planning (KBP) Consultant bergambar bersama Dayang Hajah Hasnah binti Ibrahim, Timbalan Setiausaha Tetap (Pembangunan Sumber-Sumber Utama) Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan Pemangku Timbalan Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, Dayang Hajah Khartini binti Haji Musa.

Majlis menandatangani kontrak perjanjian bertajuk ‘*The Preparation of A Complete Legal Documents – Plant Quarantine Act and Regulations*’ antara Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan Karya Bumi Planning (KBP) Consultants telah diadakan pada 12hb. Julai, 2014/14 Ramadhan 1435H, bertempat di Ibu Pejabat, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Negara Brunei Darussalam.

Menandatangani bagi pihak Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama adalah Dayang Masliana binti Abdullah, Ketua Bahagian Biosekuriti dan disaksikan oleh Dr. Hajah Kusumawati binti Haji Md Jaafar, Pegawai Veterinar. Sementara itu, menandatangani bagi pihak Karya Bumi Planning (KBP) Consultants adalah Dato’Idris Belaman, Pengarah Projek dan disaksikan oleh Dr. Haji M.A. Badri, Pengurus Projek syarikat berkenaan.

Tetamu Kehormat di majlis tersebut ialah Yang Mulia Dayang Hajah Hasnah binti Ibrahim, Timbalan Setiausaha Tetap (Pembangunan Sumber-Sumber Utama), Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Turut hadir bagi menyaksikan majlis tersebut ialah pegawai-pegawai kanan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

Keperluan utama projek yang dicadangkan adalah bagi pembangunan dan pelaksanaan akta penting iaitu ‘Akta Kuarantin Tumbuhan dan Peraturan-Peraturannya’ (*Plant Quarantine Act and Regulations*) yang mana ianya diperlukan bagi melengkapkan undang-undang yang sedia ada, Undang-Undang Brunei Bab 43, ‘*Agriculture Pests and Noxious Plant Act*’, yang diharapkan memberikan lebih manfaat kepada kerajaan, masyarakat, para pengimport dan pengeksport.

Pada masa ini, aspek kuarantin tumbuhan adalah berdasarkan kepada peruntukan yang terhad dan tidak mencukupi

untuk menangani isu-isu fitosanitasi antarabangsa dan keperluan yang berkaitan dengannya. Oleh yang demikian, terdapat keperluan untuk menggubal undang-undang yang dapat melindungi kepentingan negara dari segi keperluan keselamatan dan fitosanitasi, dan pada masa yang sama memberi sokongan kepada industri tumbuhan tempatan bagi tujuan eksport.

Salain daripada untuk melindungi negara dari segi keperluan kebersihan dan fisanitasi seperti melindungi industri pertanian tempatan dan juga alam sekitar daripada makhluk perosak tumbuhan patogenik dan penyakit, akta yang dicadangkan juga boleh memudahkan perdagangan antarabangsa, mendapat akses pasaran antarabangsa dan mengekalkan status yang tinggi bagi Negara Brunei Darussalam. Projek ini juga akan melaksanakan jerayawara bagi menerangkan kepentingan dan isi kandungan akta baru ini kepada semua agensi kerajaan dan pihak-pihak berkaitan.

Akta ini juga diharapkan dapat menyediakan rangka kerja undang-undang yang kukuh dalam penubuhan langkah-langkah kawalan yang boleh digunakan bagi makhluk perosak tumbuhan, kebersihan ladang dan kuarantin tumbuhan. Langkah-langkah tersebut akan mematuhi piawai dan keperluan negara dan antarabangsa dengan mengambil kira perundangan subsidiari serta keperluan persekitaran di masa hadapan.



MENANDATANGANI KONTRAK PERJANJIAN PERKHIDMATAN KONSULTAN BAGI PROJEK 'PENUBUHAN DAN OPERASI RANGKA KERJA PERATURAN BIOKESELAMATAN KEBANGSAAN DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM'

12 Julai 2014

Majlis menandatangani kontrak perjanjian bagi projek 'Penubuhan dan Operasi Rangka Kerja Peraturan Biokeselamatan Kebangsaan di Negara Brunei Darussalam' antara Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Sumber-Sumber Utama, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dengan Karya Bumi Planning (KBP) Consultants telah berlangsung pada 12hb. Julai, 2014/14 Ramadhan 1435H, bertempat di Ibu Pejabat, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

Menandatangani bagi pihak Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Sumber-Sumber Utama ialah Dayang Fuziah binti Haji Hamdan, Pemangku Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan dan disaksikan oleh Dayang Siti Sundussiah binti Haji Abdullah Sani, Juruekopertanian. Manakala, menandatangani bagi pihak Karya Bumi Planning (KBP) Consultants adalah Dato'Idris Belaman, Pengarah Projek dan disaksikan oleh Dr. Haji M.A. Badri, Pengurus Projek syarikat berkenaan.

Tetamu Kehormat di majlis tersebut ialah Yang Mulia Dayang Hajah Hasnah binti Ibrahim, Timbalan Setiausaha Tetap (Pembangunan Sumber-Sumber Utama), Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Turut hadir bagi menyaksikan majlis tersebut ialah pegawai-pegawai kanan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

Matlamat utama pelaksanaan projek ini ialah untuk menubuhkan satu rangka kerja perundangan dan peraturan bio-keselamatan bagi pengawalan dan

penguatkuasaan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan tanaman dan produk tanaman yang diubahsuai secara genetik (*Genetically Modified/GM*) di Negara Brunei Darussalam.

Antara lain tujuan utama pojek ini adalah untuk;

- Mengenalpasti peraturan dan undang-undang sedia ada yang berkaitan yang dapat digunakan dalam pelaksanaan peraturan biokeselamatan ini nanti.
- Untuk menubuhkan Pihak Berkuasa Kebangsaan Pengubahsuaian Genetik dan mengenalpasti tugas, tanggungjawab, komposisi dan perkara yang berkaitan.
- Untuk mewujudkan Pihak Berkuasa Kebangsaan Pengubahsuaian Genetik dan mengenalpasti tugas, tanggungjawab, komposisi dan perkara yang berkaitan.
- Untuk menyediakan dan mendokumenkan rangka kerja, garis panduan dan protokol biokeselamatan untuk pengimportan produk makanan yang diubahsuai secara genetik yang digunakan sebagai makanan atau untuk pemprosesan.



Perjanjian bagi projek Penubuhan dan Operasi Rangka Kerja Peraturan BIO-Keselamatan Kebangsaan telah dilakukan di hadapan Dayang Hajah Hasnah binti Ibrahim, Timbalan Setiausaha Tetap (Pembangunan Sumber-Sumber Utama) Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

MAJLIS PELANCARAN KOMPLEKS PENGISARAN PADI WASAN

20 Ogos 2014

Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan sedang merangka satu pelan induk bagi penubuhan sebuah Pusat Pemrosesan Padi Negara yang berteknologi dan berkapasiti tinggi untuk menampung jumlah padi yang sedang dan akan dihasilkan dalam negeri. Pengeluaran hasil padi ini adalah dijangka meningkat hasil dari Program Pengeluaran Beras Negara Ke Arah Mencapai Tahap Sara Diri yang telah dilancarkan pada 2009. Salah satu komponen dalam peringkat pertama pelan Induk tersebut ialah penyediaan sebuah pengisar padi moden yang berkapasiti sederhana bagi menggantikan mesin pengisar padi yang lama.

Ke arah matlamat penubuhan Pusat Pemrosesan Padi Negara itu, sebuah **Kompleks Pengisaran Padi** telah dirasmikan pada hari Rabu, 23 Syawal 1435 bersamaan 20 Ogos 2014. Hadir selaku Tetamu Kehormat di Majlis tersebut ialah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Negara Brunei Darussalam. Majlis ini telah berlangsung di Pusat Pengisaran Padi Wasan, Jalan Limau Manis.

Turut hadir di majlis tersebut ialah Ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Negara Mukim Lumapas, Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim; Yang Mulia Dayang Hajah Hasnah binti Haji Ibrahim, Timbalan Setiausaha Tetap (Pembangunan Sumber-Sumber Utama) Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama; Yang Mulia Awang Haji Khairuddin bin Haji Abd Hamid, Timbalan Setiausaha Tetap (Pembangunan Industri dan Keusahawanan), Kementerian



YB Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama menerima cenderahati dari Mr Kihara Kazuyuki, Pengarah Urusan Kanan Satake Corporation.

Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama; Dayang Hajah Aidah binti Haji Mohd Hanifah, Pengarah Pertanian Dan Agrimakanan; Ketua-Ketua Jabatan; Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan dan Pegawai serta kakitangan Jabatan Pertanian Dan Agrimakanan.

Projek yang bernilai USD\$3,916,110.00 (lebih kurang B\$5,010,272.00) ini adalah merangkumi pembelian, pembekalan dan pemasangan mesin pemrosesan padi berkapasiti 3.5 metrik tan padi sejam dan dijangka akan dapat menampung tahap pengeluaran 5,800 mt setahun (20% tahap sara diri). Projek ini juga meliputi keperluan latihan bagi pegawai dan kakitangan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dalam pengendalian mesin tersebut. Pegawai dan kakitangan jabatan yang terlibat secara langsung dalam pengendalian mesin ini telah menjalani latihan asas selama 2 minggu di Thailand dan latihan pengendalian selama 6 bulan lagi di Negara Brunei Darussalam sedang dijalankan apabila mesin tersebut telah siap dipasang pada bulan Ogos tahun ini. Latihan-latihan ini dikendalikan oleh *Satake Corporation* dari Jepun.

Mesin pengisar padi yang baru ini, dijangka akan dapat mengisar padi-padi keluaran tempatan dengan lebih cepat dan efisien serta membantu mengawal kualiti lepas tuai beras tempatan.

Sebagai perancangan masa depan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan sedang merangka untuk meningkatkan kapasiti pengisaran kepada 7.5 tan metrik sejam bagi memenuhi pengeluaran maksimum 60% tahap sara diri dan perancangan ini adalah termasuk dalam komponen Pelan Induk Pusat Pemrosesan Padi Negara yang mana akan dilaksanakan dalam sedikit masa lagi.



YB Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama mencuba mesin pembungkus beras yang berteknologi tinggi.



TAKLIMAT LAPORAN AKHIR 'REDUCTION OF PESTICIDE RESIDUES ON ECONOMIC CROPS THROUGH THE USE OF IPM METHODS AND STRENGTHENING CAPABILITIES IN INSECTS IDENTIFICATION AND COLLECTION MANAGEMENT'

4 September 2014

Taklimat Laporan Akhir Projek Konsultansi mengenai 'Reduction of Pesticide Residues on Economic Crops Through the Use of IPM Methods and Strengthening Capabilities in Insects Identification and Collection Management' telah diadakan di Bilik Permai, Ibu Pejabat, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama pada hari Khamis, 6 Zulkaedah 1435H bersamaan 4 September, 2014 yang lalu.



Taklimat telah disampaikan oleh konsultansi projek tersebut, Dr. Soetikno Sastromo, Saintis Kanan, CAB International South East and East Asia Regional Centre dan telah dihadiri oleh Yang Mulia Dayang Fuziah binti Haji Hamdan, Pemangku Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan, Ketua-Ketua Bahagian, Pegawai-Pegawai Kanan, Ketua-Ketua Unit dan pegawai-pegawai Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

Projek ini telah bermula pada 22 Januari, 2011, bertujuan untuk meningkatkan program perlindungan tanaman di Negara Brunei Darussalam dan objektif utamanya pula ialah untuk mengkaji dan membentuk formula amalan Pengawalan Musuh Bersepadu (IPM) yang menggalakkan amalan kaedah pengawalan serangga prosak tanaman padi dan sayur-sayuran yang mesra alam dengan mengurangkan penggunaan racun kimia pertanian.

Projek konsultansi ini telah dilaksanakan selama tiga setengah tahun dan mempunyai 8 aktiviti utama seperti berikut;

- Lawatan sambal belajar bagi 7 (tujuh) orang pegawai Jabatan Pertanian dan Agrimakanan ke institusi-institusi dan ladang-ladang untuk mempelajari prinsip-prinsip IPM, program pembiakan agen biologi untuk pengawalan kaedah biologi/semulajadi, pendekatan IPM secara penyertaan dan pendidikan (FPTR) oleh para peladang di Sekolah Perladangan (FFS), penggunaan racun dengan selamat, pengurusan musuh perosak yang berasaskan biologi dan memperkenalkan kepada skim persijilan ladang.
- Penyediaan strategi perlaksanaan dan rangka kerja bagi jangkamasa pendek, sederhana dan panjang bagi aktiviti-aktiviti IPM dan program-program pengesanan dan pengurusan koleksi serangga.
- Merangka program IPM bagi tanaman sayur dan padi yang berkepentingan ekonomi termasuk penyelidikan untuk menguji keberkesanan teknologi-teknologi IPM di ladang.
- Menjalankan aktiviti-aktiviti pembangunan dan penyelidikan dalam program pengawalan musuh perosak menggunakan kaedah biologi termasuk menjalankan kaji selidik dan menyediakan inventori bagi musuh perosak dan pemangsa semulajadi bagi komoditi di negara ini.

Dyg Fuziah binti Haji Hamdan, Pemangku Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan bersama Awang Noor Azri bin Haji Md Noor, Ketua Unit Perlindungan Tanaman bersama salah seorang pegawai konsultansi projek dari CAB International, South East and East Asia Regional Centre.

- Menjalankan latihan dan menerbitkan buku panduan mengenai teknologi penggunaan racun bagi tanaman sayur dan padi.
- Menjalankan latihan dan menerbitkan buku panduan mengenai pendekatan IPM melalui pembelajaran secara penyelidikan, penemuan dan penyertaan para peladang.
- Pemuliharaan dan pembangunan koleksi serangga perosak melalui pemeliharaan dan penyatuan koleksi serangga yang sedia ada dan juga kursus latihan dalam teknik-teknik penyediaan dan pengawetan spesimen, pengurusan koleksi, taksonomi dan pengesanan serangga mengikut piawaian dan protokol antarabangsa sebagai bahan rujukan.
- Pembangunan kapasiti teknikal dalam pengesanan, diagnosis dan pengesanan serangga perosak dan pemangsa semulajadi tanaman yang utama.

Kesimpulannya, projek konsultansi ini telah menghasilkan beberapa dokumen penting termasuklah buku-buku panduan dan pengumpulan spesimen sebagai rujukan dan garis panduan bagi aktiviti-aktiviti jabatan dalam tempoh projek ini dijalankan. Walau bagaimanapun, pegawai dan kakitangan jabatan juga perlu memanfaatkan peluang yang banyak untuk mengambil bahagian dalam inisiatif pembangunan kapasiti di bawah SPS-SCB, AANZFTA, APEC, GIZ, JICA, ASEAN dan perjanjian dua hala dan serantau yang lain.

Dengan berakhirnya projek konsultansi ini, jabatan kini dilengkapi dengan sumber manusia yang mencukupi untuk melaksanakan beberapa tugas-tugas yang berkaitan dengan SPS/Perjanjian WTO iaitu pemantauan dan pengawasan serangga perosak, mengenalpasti beberapa kumpulan utama serangga perosak, pengumpulan-penyediaan-pengawetan dan pemeliharaan serta pengurusan spesimen, dan untuk merangka dan melaksanakan program IPM tanaman padi dan sayur, dan juga dalam menyediakan dan melaksanakan projek penyelidikan saintifik.

KURSUS TEKNOLOGI PENGELUARAN CENDAWAN

8 -10 September 2014



Para peserta kursus Teknologi Pengeluaran Cendawan bergambar bersama Awg Noor Azri bin Hj Mohd Noor, Pegawai Pertanian selaku Tetamu Kehormat selepas menyampaikan sijil-sijil penyertaan kursus.

Seramai 19 orang peserta telah mengikuti kursus teknologi pengeluaran cendawan yang diadakan pada 08hb. hingga 10hb. September 2014 yang lalu bertempat di Pusat Penyelidikan Pertanian Brunei, Kilanas. Kursus 3 hari ini telah dikendalikan oleh pegawai dan kakitangan dari Makmal Cendawan, Unit Bioteknologi Tumbuhan.

Kursus ini dijalankan dengan menggabungkan teori dan praktikal sebagai kaedah penyampaian kursus yang paling berkesan untuk para peserta mendapatkan tip dan ilmu bagaimana memulakan perusahaan cendawan segar dengan cara yang betul.

Para peserta turut melakukan aktiviti secara “hands-on” dalam proses pembancuhan/mengaul media daripada dedak, habuk kayu, kapur dan air. Selain itu, para peserta diberi penerangan dan tunjuk ajar mengenai penyediaan media agar untuk kultur tisu, melakukan akitiviti pengkulturan tisu, menyuntik benih ke dalam bag media dan proses pensterilan.

Teori yang disampaikan meliputi penerangan mengenai dengan jenis-jenis cendawan yang berpotensi untuk komersil, pengenalan dan kawalan penyakit dan mengurus rumah cendawan. Para peserta juga dibawa melawat model rumah cendawan yang terdapat di kawasan Makmal Cendawan.

Diakhir kursus para peserta diberikan sijil penyertaan dalam satu Majlis Penutup Kursus yang disampaikan oleh Awang Noor Azri bin Haji Mohd Nor, Ketua Unit

Perlindungan Tanaman selaku Tetamu Kehormat. Majlis tersebut juga dihadiri oleh pegawai-pegawai dan kakitangan di bawah Unit Bioteknologi Tumbuhan dan para tenaga pengajar kursus.



Para peserta kursus Teknologi Pengeluaran Cendawan melakukan kerja amali menyediakan bahan utama bagi pembenihan cendawan.



VISI STRATEGIK TANAMAN SAYUR DAN BUAH

15-18 September 2014



Perbincangan dalam kumpulan merupakan salah satu aktiviti latihan bagi bengkel yang disertai.

Industri Sayur

Industri sayur-sayuran di Negara Brunei secara dasarnya dicorak oleh pengeluaran tempatan untuk pasaran tempatan. Pengeluaran sayur-sayuran tropika utama adalah dihasilkan oleh ladang kecil dan sederhana dalam mana ladang ini masih boleh ditingkatkan lagi dengan berbagai aspek peningkatan seperti amalan pengurusan ladang, infrastruktur dan kemudahan pengurusan pengairan. Pada masa ini sebanyak 31 ladang adalah dianggap ladang besar atau komersil, yang dikategorikan mengikut keluasan ladang (melebihi 2 hektar) telah mengadaptasi amalan pengurusan ladang yang sempurna dan memiliki kemudahan-kemudahan yang membangun. Pengeluaran sayur-sayuran adalah tertumpu di Daerah Brunei Muara, yang meliputi lebih kurang 90% jumlah kawasan ladang di negara ini dan kesemua ini adalah terletak di Daerah Brunei dan Muara.

Industri ini telah mencapai sara diri sebanyak 82% pada 2013, dengan menghasilkan sebanyak 12,774 tan

metrik (nilai pasaran \$30.4 juta). Pengeluaran sayur dedaun tropika pula seakan-akan mencapai 90% sara diri.

Industri Buah

Sama seperti industri sayur-sayuran, industri buah-buahan di Negara Brunei Darussalam pada asasnya ditanam untuk kegunaan pasaran tempatan. Ladang buah-buahan tropika yang tersebar di seluruh negara, kebanyakannya di Daerah Tutong dan Brunei dan Muara, dan sebahagian besarnya ditanam di Kawasan Pertanian Luar Bandar (KPLB). Kira-kira 90% daripada kawasan yang ditanam adalah dari jenis buah yang bermusim seperti durian (*Durio spp*), cempedak (*Artocarpus integer*), tarap (*Artocarpus odoratissimus*), langsung (*Lansium domesticum*), dan rambutan (*Nephelium lappaceum*). Manakala 10% selebihnya ditanam dengan jenis buah-buahan tidak bermusim termasuklah pisang, tembikai, betik, nanas, jambu, durian belanda, belimbing dan nangka. Dalam 2013, industri ini mempunyai kira-kira 2,600 petani berdaftar.

Sebahagian besar buah-buahan keluaran tempatan yang dijual di gerai-gerai tepi jalan dan pasar kampung, sementara di pasaraya-pasaraya bergantung kepada buah-buahan yang diimport. Industri buah-buahan tropika di Brunei Darussalam telah mencapai 29% tahap sara diri pada 2013, yang merupakan angka pengeluaran daripada 3855 tan metrik (nilai pasaran sebanyak \$ 8.8juta)

Pelan Strategik bagi Tanaman Sayur dan Buah serta tindakan

Jabatan Pertanian dan Agrimakanan telah merangka hala tuju untuk mengukuhkan pengeluaran komoditi sayur dan buah. Pelan strategi bagi kedua komoditi berkenaan telah pun dibentuk dan dibukukan bagi memberi panduan dalam meningkatkan hasil pengeluaran dengan mapan dan teratur. Antara strategi bagi meningkatkan produktiviti ladang adalah seperti berikut:

1. Pengeluaran Berorientasikan Pasaran
 - a) Menyediakan kajian pasaran kepada peladang.
 - b) Mendapatkan lebih ramai peladang dalam bentuk formal atau semi-formal daripada ladang kontrak bagi memastikan keseragaman dengan bekalan dan kawalan yang betul.
 - c) Menghubungkan pengeluaran sayur-sayuran untuk industri pemprosesan yang akan meningkatkan permintaan pengeluaran dan pengguna.
 - d) Meningkatkan usaha untuk memberikan kuasa kepada peladang dengan harga pasaran dan maklumat bagi membolehkan peladang membincangkan nilai harga yang sepatutnya.
2. Penguatan Nila Rantaian Pasaran
 - a) Penambahbaikan infrastruktur ladang termasuk pengairan, saluran dan jalan masuk.
 - b) Penubuhan pusat pengumpulan dan pengedaran untuk mengukuhkan ke rantaian nilai.
3. Mengoptimumkan dan meningkatkan produktiviti dalam kawasan sedia ada yang diperuntukkan untuk pengeluaran sayur-sayuran
 - a) Membantu ladang-ladang kecil dengan menyebarkan pengetahuan dan maklumat serta amalan pengurusan ladang yang baik (Brunei GAP).

- b) Meningkatkan produktiviti dengan menggunakan sistem teknologi tinggi yang bersesuaian seperti tanaman terlindung, tanaman sistem pengairan, hidroponik dan tanaman organik.
- c) Penggunaan varieti hasil yang bersesuaian dan kebal dari segala penyakit.
- d) Pengambilan balik tapak yang ditawarkan bagi tapak yang tidak aktif (kurang 80% diusahakan).

Pelan strategi buah pula tidak ketinggalan mengaturkan beberapa perancangan strategik agar mencapai peningkatan yang disasarkan pada setiap tahun. Strategi-strategi tersebut terdiri dari perancangan seperti berikut:

1. Meningkatkan produktiviti ladang sedia ada.
 - a) Membantu peladang dengan amalan pengurusan ladang yang betul seperti pengurusan latihan, Brunei GAP dan sebagainya.
 - b) Meningkatkan produktiviti dengan menggunakan sistem teknologi tinggi yang bersesuaian seperti tanaman terlindung, pengairan yang bersistem dan amalan agronomi yang lain.
 - c) Menggalakkan penggunaan benih hibrid dan klon buah-buahan yang berhasil tinggi.
 - d) Mengurangkan kerugian lepas tuai dengan mewujudkan pembungkusan dan kemudahan penyejukan.
2. Pasaran berorientasikan pemprosesan dan pengguna.
 - a) Menyediakan maklumat pasaran kepada peladang.
 - b) Membuat penghubung pengeluaran buah-buahan untuk industri pemprosesan, yang akan meningkatkan penghasilan buah-buahan.
 - c) Mendapatkan lebih ramai peladang dalam bentuk formal atau semi-formal daripada ladang kontrak bagi memastikan keseragaman dengan bekalan dan kawalan yang betul.
3. Mengoptimumkan kawasan sedia ada yang diperuntukkan dan membangunkan kawasan penanaman baru.
 - a) Membangunkan program-program untuk meningkatkan bilangan peladang kawasan luar bandar yang aktif bagi menggalakkan penanaman varieti buah-buahan komersil dan asli.



- b) Pengambilan balik tanah untuk tanah yang tidak aktif atau tidak digunakan (kurang 80% diusahakan).
- c) Membangunkan kawasan yang dikenalpasti berpotensi untuk penanaman buah-buahan terutamanya di kawasan pertanian luar bandar dan sebahagiannya dalam kawasan kemajuan pertanian.

Sekolah Perladangan Pengusaha Sayur (VFFS)

Sekolah Perladangan Pengusaha Sayur ialah salah satu usaha Jabatan Pertanian dan Agrimakanan bagi membantu pengusaha sayur-sayuran yang baru berkecimpung dalam bidang pertanian. Kursus ini diadakan mengikut perancangan penanaman pengusaha-pengusaha pertanian.

Pakar-pakar dari unit lain yang turut terlibat ialah Unit Sains Tanah dan Nutrien Tanaman, Unit Perlindungan Tanaman, Unit Pembangunan Sayur-Sayuran dan Teknologi Tinggi, Unit Pembangunan Sayur-Sayuran serta Unit Teknologi Lepas Tuai.

Sekolah perladangan lebih menumpukan kepada keberkesanan penyampaian maklumat dari pakar kepada pengusaha-pengusaha yang disampaikan dengan cara dan bahasa yang lebih mudah difahami iaitu melalui pengalaman dan pemantauan bukan secara teori atau teknikal yang sukar untuk difahami oleh pengusaha atau individu yang tidak mempunyai pengetahuan dalam bidang sains pertanian. Kebanyakan penyampaian maklumat adalah dengan menggunakan gambar, objek dan pemahaman agar ilmu yang telah diterapkan akan berkekalan diminda mereka.

Kursus yang disampaikan terdiri dari pelbagai bidang latihan seperti pengurusan ladang, latihan amali, pengenalan peralatan, semaian, pengenalan tanah, biji benih, perlindungan tanaman, penyediaan ladang dan proses penyucian produk yang telah diterapkan kepada para pengusaha secara berasingan.

Selain menjalani kursus tersebut, peserta-peserta juga diartikan untuk dibawa melawat ke ladang-ladang yang maju bagi menaikkan semangat peserta dan mendengarkan sedikit tips dari pengusaha-pengusaha

yang berjaya. Pemantauan serta khidmat nasihat secara berterusan akan dilaksanakan mengikut keperluan.

Sekolah Perladangan Pengusaha Buah (FFFS)

Sekolah Perladangan Pengusaha Buah (Fruits Farmers' Field School - FFFS) terdiri daripada pegawai pengembangan dan pengusaha buah-buahan khususnya peladang dan pengusaha tanaman seperti tembikai, pisang, nanas dan sebagainya mengikut keperluan. Kursus yang diadakan selama 4 minggu pada setiap hari Isnin dan Rabu yang dikendalikan oleh Jabatan Pertanian dan Agrimakanan secara berterusan dalam mendukung hasrat kerajaan meningkatkan hasil buah negara dan keupayaan kakitangan pengembangan pertanian serta para pengusaha buah dalam memajukan industri buah-buahan di negara ini. Kursus yang berkonsepkan pembelajaran melalui penemuan dan pengalaman yang disampaikan dalam bentuk teori dan praktikal, disamping lawatan ke ladang-ladang pengusaha pisang dan tembikai komersial di negara ini dibimbing oleh tenaga pengajar yang terdiri daripada pakar-pakar dari Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dan lain-lain bahagian dari Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Antara isi kandungan kursus yang disampaikan adalah pengenalan mengenai status industri buah-buahan di negara ini, pemilihan varieti, penyediaan kawasan, sistem penanaman, pengurusan tanah dan air, pengurusan musuh perosak, pengurusan penuaian, pengurusan lepas tuai, pemasaran dan tunjuk cara pemprosesan pisang, tembikai dan nanas.

Dengan adanya kursus seumpama ini adalah diharapkan akan dapat membantu para peladang buah melaksanakan kerja-kerja pengurusan tanaman tembikai, pisang dan nanas dengan sempurna, bersistematik dan berterusan bagi meningkatkan pengeluaran dan hasil buah yang berkualiti, meminimumkan serangan perosak tanaman (musuh/penyakit), mengurangkan kerosakan lepas tuai, memudahkan aliran pemasaran dan meningkatkan pendapatan peladang.

PELAN STRATEGIK INDUSTRI PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN 2015-2020

September 2014

Sektor pertanian adalah salah satu sektor yang perlu dimajukan bagi menjamin sekuriti makanan Negara, menambah pendapatan rakyat dan berupaya membantu usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yand Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam membasmi kemiskinan.

Pelan Strategik Jabatan Pertanian 2008-2013 bagi jangkamasa sederhana ini adalah satu dokumen strategik yang akan menjadi panduan dalam mencapai halatuju sektor pertanian dan agrimakanan. Pelan strategik ini juga menggariskan skop-skop kegiatan pembangunan pertanian dan agrimakanan yang menjurus kepada produktiviti yang tinggi, mempunyai nilai tambah, menghasilkan produk yang berkualiti dan selamat, berskala besar, berorientasikan eksport dan mampu bersaing di pasaran domestik dan global.

Dengan Pelan Strategik (2008-2013) baru-baru ini, terdapat keperluan untuk mengkaji semula keberkesanan Rancangan dan menggabungkan penemuan tersebut ke fasa Pelan Strategik selanjutnya yang membawa matlamat untuk meningkatkan tahap sekuriti makanan Negara melalui peningkatan keupayaan pengeluaran komoditi makanan dan menyediakan program perancangan masa depan yang komprehensif bagi mencapai tahap sara diri.

Jabatan telah melantik sebuah syarikat konsultan, Signature Trend Sdn Bhd, untuk mengkaji semula program Pelan Strategik Jangkamasa Sederhana 2008-2013 dengan mengenal pasti dan menganalisa pencapaian yang berjaya dan inisiatif, masalah dan cabaran yang dihadapi, mengkaji prestasi projek-projek komoditi utama, dan memberi cadangan untuk penambahbaikan.

Selepas kajian dibuat, konsultan akan membuat satu rangka kerja pelan strategik yang komprehensif untuk Industri Pertanian dan Agrimakanan 2015-2020, dengan penglibatan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Sumber-Sumber Utama, dan Bahagian Biosekuriti yang mana akan mengenalpasti objektif utama, sasaran, dan strategi untuk mengukuhkan rangka kerja strategik. Konsultan juga akan menentukan keberkesanan peranan-peranan Jabatan, Pusat dan Bahagian melalui pengkajian semula program-program, strategi-strategi, sasaran-sasaran dan jangkamasa yang telah ditetapkan untuk mencapai sasaran 2023 sepertimana yang telah digariskan dalam "Wawasan Pertanian 2023", dan juga untuk menyatukan dan menentukan strategi-strategi jabatan, program-program dan sasaran-sasaran sejajar dengan matlamat Wawasan 2035.



PESTA PROMOSI BUAH-BUAHAN THAI 2014

19 September 2014

Kedutaan Diraja Thailand dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Pertanian, Kementerian Pertanian dan Koperasi negara Thailand telah menganjurkan Pesta Promosi Buah-Buahan Thai pada 19-21 September, 2014 lalu, bertempat di Airport Mall, Berakas, sebagai langkah mempromosikan lagi buah-buahan dari negara tersebut.

Walaupun telah diketahui ramai bahawa buah-buahan hasil keluaran para peladang dari 'Negara Gajah Putih' itu telah banyak dijual di pasaraya-pasaraya di negara ini terutama ketika musim buah-buahan namun pihak Kedutaan Diraja Thailand di negara ini tetap meneruskan langkah-langkah positif bagi terus mengekalkan populariti buah-buahan negara mereka. Antara buah-buahan yang terkenal di negara ini ialah durian dari jenis 'monthong' dan 'cha nee'.

Ketika pesta promosi tersebut, pihak penganjur telah mempamerkan sebahagian besar buah-buahan segar kepada para pengunjung dan orang ramai. Antara buah-buahan yang dipamerkan termasuklah manggis, longan, longkong, mangga dan rambutan. Selain daripada buah-buahan segar, buah-buahan yang sudah dikeringkan juga turut mereka pameran dan promosikan ketika pesta tersebut berlangsung dan ianya telah mendapat sambutan baik dari orang ramai dan pengunjung.

Selain daripada mempromosikan buah-buahan segar



Perasmian Thai Fruits Fair 2014 disempurnakan dengan pemotongan riben bersama oleh Pengarah Pertanian dan Agrimakanan dan Duta Besar Thailand ke Negara Brunei Darussalam, TYT Mr. Apichart Phetcharatana.

dan yang dikeringkan, pihak Kedutaan Diraja Thailand juga turut memberi peluang kepada para pengunjung menikmati buah-buahan yang telah disediakan. Satu tunjukkan teknik penyimpanan yang betul bagi mengekalkan kesegaran dan rasa buah-buahan juga dilakukan untuk memberi panduan kepada orang ramai yang menyaksikannya.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Dayang Hajah Aidah binti Haji Mohd Hanifah, Pengarah Pertanian dan Agrimakanan.



Duta Besar Thailand ke Negara Brunei Darussalam, TYT Mr. Apichart Phetcharatana menyerahkan cenderahati kepada Pengarah Pertanian dan Agrimakanan.



Melawat pameran Pesta Promosi Buah-Buahan Thai 2014.

YANG TERAMAT MULIA PADUKA SERI PENGIRAN ANAK ISTERI PENGIRAN ANAK SARAH BERANGKAT KE PAMERAN BAHAGIAN INDUSTRI AGRIMAKANAN, JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN SEMPENA PAMERAN URUSAN RUMAH TANGGA 2014 _____ 20 September 2014



Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah Binti Pengiran Salleh Ab Rahman dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien bergambar ramai bersama Pengarah Pertanian dan Agrimakanan serta Pegawai-pegawai Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab Rahman telah berkenan berangkat ke pameran Bahagian Industri Agrimakanan, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan semasa Pameran Urusan Rumah Tangga 2014 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas yang telah diadakan pada 20 September 2014. Pameran Urusan Rumah Tangga tersebut telah dikelolakan oleh Persatuan PERTIWI Negara Brunei Darussalam yang mempunyai objektif bahawa pameran ini adalah dihasratkan agar dapat memperlihatkan peluang-peluang yang terbuka untuk para suri rumahtangga untuk menceburi pelbagai kegiatan ekonomi yang boleh mengekalkan minat seperti memasak, kraftangan bagi menambah pendapatan keluarga.

Bahagian Industri Agrimakanan di bawah Jabatan Pertanian dan Agrimakanan ada menyediakan khidmat nasihat dan teknikal mengenai industri agrimakanan. Bahagian ini berperanan untuk memantau pengusaha kecil dan sederhana yang menceburi bidang makanan dan minuman tempatan. Pameran adalah terdiri daripada unit-unit di bawahnya iaitu, Unit Pembangunan Produk Agrimakanan, Unit Perkhidmatan Agrimakanan dan Unit Pembungkusan Agrimakanan. Dari Unit Pembangunan Produk Agrimakanan, mempamerkan pembangunan produk dari buah-buahan tempatan telah diadakan seperti produk nasi goreng durian putih, nasi goreng durian kuning, nasi goreng kembayau dan sebagainya. Dari Unit Perkhidmatan Agrimakanan pula mempamerkan mengenai peralatan-peralatan makmal kimia makanan dan mikrobiologi makanan yang dapat membuat penganalisaan terhadap produk makanan tempatan ke atas kandungan nutrisi dan juga ujian kebersihan.

Manakala, bahan-bahan pembungkusan bagi kategori produk biskut, bakeri dan makanan tradisi juga telah diketengahkan dari Unit Pembungkusan Agrimakanan, dimana bahan-bahan pembungkusan ini ialah salah satu insentif kepada pengusaha kecil dan sederhana makanan yang berdaftar di bawah jabatan dengan menjualnya kepada para pengusaha pada kadar kos yang rendah. Pendaftaran syarikat makanan dan minuman tempatan boleh dibuat di Unit Pembangunan Industri Agrimakanan yang bertempat di Pusat Penyelidikan Pertanian Brunei, Kilanas.

Pesambah telah dihadapkan kepada YTM Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah oleh Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, Dayang Hajah Aidah binti Haji Mohd Hanifah. Pesambah tersebut terdiri dari produk-produk yang telah memenangi pertandingan memasak semasa Pesta Durian dan Buah-Buahan di Taman Agroteknologi Brunei pada Ogos yang lalu, iaitu Durian Putih Cupcake, Kek Lapis Durian Kuning dan Durian Custard Puff.



Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah Binti Pengiran Salleh Ab Rahman berkenan menerima pesambah dari Pengarah Pertanian dan Agrimakanan.



BENKEL MENGENAI PENCEMARAN BAHAN MAKANAN TERNAKAN

22 September 2014



Para peserta dan tenaga penyampai bengkel bersama Awang Abd Latip bin Haji Sani, Ketua Bahagian Industri Ternakan selepas menghadiri bengkel mengenai Pencemaran Makanan Ternakan.

Bengkel mengenai “Pencemaran Bahan Makanan Ternakan” yang dikendalikan oleh Jabatan Pertanian & Agrimakanan telah diadakan pada Isnin, 22 Zulkaedah 1435 bersamaan dengan 22hb September 2014 di Pusat Urusniaga Hortikultur Rimba, Gadong, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis berkenaan ialah Yang Mulia Abdul Latif bin Sani, Pemangku Penolong Pengarah selaku Ketua Bahagian Industri Ternakan, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan. Turut hadir ke taklimat tersebut ialah Ketua-Ketua Unit dari Bahagian Industri Ternakan, Pegawai-Pegawai Kanan, pegawai-pegawai serta kakitangan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan. Taklimat telah disampaikan oleh Pengurus Bahagian Makmal Agrifood Technology, Victoria, Australia iaitu Ms Doreen Fernandez (B.Sc) dan Ms Karen Jackson. Turut sama hadir ialah Dr Steve Sutherland, konsultan dari AGwest International selaku penyelaras bagi bengkel ini. Seramai 20 peserta dari Jabatan Pertanian dan Agrimakanan telah menghadiri bengkel berkenaan.

Bengkel yang diadakan merupakan kesinambungan Projek Rancangan Kemajuan Negara (RKN) jabatan iaitu **Kajian Mengenai Status Nutrien Bagi Makanan Haiwan dan Ternakan di Negara Brunei Darussalam**. Salah satu objektif projek RKN ini adalah bagi menilai sumber makanan-makanan untuk ternakan selain daripada rumput foder/ragutan di Negara Brunei Darussalam dan menilai kadar kandungan nutrien makanan ternakan tersebut. Di samping menilai sumber-sumber

makanan ternakan, projek ini juga membantu Jabatan Pertanian dan Agrimakanan didalam merangka piawai makanan ternakan bagi pelaksanaan pemantauan dan penguatkuasaan.

Bengkel ini juga adalah bengkel yang terakhir dari tiga bengkel bagi projek ini. Bengkel pertama iaitu “Foraj Tropika Negara Brunei Darussalam” yang mana meliputi pengenalan mengenai foraj-foraj makanan ternakan di negara ini dan bengkel kedua iaitu “Permakanan Ternakan Ruminan” yang mana lebih menjurus kepada pengurusan permakanan ternakan ruminan.

Tujuan bengkel yang ke tiga ini adalah untuk membantu Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dalam merancang pembangunan kapasiti makmal ke arah pengurusan dan peraturan keselamatan makanan ternakan. Bengkel ini menerangkan mengenai kepentingan keselamatan makanan ternakan yang mana jikalau piawai tidak dipenuhi, ia bukan sahaja akan memudaratkan kesihatan ternakan malah berkemungkinan menjejaskan kesihatan manusia.

JERAYAWARA PEMBERIGAIAN AKTA DAN PERATURAN IMIGRESEN

7 Oktober 2014



Awang Mulyadi bin Haji Mohammad Ali, Pemangku Ketua Bahagian Tanaman (3 dari kiri) bersama pegawai-pegawai dari Jabatan Imigresen semasa menyampaikan taklimat mengenai Pemberigai Akta dan Peraturan Imigresen.



Hadir di Jerayawara Pemberigai Akta dan Peraturan Imigresen ini ialah peladang dan pengusaha di bidang pertanian dan ternakan.

Pada hari Selasa, 7 Oktober 2014, Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang (BPGN), Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) telah mengungkapkannya satu jerayawara di Dewan Simpur, Pusat Urusniaga Hortikultur Rimba, Gadong dengan kerjasama Jabatan Pertanian dan Agrimakanan melalui Unit Industri Florikultur dan Koridor Inovasi Bio. Jerayawara tersebut dihadiri oleh kira-kira 60 orang pengusaha pertanian dan 30 orang pegawai dan kakitangan daripada kedua-dua jabatan tersebut.

Jerayawara ini diadakan bertujuan untuk berinteraksi secara langsung dengan para pengusaha, di samping memberikan penerangan dan kefahaman yang lebih jelas kepada para pengusaha berhubung dengan Akta dan Peraturan Imigresen, jenis-jenis kesalahan dan hukuman jika sabit kesalahan yang menjurus kepada mengambil bekerja dan menggaji pekerja warganegara asing.

Taklimat mengenai Akta dan Peraturan Imigresen telah disampaikan oleh Ketua Pegawai Imigresen Kanan, BPGN JIPK, Awang Haji Md. Yante Hussaine bin Haji Ismail. Juga hadir ialah pemangku Ketua Bahagian Industri Tanaman, Awang Mulyadi bin Haji Md. Ali.

Selepas taklimat, sesi soal jawab dibukakan kepada para pengusaha dan seterusnya, poster-poster Akta dan Peraturan Imigresen dipasang di papan tanda di Pusat Pasaran Hortikultur yang didahului oleh Awang Haji Md. Yante dan Awang Mulyadi bin Haji Md. Ali.

Pegawai Penguatkuasa JIPK juga mengagihkan beberapa brosur Akta dan Peraturan Imigresen kepada pengusaha di kawasan tersebut. JIPK mengingatkan majikan supaya

sentiasa memastikan tempoh pas imigresen pekerja masih sah kerana adalah menjadi kesalahan sekiranya pekerja tersebut bekerja sedangkan pas imigresen telah mansuh dan seterusnya menasihatkan supaya majikan sentiasa mengetahui keberadaan pekerja setiap masa. Jika sabit kesalahan pas imigresen mansuh, pekerja asing akan diusir setelah dipenjarakan dan secara pentadbiran akan disenarai-hitamkan.



Awang Mulyadi bin Haji Mohammad Ali, Pemangku Ketua Bahagian Tanaman (3 dari kiri) bersama pegawai-pegawai dari Jabatan Imigresen semasa menyampaikan taklimat mengenai Pemberigai Akta dan Peraturan Imigresen.

PEGAWAI yang bertugas memberikan brosur kepada pekerja di petak jualan di Pusat Pasaran Horikultur dan seterusnya menerangkan secara ringkas mengenai Akta dan Peraturan Imigresen.





JOHAN QARI DAN NAIB JOHAN QARIAH MILIK PESERTA DARI JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN DI PERADUAN MEMBACA AL-QURAN PERINGKAT KPSSU

30 Oktober 2014



JOHAN QARI Awang Haji Muhd Shukri bin Haji Makhbar dan NAIB JOHAN QARIAH Dayang Nurmuizzah binti Ahmad Daud.

Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) mengadakan majlis sambutan Awal Tahun Hijrah 1436H pada hari ini bertempat di Dewan Setia Pahlawan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar. Majlis juga diselenggarakan dengan penyampaian hadiah kepada para pemenang Pertandingan Membaca Al-Quran bagi pegawai dan kakitangan KPSSU dan jabatan-jabatan di bawahnya, yang mana ianya telah diadakan di sebelah pagi pada hari yang sama, serta meraikan kepulangan warga KPSSU yang telah selamat kembali ke tanah air dari menunaikan fardhu haji.

Hadir selaku Tetamu Kehormat pada majlis berkenaan ialah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Turut sama hadir di majlis tersebut ialah Pemangku Setiausaha Tetap, Dayang Hajah Hasnah binti Ibrahim dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap, Awang Ramli bin Haji Jamudin, yang mana merupakan Pengerusi Pertandingan Membaca Al-Quran, Awang Haji Metassan bin Haji Abd Salim selaku Pengerusi Sambutan Awal Tahun Hijrah 1436, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan jabatan-jabatan di bawah Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Sejurus itu majlis diteruskan dengan acara penyampaian hadiah-hadiah kepada para pemenang Pertandingan

Membaca Al-Quran dan cenderahati kepada para penceramah dan hakim-hakim pertandingan tersebut. Majlis diakhiri dengan bacaan doa selamat oleh Awang Haji Azrol Alim bin Haji Zaini, Imam Masjid Kampung Pintu Malim.

Dalam peraduan tersebut wakil qari dari Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Awang Haji Muhd Shukri bin Haji Makhbar telah menjadi Johan manakala qariah Dyg Nurmuizzah binti Ahmad Daud mendapat tempat naib Johan.

MAJLIS SEMBAHYANG FARDHU MAGHRIB BERJEMAAH, MEMBACA SURAH YASSIN DAN DOA KESYUKURAN SEMPENA HARI PELADANG, PETANI, PENTERNAK DAN NELAYAN 2014

31 Oktober 2014



Yang Berhormat Pehin Menteri perindustrian dan Sumber-Sumber Utama bersama jemaah lain terdiri daripada para pengusaha ladang, petani, penternak dan juga nelayan menunaikan sholat Maghrib berjemaah dan seterusnya membaca doa kesyukuran.

Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama telah mengadakan majlis Sembahyang Fardhu Maghrib Berjemaah, Membaca Surah Yaasin dan Doa Kesyukuran sempena sambutan Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan 2014 pada hari Jumaat, 7 Muharam 1436H bersamaan 31 Oktober 2014M bertempat di Masjid Al Ameerah Al Hajah Maryam, Kampong Jerudong.

Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan ini telah diisytiharkan oleh kebawah Duli yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa baginda merasmikan Ekspo Pertanian dan Agrimakanan 2009 pada 19 November 2009 bertempat di Taman Agroteknologi Brunei, Kampong Tungku. Kesenambungan dari pengisytiharan itu, sambutan Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan disambut pada setiap 1 November.

Hadir selaku Tetamu Kehormat pada majlis berkenaan ialah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Turut sama hadir di majlis tersebut ialah Ahli-Ahli Mesyuarat Negara, Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Timbalan Setiausaha Tetap, Ketua-ketua Jabatan, pegawai-pegawai dan kakitangan dari jabatan-jabatan di bawah Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama serta agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan. Juga hadir ialah peladang-peladang, petani-petani, penternak-penternak dan nelayan-nelayan serta pengusaha-pengusaha agrimakanan di seluruh negara.

Aturcara di majlis ini termasuklah Sembahyang Fardhu Maghrib Berjemaah diikuti dengan membaca Surah Yassin dan doa kesyukuran. Majlis tersebut diakhiri dengan Sembahyang Isya' berjemaah.



MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN HARI PELADANG, PETANI, PENTERNAK DAN NELAYAN 2014

1 November 2014

Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dan Jabatan Perikanan telah mengadakan Majlis Perasmian Sambutan Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan 2014 pada hari Sabtu, 8 Muharam 1436H bersamaan 01 November 2014 bertempat di Dewan Muhibah, Lapangan Terbang Lama, Berakas.

Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan 2014 ini diadakan bagi memberikan pengiktirafan keatas usaha-usaha dan sumbangan para peladang, petani, penternak dan nelayan dalam menyumbang kepada ekonomi negara dan sebagai penjana makanan negara. Tema sambutan Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan 2014 masih dikekalkan iaitu Makanan Terjana Negara Selamat. Ini adalah bagi menghayati tema berkenaan dalam mengambil kira keperluan makanan negara akan



Yang Berhormat Pehin Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama menyampaikan ucapan pelancaran Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan 2014.



Penerima Anugerah **PENGUSAHA PADI BERJAYA**, Awang Haji Md Sofian bin Mohd Yassin.



Penerima Anugerah **PELADANG, PETANI DAN PENTERNAK BERDAYA MAJU**, Awang Chin Set Mee.



Penerima Anugerah **PENTERNAK DAN NELAYAN BERJAYA**, Awang Haji Zaini bin Haji Mohd Zain.

terjamin dengan adanya usaha-usaha pengeluaran makanan tempatan.

Tahun ini adalah merupakan kali kelima sambutan Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan diadakan sejak pengisytiharan Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan ditahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan Yang Di-Pertuan Negara



Penerima Anugerah PENTERNAK DAN NELAYAN BERJAYA MAJU, Pengiran Haji Ibrahim bin Pg Muda Haji Hashim.



Penerima Anugerah PENTERNAK DAN NELAYAN INOVATIF, Awang Wong Chin Fook.

Brunei Darussalam pada 19 November 2009 sempena Ekspo Pertanian Dan Agrimakanan 2009 di Kg Tungku. Berikutan pengisytiharan tersebut, sambutan Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan disambut pada 1 November setiap tahun.

Majlis Perasmian Sambutan Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan 2014 telah disempurnakan oleh Tetamu Kehormat pada majlis tersebut iaitu Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Negara Brunei Darussalam.

Turut sama hadir di majlis tersebut ialah Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negeri, Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, Ketua-Ketua Jabatan, pegawai-pegawai dan kakitangan dari jabatan-jabatan di bawah Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama serta agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan. Juga hadir ialah para peladang-peladang, petani-petani, penternak-penternak dan nelayan-nelayan di negara ini serta pengusaha-pengusaha agrimakanan.

Acara kemuncak pada majlis berkenaan ialah Penyampaian Anugerah Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan 2014 oleh Tetamu Kehormat Majlis kepada pemenang-pemenang bagi tahun 2014.

Pada tahun ini hanya terdapat lima (5) anugerah diberikan iaitu:

Kategori yang dianugerahkan oleh Jabatan Pertanian dan Agrimakanan:

1. Anugerah Peladang, Petani dan Penternak Berdaya Maju
2. Anugerah Pengusaha Padi Berjaya

Kategori yang dianugerahkan oleh Jabatan Perikanan adalah:


1. Anugerah Penternak dan Nelayan Berjaya
2. Anugerah Penternak dan Nelayan Berdaya Maju
3. Anugerah Penternak dan Nelayan Inovatif

Kesemua pemenang menerima wang tunai nilai mengikut kategori di samping trofi dan sijil.

Pada Sambutan Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan pada tahun ini, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dan Jabatan Perikanan akan mengadakan Hari Terbuka Pertanian, Perikanan dan Agrimakanan yang mana bertujuan bagi memberigakan perkhidmatan-perkhidmatan dari Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dan Jabatan Perikanan dalam mendokong para PPPN ke arah kemajuan dan pembangunan industri-industri pertanian, agrimakanan, perikanan di negara ini.

Aktiviti-aktiviti Hari Terbuka Pertanian, Perikanan dan Agrimakanan yang telah dirancang adalah seperti berikut:

1. Pameran perkhidmatan-perkhidmatan Jabatan Pertanian & Agrimakanan dan Jabatan Perikanan, pameran, maklumat kerjaya dan peluang-peluang pekerjaan dan perusahaan dalam industri pertanian, perikanan





Majlis Perundingan Kampong Labi 1 dan Labi 2 turut serta dalam menjual hasil kraftangan mereka yang dihasilkan melalui skim satu kampung satu produk.

- dan agrimakanan dan pada masa yang sama akan diadakan klinik-klinik khidmat nasihat dalam sektor-sektor pertanian, perikanan dan agrimakanan;
2. Pameran dan Jualan produk pertanian, perikanan dan agrimakanan dari para peladang, petani, penternak dan nelayan serta pengusaha agrimakanan dari ke empat-empat daerah.

Hari Terbuka Pertanian, Perikanan dan Agrimakanan ini dibukakan kepada orang ramai selama tujuh hari

bermula dari 1 hingga 7 November 2014, dan diadakan bertempat di dalam dan kawasan lobi dan perkarangan Ibu Pejabat, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan iaitu kawasan bersebelahan dengan Dewan Muhibah tempat perasmian sambutan HPPPN 2014. Hari Terbuka Pertanian, Perikanan dan Agrimakanan tersebut dibukakan kepada orang ramai bermula dari hari Sabtu, 1 November 2014 (sebelah petang) hingga hari Jumaat, 7 November 2014.



Lawatan ke gerai Syarikat Hj Zainal bin Hj Safar dan Anak-anak yang pernah menerima anugerah Amalan Pertanian Baik Brunei (GAP Brunei).



Lawatan ke Bahagian Industri Agrimakanan yang menyediakan kuih dan biskut dengan resepi baru dari buah-buahan untuk diuji rasa dan diberi pandangan oleh para pengunjung.

LATAR BELAKANG PENERIMA ANUGERAH HPPPN 2014

1. ANUGERAH PENGUSAHA PADI BERJAYA

'Orang lama dilupa jangan'.

'Tiada yang lama, tiada yang baru'.

Justeru berdasarkan perumpamaan di atas panel hakim bagi Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan 2014 sebulat suara bersetuju agar Anugerah Pengusaha Padi Berjaya untuk tahun 2014 dianugerahkan kepada 'orang lama'.

Ini selaras dengan tujuan utama Anugerah Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan diadakan sebagai pengiktirafan dan penghargaan kepada Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan yang telah menabur bakti dalam perusahaan masing-masing.

Penerima anugerah ini memang 'orang lama'. Dari segi usia sudah berumur 67 tahun, dari segi penglibatan dalam usaha penanaman padi juga sudah lama iaitu 34 tahun sejak tahun 1980.

Penerima anugerah ini telah memenuhi kriteria anugerah berdasarkan penilaian berikut:-

- Penglibatan secara berterusan sejak lebih 30 tahun yang lalu;
- Memiliki kegigihan dan komitmen yang tinggi dalam penanaman padi;
- Ketokohan penerima anugerah ini menjadi mentor kepada peladang-peladang padi di kawasan berkenaan;
- Beliau adalah Ketua Ladang yang berwibawa dan bersedia membantu ahli-ahli pada bila-bila masa dalam sama-sama memajukan ladang masing-masing;
- Bersedia untuk memberi kerjasama kepada pihak jabatan dalam menggunakan tapak padi beliau untuk beberapa percubaan tanaman varieti-varieti baru padi; dan
- Berdasarkan keupayaan penghasilan padi ladang beliau disebalik kekurangan dari segi infrastruktur khususnya sistem pengairan dan saluran serta masalah-masalah lain yang ditempuhi silih berganti, beliau telah berjaya menghasilkan padi sejumlah 50.54 tan metrik padi 5 tahun kebelakangan iaitu dari 2009 hingga 2013 di tapak seluas 6.32 hektar.

Penerima Anugerah ini merupakan seorang yang gigih, peka dan mudah menerima perubahan teknologi semasa, bersikap terbuka, sentiasa ringan tangan dalam memberi pertolongan serta tidak mementingkan diri sendiri.

Penerima Anugerah Pengusaha Padi Berjaya sempena Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan 2014 ialah **Yang Mulia Awang Haji Md Sofian bin Mohd Yassin, Ketua Ladang, Ladang Padi Lot Sengkuang, Kampung Rampayoh, Mukim Labi, Daerah Belait.**

Nota:

Penerima Anugerah bagi Kategori Pengusaha Padi Berjaya akan menerima:-

- Wang Tunai \$4,000.00;

- Sebuah Piala Iringan; dan
- Plak Penghargaan.

2. ANUGERAH PELADANG, PETANI DAN PENTERNAK BERDAYA MAJU

Penerima anugerah ini memang tidak asing lagi dalam dunia pertanian khususnya penanaman sayur-sayuran sejak 30 tahun lalu. Beliau terlibat secara langsung dalam bidang yang diceburi dari penyediaan tapak sehingga pemasaran.

Beliau mempunyai komitmen yang tinggi dalam perusahaan yang diceburi, gigih, kuat berusaha, tidak berputus asa serta yakin akan hasil usaha sendiri akan membawa kejayaan dan keuntungan.

Di atas tanah EDR seluas 1.4 hektar dan ditanam secara bersistematik khususnya dengan sayur-sayuran jenis daun seperti sawi hijau, sawi putih, sawi keriting, sawi Taiwan, bayam dan kangkung telah menghasilkan lebih kurang 149.143 tan metrik sejak 5 tahun kebelakangan iaitu dari 2009 hingga 2013.

Hasil pemasaran sayur-sayuran tersebut telah dapat menjana pendapatan keluarga yang cukup lumayan dan beliau telah dapat menghantar anak beliau untuk melanjutkan pelajaran ke luar negeri.

Penerima anugerah ini juga peka akan perubahan semasa dan telah mengikuti projek Brunei GAP. Adalah menjadi hasrat beliau untuk menjadi ladang pertama diberi Sijil Brunei GAP di Daerah Belait.

Penerima Anugerah Peladang, Petani dan Penternak Berdaya Maju sempena Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan 2014 ialah **Yang Mulia Awang Chin Set Mee, Pemilik/Pengurus syarikat S.M. Chin Farm yang terletak di Kampung Sungai Liang, Daerah Belait.**

Nota:

Penerima Anugerah bagi Kategori Peladang, Petani dan Penternak Berdaya Maju akan menerima:-

- Wang Tunai \$4,000.00;
- Sebuah Piala Iringan; dan
- Plak Penghargaan.

3. ANUGERAH PENTERNAK DAN NELAYAN BERJAYA

Penerima anugerah bagi kategori ini mula melibatkan diri dalam perusahaan industri perikanan sejak 14 tahun yang lalu sehingga sekarang. Kebolehan beliau dalam mengurus dan mengusahakan perusahaan ini dapat dibuktikan dengan penghasilan yang meningkat dari tahun ke tahun.

Penerima ini membuat pelaburan untuk meneroka perairan laut di zon 3 bagi menangkap ikan. Pelaburan menggunakan 3 buah kapal pukat tunda dan sebuah kapal pukat lingkung yang dibantu oleh 47 orang pekerja mahir telah menunjukkan



hasil tangkapan ikan tahunan secara purata sebanyak 200 tan metrik yang bernilai kira-kira \$ 200,000.00 hingga \$ 1.2 juta setahun.

Dengan komitmen yang tinggi serta pengetahuannya yang luas dalam pengurusan dan pemasaran, hasil tangkapan dapat dipasarkan secara borong dan retail. Sebanyak 70% hasil dipasarkan di pasaran tempatan dan selebihnya 30% di eksport ke negara jiran seperti Miri dan Kota Kinabalu.

Penerima Anugerah bagi Kategori Anugerah Penternak dan Nelayan Berjaya bagi tahun 2014 ialah Yang Mulia Awang Haji Zaini bin Hj Mohd Zain, Pemilik dan Pengurus Syarikat HZ Azam Enterprise.

Nota:

Penerima anugerah bagi kategori Penternak dan Nelayan Berjaya akan menerima:-

- Wang Tunai \$5,000.00;
- Sebuah Piala Iringan; dan
- Plak Penghargaan.

4. ANUGERAH PENTERNAK DAN NELAYAN BERDAYA MAJU

Penerima anugerah bagi kategori ini mula mengusahakan penternakan ikan laut dalam sangkar terapung sejak 2009. Dengan pelaburan sejumlah \$ 1.3 juta beliau mampu menjalankan perusahaan ini dengan konsisten dengan menggunakan teknologi penternakan ikan yang terkini dan moden.

Teknologi penternakan ikan menggunakan sangkar HDPE sangat praktikal berbanding teknologi konvensional menggunakan sangkar kayu. Teknologi ini diperolehi beliau melalui rakan-kongsi syarikat daripada negara China. Sehingga sekarang beliau telah mengusahakan sejumlah 320 buah sangkar ikan dengan keluasan 3 hektar di Tapak Industri Ternakan Ikan Laut Tanjong Pelumpong. Dengan minat dan kegigihan yang tinggi syarikat beliau juga menternak ikan di luar pantai menggunakan sangkar-sangkar yang lebih besar dan berbentuk bulat. Sebanyak 12 buah sangkar bersaiz besar dengan keluasan 13 diameter beroperasi di kawasan luar pantai.

Ikan-ikan laut yang diternak adalah dari jenis yang berharga tinggi iaitu seperti kerapu harimau, kerapu hibrid, ikan pahat-pahat duai (golden pompano), ikan putih dan juga ikan merah. Secara purata syarikat ini menghasilkan sejumlah lebih 50 tan metrik ikan laut dan bernilai lebih \$ 900,000.00 setahun. Sejumlah 80% daripada hasil dieksport keluar negeri seperti Indonesia, Hong Kong dan China dan juga ke pasaran tempatan seperti hotel dan restoran.

Ke arah kesinambungan operasi ladang dan bagi memenuhi keperluan bekalan benih-benih ikan syarikat telah memohon tapak bagi membangunkan hatcheri ikan yang terletak di Tapak Industri Ternakan Ikan Kampong Sabun.

Penerima Anugerah bagi Kategori Anugerah Penternak/

Nelayan Berjaya bagi tahun 2014 ialah **Yang Mulia Pengiran Haji Ibrahim Bin Pengiran Muda Haji Hashim, Pemilik dan Pengurus, Syarikat Biomarine Sdn Bhd.**

Nota:

Penerima anugerah bagi kategori Penternak dan Nelayan Berdaya Maju akan menerima:-

- Wang Tunai \$4,000.00;
- Sebuah Piala Iringan; dan
- Plak Penghargaan.

5. ANUGERAH PENTERNAK DAN NELAYAN INOVATIF

Penerima anugerah bagi kategori ini mula mengusahakan perusahaan ternakan ikan laut dalam sangkar terapong 3 tahun lalu. Dengan minat dan kegigihan dalam mengusahakan perusahaan ini beliau mampu menandingi rakan-rakan pengusaha lain di kawasan Tapak Industri Ternakan Ikan Laut Tanjong Pelumpong.

Pengetahuan dan kemahiran menternak ikan diperolehi melalui lawatan sendiri keluar negeri seperti Malaysia, Indonesia, Taiwan dan China. Beliau sangat rajin dan sentiasa berusaha untuk mempelajari teknologi terkini dalam ternakan ikan. Usaha dan kegigihan ini telah menjadikan beliau seorang yang sangat disegani di kalangan pengusaha ikan kerana kebolehannya menternak ikan yang berharga tinggi seperti ikan kerapu tikus, ikan kerapu hibrid, ikan merah dan lain-lain ikan tempatan. Sehingga sekarang syarikat ini mempunyai sejumlah 260 buah sangkar yang diusahakan di kawasan seluas 1 hektar. Purata penghasilan tahunan ialah 33 tan metrik ikan laut dengan nilai \$60,000.00.

Penerima anugerah ini merupakan seorang penternak yang sangat inovatif dengan mempelbagaikan pemasaran ikan, selain daripada memasarkannya secara segar ke pasaran tempatan seperti hotel dan restoran beliau sendiri, syarikatnya juga memasarkan hasil ikannya keluar negara secara hidup dan penghantaran melalui udara. Proses pembungkusan ikan-ikan ini dilakukan di sangkar beliau menggunakan kotak styrofoam dan dihantar terus ke lapangan terbang bagi eksport ke Hong Kong dan China.

Penerima Anugerah Penternak dan Nelayan Inovatif sempena Hari Petani, Peladang, Penternak dan Nelayan 2014 ialah Yang Mulia Awang Wong Chin Fook, Pemilik dan Pengurus Syarikat Sea Neptune Aquarius Enterprise.

Nota:

Penerima Anugerah bagi Kategori Penternak dan Nelayan Inovatif akan menerima:-

- Wang Tunai \$3,000.00;
- Sebuah Piala Iringan; dan
- Plak Penghargaan.

THE 12TH 2ND ECHELON BRUNEI DARUSSALAM – SINGAPORE CIVIL SERVICE EXCHANGE PROGRAMME

3 November 2014



Gambar ramai di hadapan pintu masuk ke Korridor Inovasi Bio Zon A.

Pada 03 November 2014 telah berlangsung Majlis Pembukaan Rasmi 'The 12th 2nd Echelon Brunei Darussalam – Singapore Civil Service Exchange Programme' bertempat The Rizqun International Hotel, Abdul Razak Complex, Bandar Seri Begawan, Brunei. Program ini dikendalikan bersama oleh Institut Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam dan Kolej Perkhidmatan Awam Singapura (CSC).

Negara Brunei Darussalam telah menjadi tuan rumah bagi Program Pertukaran Pegawai-Pegawai Kanan Perkhidmatan Awam antara Brunei Darussalam dan Singapura Kali Ke 12 (The 12th 2nd Echelon Brunei Darussalam - Singapore Civil Service Exchange Program) yang telah berlangsung selama empat hari bermula pada 03 hingga 06 November 2014. Tema program kali ini ialah Mencapai Sekuriti Makanan Melalui Kongsisama Stakeholders (*Achieving Food Security via Stakeholders Partnership*).



YB Pehin Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama berbincang bersama Delegates Singapura.

Program ini adalah sebagai inisiatif bagi melatih pegawai-pegawai kanan



Gambar ramai bersama dengan Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.



Lawatan di Korridor Inovasi Bio Zon A.

melalui pertukaran lawatan kerja di antara Negara Brunei Darussalam dan Singapura bagi mewujudkan rangkaian kerja bersama kedua-dua perkhidmatan awam yang mana di dalam program tersebut, kedua-dua buah negara telah memberikan taklimat kertas kerja masing-masing pada hari pertama program tersebut.

Program selama empat hari ini telah dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan dari pelbagai agensi kerajaan kedua-dua buah negara masing-masing. Negara Brunei Darussalam telah diketuai oleh Yang Mulia, Awang Haji Khairuddin bin Haji Abd Hamid, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian Sumber-Sumber Utama manakala Singapura diketuai oleh Yang Mulia, Awang Tan Meng Dui, Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Pembangunan Nasional Singapura.

Sepanjang program empat hari tersebut diadakan, kesemua peserta-peserta program telah mengikuti sesi taklimat, cabaran berpasukan, lawatan-lawatan pembelajaran dan sebagainya.

Di antara sesi program yang telah disusun atur sepanjang tempoh program dijalankan adalah seperti berikut:-

- Hari Pertama
 - *Challenges to Food Security – Centre for Strategic and Policy Studies (CSPS)*
 - *Teambuilding Challenge – Dancing in The Kitchen*
- Hari Kedua
 - *Learning Journey to Bio Innovation Corridor (BIC Zone A/B)*
 - *Learning Journey to Hua Ho Agricultural Farm – Brunei GAP (Good Agricultural Practice)*
- Hari Ketiga
 - *Learning Journey to Ghanim International Food Corporation – Brunei Halal Experience*
 - *Learning Journey to Tutong District, Ministry of Home Affairs – 1 Village 1 Product*
- Hari Keempat
 - *Visit to Agriculture, Fisheries and Agrifood Open Day*
 - *Closing Ceremony & Farewell Lunch*



Lawatan ke Jabatan Daerah Tutong.



Aktiviti "Dancing in the Kitchen"



TAKLIMAT KESELAMATAN MAKANAN BAGI PENGUSAHA KECIL DAN SEDERHANA (PKS) INDUSTRI AGRIMAKANAN

6 November 2014

Jabatan Pertanian dan Agrimakanan melalui Bahagian Industri Agrimakanan, telah mengadakan sesi taklimat mengenai keselamatan makanan, bagi pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana agrimakanan, pada hari Khamis, 6 November, 2014 bersamaan 13 Muharram 1436H, bertempat di Bilik Suria, Ibu Pejabat, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kilanas.

Taklimat tersebut adalah mustahak bagi pengusaha agrimakanan tempatan untuk mempunyai kefahaman dan ilmu pengetahuan asas mengenai keselamatan makanan dalam bidang perusahaan makanan, terutama sekali mengenai kebersihan, kualiti dan keselamatan produk serta kehalalan makanan yang dihasilkan.

Antara tujuan taklimat tersebut ialah:

- Meningkatkan kesedaran dan seterusnya menekankan agar pengusaha agrimakanan sentiasa mengamalkan kebersihan di setiap masa secara teratur bagi menjamin pengeluaran produk makanan yang selamat dan berkualiti;
- Sebagai langkah proaktif bagi pengurangan pencemaran ke atas produk makanan yang dijual kepada orang ramai;
- Sebagai kerjasama Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dan Kementerian Kesihatan dalam membantu pengusaha agrimakanan dalam memastikan produk makanan tempatan yang dihasilkan adalah sentiasa selamat dan berkualiti.

Seramai 45 orang pengusaha dan 10 orang pegawai dari Jabatan Pertanian dan Agrimakanan telah dijemput untuk menghadiri taklimat berkenaan.

Dua tajuk taklimat telah dibentangkan dan taklimat pertama bertajuk Status Kebersihan dan Keselamatan Makanan, yang disampaikan oleh Merinyu Kesihatan Kanan dari Bahagian Kawalan Kualiti dan Keselamatan Makanan, Kementerian Kesihatan. Antara lain taklimat beliau menyentuh mengenai prosedur pemeriksaan premis pemprosesan makanan, gerai jualan serta restoran dan kantin, seperti yang sedang dijalankan pada masa ini oleh Kementerian Kesihatan dan agensi kerajaan yang lain, dan status statistik mengenai premis-premis makanan yang telah diberikan amaran dan yang ditutup sementara.

Sementara itu, tajuk taklimat kedua ialah mengenai Amalan Kebersihan Yang Baik, dan telah disampaikan oleh Jurukimia Pertanian daripada Unit Perkhidmatan Agrimakanan, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan. Taklimat kedua menyentuh mengenai contoh-contoh sampel makanan yang didapati tercemar dengan bakteria dan kemungkinan punca mengapa ia berlaku serta langkah-langkah yang semestinya diambil untuk mengelakkan pencemaran tersebut daripada terjadi.



Taklimat yang disampaikan ialah untuk memberi kefahaman dan ilmu pengetahuan asas mengenai keselamatan makanan dalam bidang perusahaan makanan terutamanya dari segi kebersihan, kualiti dan keselamatan produk serta kehalalan makanan yang dihasilkan.



MAJLIS DOA SELAMAT DAN KESYUKURAN SERTA PENYAMPAIAN HADIAH SEMPENA HPPPN 2014

10 November 2014



Tetamu Kehormat Yang Mulia Dayang Hajah Hasnah binti Ibrahim, Pemangku Setiausaha Tetap, KPSSU menyampaikan hadiah JOHAN Peraduan Amazing Race yang diadakan sempena HPPPN 2014.

Majlis doa selamat dan kesyukuran serta penyampaian penghargaan sempena terlaksananya majlis perasmian sambutan Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan 2014 dan Hari Terbuka Pertanian, Perikanan dan Agrimakanan 2014 telah diadakan pada hari ini, Isnin, 17 Muharram, 1436H bersamaan 10 November, 2014M bertempat di Restoran Terindak D'Seni, Kampong Subok, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

Antara tujuan majlis ini diadakan adalah sebagai tanda kesyukuran terlaksananya majlis-majlis tersebut yang telah berjalan selama 7 hari, untuk memberi penghargaan kepada semua Ahli Jawatankuasa Kerja yang terlibat dalam menjayakan kedua majlis tersebut dan seterusnya untuk menyampaikan hadiah kepada peserta-peserta yang berjaya dalam aktiviti-aktiviti yang telah diadakan sempena Hari Terbuka Pertanian, Perikanan dan Agrimakanan 2014 yang lalu.

Turut hadir di majlis tersebut ialah Yang Mulia, Dyg Hajah Hasnah Binti Ibrahim, Pemangku Setiausaha Tetap, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Mulia Awg Hj Khairuddin bin Hj Abd Hamid, Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Mulia Dyg Hajah Aidah binti Haji Mohd Hanifah, Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, Yang Mulia Awg Abdul Halidi bin Mohd

Salleh, Pemangku Pengarah Perikanan, Yang Mulia Pemangku Timbalan Pengarah Pertanian, Yang Mulia Pemangku Timbalan Pengarah Perikanan, Pegawai-Pegawai Kanan dan kakitangan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dan Perikanan serta para pemenang aktiviti-aktiviti peraduan yang telah diadakan sempena Hari Terbuka Pertanian, Perikanan dan Agrimakanan 2014.

Acara majlis telah didahului dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan diikuti dengan bacaan doa kesyukuran oleh Ustaz Rustam Harahap. Setelah itu, diikuti dengan acara penyampaian hadiah kepada peserta-peserta yang berjaya dalam aktiviti-aktiviti yang telah diadakan sempena Hari Terbuka Pertanian, Perikanan dan Agrimakanan 2014 oleh Yang Mulia, Dyg Hajah Hasnah binti Ibrahim, Pemangku Setiausaha Tetap, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Hadiah-

hadiah yang disampaikan termasuklah bagi 3 pemenang Hadiah *Booth* Terbaik di sepanjang Hari Terbuka diadakan, 18 pemenang Peraduan Mewarna bagi 4 kategori (Kategori 1 bagi umur 5 – 7 tahun; Kategori 2 bagi umur 8 – 10 tahun; Kategori 3 bagi umur 11 – 13 tahun dan Kategori Terbuka bagi umur 30 tahun ke atas) dan 10 pemenang bagi hadiah *The Amazing Race of HPPPN 2014*.

Di sepanjang Hari Terbuka Pertanian, Perikanan dan Agrimakanan 2014 berkenaan, berbagai acara dan aktiviti harian telah dilangsungkan. Ini termasuklah acara-acara seperti jualan barangan produk hasil pertanian yang segar, jualan barangan hasil produk perikanan yang segar, jualan barangan hasil produk proses pertanian, perikanan dan agrimakanan, jualan produk MPM dan MPK daripada Daerah Brunei Muara, Belait, Tutong dan Temburong, pameran Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, pameran Jabatan Perikanan, Pameran Maklumat Kerjaya di bidang pertanian, perikanan dan agrimakanan, pameran peluang dalam industri pertanian, perikanan dan agrimakanan, taklimat dan konsultasi maklumat kerjaya di bidang pertanian, perikanan dan agrimakanan dan taklimat peluang dalam industri pertanian, perikanan dan agrimakanan.

Dengan adanya aktiviti-aktiviti jualan yang telah diadakan di sepanjang Hari Terbuka selama 7 hari tersebut, hasil jualan para peserta yang ikut berjaja seramai 109 peserta dengan jumlah 119 buah petak jualan telah mencapai jumlah sebanyak \$278,547.73 mengikut kategori berikut:

1. Pameran Pencapaian Jabatan berjumlah \$1,222.00;
2. Semaian buah/bunga dan landskap berjumlah \$17,675.00;

3. Pengusaha Daerah Brunei Muara (sayur, buah, ternakan & makanan berproses berjumlah \$44,607.63;
4. Pengusaha Daerah Brunei Muara bagi agrimakanan berjumlah \$33,728.20;
5. Pengusaha Daerah Tutong berjumlah \$24,572.10;
6. Pengusaha Daerah Belait berjumlah \$16,816.50;
7. Pengusaha Daerah Temburong berjumlah \$2,403.00;
8. Produk perikanan berproses berjumlah \$23,415.70;
9. Produk perikanan segar berjumlah \$45,927.00;
10. Makanan segera (fast food) berjumlah \$15,304.70;
11. Penjaja am berjumlah \$24,399.90 dan;
12. Jualan beras tempatan berjumlah \$28,476.00.

Disamping itu, aktiviti demo secara spontan juga diadakan di sepanjang Hari Terbuka tersebut diadakan seperti demo membuat sabun daripada kelapa, demo membuat Kuih Penyaram, Pertandingan Mengubah Hiasan daripada Bahan Sayur-sayuran dan Buah Kepayas, Pertandingan Mengupas Kelapa dan juga Menjalin Kelupis. Bagi memeriahkan lagi suasana Hari Terbuka Pertanian, Perikanan dan Agrimakanan, acara bagi kanak-kanak juga tidak ketinggalan diadakan iaitu peraduan mewarna. Penyertaan sangat menggalakkan di mana penyertaan bagi kesemua 4 kategori disepanjang Hari Terbuka diadakan berjumlah lebih 100 penyertaan.

Di hari terakhir Hari Terbuka diadakan, pihak penganjur juga telah mengadakan satu acara berbentuk sukan dan hiburan iaitu acara *The Amazing Race of HPPPN 2014*, yang mana ianya mendapat sambutan hangat dengan jumlah penyertaan yang berdaftar sebanyak 30 pasukan. Pihak pengajur telah memilih 10 pemenang terbaik yang telah menamatkan perlumbaan tersebut dengan jayanya.

Kerjasama dan sokongan padu dari semua ahli jawatankuasa dan pengusaha-pengusaha yang ikut serta di kedua majlis tersebut telah membuahkan hasil yang membanggakan dan diharap kerjasama dan sokongan padu yang seumpamanya akan terus berkekalan dan sentiasa dipertingkatkan dari masa ke semasa demi kemajuan dan kejayaan industri-industri berasaskan pertanian, perikanan dan agrimakanan di negara ini.



Tetamu Kehormat Yang Mulia Dayang Hajah Hasnah binti Ibrahim, Pemangku Setiausaha Tetap, KPSSU menyaksi lukisan-lukisan yang telah memenangi pertandingan mewarna lukisan, dan diberi penerangan oleh Awang Abuzar bin Haji Tahir, Ketua JK Aktiviti Harian, HPPPN 2014.



MAJLIS PENUTUP DAN PENYAMPAIAN SIJIL KURSUS ASAS PERLADANGAN ORGANIK

11 November 2014



Tetamu Kehormat, Hajah Aidah binti Haji Mohd Hanifah, Pengarah Pertanian dan Agrimakanan menyampaikan sijil kepada salah seorang peserta dari Majlis Perundingan Kampung Belimbing yang menyertai Kursus Asas Perladangan Organik.

Majlis penutup dan penyampai sijil kepada peserta-peserta kursus Asas Perladangan Organik telah diadakan pada hari Selasa, 18 Muharram 1436H bersamaan 11hb November, 2014 bertempat di Dewan Simpur, Pusat Urusniaga Hortikultur Rimba. Hadir selaku Tetamu Kehormat Majlis tersebut ialah Yang Mulia Dayang Hajah Aidah binti Haji Mohd Hanifah, Pengarah Pertanian dan Agrimakanan yang juga berkesudian untuk menyampaikan sijil tamat kursus kepada 137 orang peserta yang terdiri dari pegawai dan kakitangan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, ahli-ahli MPK Kampung Belimbing, para peladang dan pengusaha tani.

Turut hadir di majlis tersebut ialah pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan, ahli-ahli MPK Kampung Belimbing, para peladang dan pengusaha tani.

Kursus asas perladangan organik telah dianjurkan oleh Jabatan Pertanian dan Agrimakanan selama 2 hari bermula pada hari Isnin, 17-18 Muharram 1436H bersamaan 17-18 November, 2014 yang dihadiri oleh pegawai-pegawai, ahli-ahli MPK Kampung Belimbing, para peladang dan pengusaha tani. Kursus telah

dikendalikan oleh Dayang Rosmawati binti Selamat, yang didatangkan khas dari Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman, Jabatan Pertanian, Malaysia. Peserta-peserta kursus telah memperelajari tentang cara-cara pembuatan baja kompos, baja cecair, memerangkap mikroorganisma tempatan yang berfeadah seperti bakteria fotosintetik, asid laktik, yis dan *actinomyces* untuk meningkatkan bahan nutrien tanah secara alami.

Di samping itu juga, kursus ini dianjurkan bertujuan untuk memberi peluang kepada para peladang

dan pengusaha menimba ilmu yang berguna sebanyak mungkin bagi membolehkan mereka membangun projek rintis ladang organik secara komersial dan merebut peluang menjadi pembekal produk-produk organik yang unggul di negara ini. Produk-produk organik yang diiktiraf tulen adalah bernilai tinggi di pasaran tempatan dan antarabangsa serta mempunyai pelanggan yang khusus di kalangan orang ramai yang sangat mengutamakan penjagaan kesihatan dan pemakanan.

Pada masa ini, keselamatan makanan dan pencemaran alam sekitar oleh bahan-bahan kimia telah menjadi isu utama di seluruh dunia. Masalah ini bermula setelah sistem pertanian dunia beralih ke revolusi hijau pada akhir 1960-an. Perusahaan pertanian telah menjadi sektor komersial yang berasaskan teknologi tinggi bagi meningkatkan produktiviti. Disamping berupaya menyediakan makanan kepada penduduk dunia yang semakin meningkat, teknologi ini juga telah mengakibatkan kesan negatif kepada ekologi alam

sekitar disebabkan oleh pencemaran baja dan racun perosak sintetik secara berpanjangan dan berlebihan.

Orang ramai yang sangat peka terhadap bahaya kimia dari segi kesihatan mengutamakan produk-produk makanan yang selamat dan bebas kimia yang dihasilkan dari perladangan organik. Tren permintaan produk-produk organik di pasaran dunia telah meningkat dari masa ke semasa. Untuk memenuhi permintaan orang ramai dan eksport, kebanyakan negara telah memajukan sistem perladangan organik dan pasaran organik antarabangsa telah berkembang dengan nilai AS\$60 bilion pada 2011.

Begitu juga dengan permintaan orang ramai terhadap produk-produk organik di negara ini adalah semakin ketara di tahun-tahun kebelakangan ini dari orang ramai yang mengamalkan gaya hidup 'hijau'. Menyedari kepentingan dan peluang pasaran produk organik yang belum diterokai para peladang dan pengusaha pada ketika ini, kursus asas peladangan organik dianjurkan untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan para peladang dan pengusaha yang berminat tentang teknik-teknik pengurusan dan penghasilan ladang organik untuk memenuhi permintaan pelanggan tempatan.

Untuk memastikan kualiti produk-produk organik yang dihasilkan di negara ini diakui dan setara dengan produk-produk organik antarabangsa, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan sedang merangka satu Piawaian Organik yang sesuai digunakan dengan sistem peladangan dan persekitaran negara ini. Piawaian organik ini akan digunakan untuk menilai dan mengiktiraf produk-produk perladangan organik tempatan bagi memastikan produk-produk organik yang dihasilkan adalah benar-benar selamat dan bebas dari pencemaran kimia.



Tenaga pengajar kursus Dayang Rosmawati binti Selamat, Bahagian Kualiti Tanaman, Jabatan Pertanian Malaysia didatangkan khas bagi menyampaikan kursus Asas Perladangan Organik.



Pembimbing kursus membuat tunjukkan amali membuat baja organik kepada peserta kursus.



MUZAKARAH JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN BERSAMA PELADANG DAN PENTERNAK DAERAH TEMBURONG

13 November 2014



Rombongan diketuai oleh Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, Dayang Hajah Aidah binti Haji Mohd. Hanifah. Turut hadir ialah Ketua Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Sumber-Sumber Utama, Dayang Fuziah binti Haji Hamdan dan Pemangku Timbalan Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, Dayang Hajah Khartini binti Haji Musa.

Majlis muzakarah dan taklimat yang dihadiri oleh Yang Mulia Dayang Hajah Aidah binti Haji Mohd Hanifah, Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, Pemangku Timbalan Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, Penolong-Penolong Pengarah dan Pegawai-Pegawai Kanan dan kakitangan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan bersama lebih kurang 250 orang peladang dan penternak Daerah Temburong telah diadakan pada hari Khamis, 20 Muharram, 1436H bersamaan 13 November, 2014 bertempat di Dewan Serbaguna, Kompleks Dewan Utama Bumiputra Pekan Bangar, Daerah Temburong.

Muzakarah ini merupakan salah satu daripada acara tahunan sempena Sambutan Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan 2014H/1436M yang telah dilancarkan pada hari Sabtu, 08 Muharram 1436H bersamaan 01 November, 2014M di Dewan Muhibbah, Berakas, Daerah Brunei Muara oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Pada tahun ini, majlis muzakarah dimulakan di Daerah Temburong, dan seterusnya dilaratkan ke daerah-daerah lain iaitu Daerah Belait, Daerah Brunei Muara dan Daerah Tutong.

Aturcara majlis dimulakan dengan taklimat mengenai perkembangan dan pencapaian industri pertanian dan agrimakanan yang disampaikan oleh Pemangku Penolong Pengarah Pertanian, Pg Hajah Mariam binti Pg Haji Omar selaku Ketua Bahagian Pengembangan

Pertanian dengan memfokuskan kepada perkembangan dan pencapaian peladang dan penternak di Daerah Temburong. Taklimat ini adalah bertujuan untuk memberi pendedahan dan berkongsisama dengan para peladang dan penternak mengenai status perkembangan semasa industri pertanian dan agrimakanan di negara ini yang merangkumi sektor ternakan, tanaman dan agrimakanan. Selepas sesi taklimat, acara majlis diteruskan dengan sesi soal-jawab bersama para peladang dan penternak yang hadir.

Taklimat yang disampaikan menunjukkan statistik dan peratus sumbangan keseluruhan komoditi pertanian dan agrimakanan yang mana pengeluaran kasar pertanian dan agrimakanan bagi pendapatan negara 2013 berjumlah \$291.67 juta dan daerah Temburong telah menghasilkan pengeluaran pertanian dan agrimakanan berjumlah \$3.97 juta.

Walau bagaimanapun, penyumbang utama dalam sektor pertanian & agrimakanan di Daerah Temburong ialah industri buah-buahan yang berjumlah \$1.78 juta, diikuti oleh industri beras berjumlah \$0.59 juta dan industri ayam pedaging berjumlah \$0.57 juta. Manakala, industri lain seperti sayur-sayuran \$0.36 juta, industri proses agrimakanan berasaskan produk tanaman \$0.31 juta, pelbagai tanaman \$0.17 juta, pelbagai ternakan \$0.15 juta dan industri proses agrimakanan berasaskan produk ternakan \$0.04 juta. Selain dari pencapaian industri-industri berkenaan, pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan juga mengongsikan mengenai program-program peningkatan hasil pertanian dan agrimakanan yang sedang dan akan dilaksanakan.

Setakat ini, jumlah peladang, penternak dan pengusaha yang berdaftar di Daerah Temburong ialah 902 orang/syarikat iaitu 17% dari jumlah keseluruhan peladang, penternak dan pengusaha pertanian dan agrimakanan diseluruh negara yang terdiri daripada 103 orang

pengusaha ternakan, 757 orang pengusaha tananam dan 42 orang pengusaha agrimakanan berproses.

Dengan adanya muzakarah seumpama ini, para peladang, penternak dan pengusaha pertanian dan agrimakanan di Daerah Temburong khususnya, akan dapat mengetahui perkembangan semasa mengenai status industri pertanian dan agrimakanan di Negara Brunei Darussalam dan akan dapat mengetahui mengenai peluang-peluang yang dapat diceburi di bidang pertanian dan agrimakanan, mempertingkatkan lagi usaha mereka ketahap yang lebih baik sama ada dari segi kuantiti dan kualiti hasil mereka agar produk-produk pertanian dan agrimakanan yang dihasilkan lebih berkualiti dan selamat untuk pengguna dan dapat bersaing dengan produk-produk dari luar negara di samping dapat berbincang mengenai masalah-masalah yang dihadapi dalam menjalankan perusahaan mereka dengan pegawai-pegawai Jabatan Pertanian dan Agrimakanan yang hadir.



Peladang dan penternak Daerah Temburong yang dijemput hadir untuk berkongsi dalam muzakarah bersama Jabatan Pertanian dan Agrimakanan sempena sambutan Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan 2014.



LAWATAN KETUA-KETUA DELEGASI RANCANGAN KAPAL BELIA ASIA TENGGARA DAN JEPUN KE BIC, TUNGKU

14 November 2014



Para ketua delegasi Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun melawat ke Rumah Hijau milik K.N Nursery yang beroperasi di BIC, Tungku.

Persinggahan Kapal Nipon Maru ke Negara Brunei Darussalam telah memberi peluang kepada rombongan seramai 11 orang Ketua-Ketua Kontinjen dari Negara-Negara ASEAN dan Jepun untuk melawat ke Koridor Inovasi Bio (Bio Innovation Corridor), Kampong Tungku, Gadong.

Rombongan ini juga disertai oleh beberapa orang pegawai-pegawai pentadbiran kapal yang diketuai oleh Pentadbir Kapal Nipon Maru, Tomofumi Oka.

Lawatan ke Koridor Inovasi Bio ini juga merupakan program lawatan yang diaturkan oleh Persatuan Bekas Peserta-Peserta Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun (Persatuan BERSATU) Negara Brunei Darussalam yang bertindak selaku tuan rumah bagi program bebas ketua-ketua kontinjen. Semasa lawatan ini dijalankan, kesemua 350 orang peserta kapal belia yang sedang berada di negara ini telah mengikuti Program Keluarga Angkat.

Setibannya di pusat ini, mereka telah disambut oleh Dayang Farah Ani binti Haji Gapor, Ketua Unit Industri Tanaman Hiasan dan Bunga-Bunga. Beliau juga menyampaikan taklimat mengenai penubuhan dan juga perkembangan BIC ini sambil menaiki kenderaan mengelilingi kawasan yang dilawati. Tempat lawatan terakhir di BIC ialah Bangunan Rumah Hijau yang berfungsi menghasilkan tanaman bernilai tinggi. Taklimat mengenai fungsi dan perkembangan rumah hijau telah disampaikan oleh Pengurus K.N Nursery, Awang Patrick Lau.



Seramai 11 orang ketua delegasi Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun melawat Koridor Inovasi Bio, Tungku.

MUZAKARAH JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN BERSAMA PELADANG DAN PENTERNAK DAERAH BELAIT

15 November 2014



Sebahagian dari peladang, petani dan penternak dari Daerah Belait.



Pg Hajah Mariam binti Pg Haji Omar, Penolong Pengarah Pertanian dan Agrimakanan selaku Ketua Bahagian Pengembangan Pertanian menyampaikan taklimat mengenai perkembangan industri pertanian di Negara Brunei Darussalam.

Majlis muzakarah dan taklimat sempena sambutan Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan 2014 bagi Daerah Belait yang dihadiri oleh Yang Mulia Puan Hajah Aidah binti Haji Mohd Hanifah, Pengarah Pertanian Dan Agrimakanan, Pemangku Timbalan Pengarah Pertanian, Penolong-Penolong Pengarah Pertanian, Pegawai-Pegawai Kanan dan kakitangan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan bersama lebih kurang 90 orang peladang dan penternak daerah ini telah diadakan pada hari Sabtu, 22 Muharram 1436H bersamaan 15 November, 2014 bertempat di Kelab Rekreasi Liang Lumut, Jalan Pantai Lumut, Kampong Lumut Satu, Belait.

Majlis Muzakarah ini merupakan majlis muzakarah kali ke dua diadakan pada tahun ini selepas Daerah Temburong. Aturcara majlis dimulakan dengan taklimat mengenai perkembangan dan pencapaian industri pertanian dan agrimakanan yang disampaikan oleh Pemangku Penolong Pengarah Pertanian, Pg Hajah Mariam binti Pg Haji Omar selaku Ketua Bahagian Pengembangan Pertanian dengan memfokuskan kepada perkembangan dan pencapaian peladang dan penternak di Daerah Belait.

Taklimat tersebut bertujuan untuk memberi pendedahan dan berkongsi-sama dengan para peladang dan penternak di Daerah Belait mengenai status perkembangan dan pencapaian industri pertanian dan agrimakanan di negara ini khususnya dalam bidang industri ternakan, tanaman dan agrimakanan. Selepas sesi taklimat dilaksanakan, acara majlis diteruskan dengan sesi soal-jawab bersama para peladang dan penternak dan pengusaha yang hadir.

Berpandukan statistik 2013, pengeluaran kasar pertanian dan agrimakanan di Daerah Belait berjumlah \$43.8 juta mengikut nilai pasaran iaitu 15.02% daripada keseluruhan pengeluaran negara. Penyumbang utama sektor pertanian dan agrimakanan bagi Daerah Belait ialah industri ternakan ayam pedaging yang bernilai \$24.47

juta. Manakala industri lain seperti telur ayam \$6.17 juta, sayur-sayuran \$6.11 juta, buah-buahan \$4.29 juta, pelbagai tanaman \$1.16 juta, industri proses agrimakanan berasaskan produk tanaman \$0.66 juta, beras \$0.45 juta, bunga keratan \$0.21 juta, tanaman hiasan \$0.18 juta, daging kerbau & lembu \$0.04 juta, daging kambing \$0.03 juta, industri proses agrimakanan berasaskan produk ternakan \$0.03 juta dan pelbagai ternakan berjumlah \$0.02 juta.

Setakat ini, lebih kurang **872** jumlah pengusaha/syarikat yang menceburi dalam perusahaan pertanian dan agrimakanan di Daerah Belait iaitu 15.9% dari keseluruhan pengusaha pertanian dan agrimakanan di negara ini. Dengan adanya muzakarah seumpama ini, diharap para peladang, penternak dan pengusaha di daerah ini akan terus maju dan berdaya saing bagi sama-sama merealisasikan tema hari peladang, petani, penternak dan nelayan 2014 iaitu '**Makanan Terjana, Negara Selamat**'. Tema ini besar ertinya iaitu bagi memastikan bekalan makanan daripada hasil khususnya pertanian dan penternakan di negara ini adalah mencukupi, halal, berkualiti, selamat dan pada kadar mampu semata-mata untuk kesejahteraan penduduk Negara Brunei Darussalam.



PEMBENTANGAN LAPORAN AKHIR KAJIAN DAN KESAN HAKISAN TANAH SERTA PEMBANGUNAN STRATEGI PEMULIHARAAN TANAH DI KAWASAN-KAWASAN KEMAJUAN PERTANIAN DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

15 November 2014

Majlis Pembentangan Laporan Akhir 'Kajian dan Kesan Hakisan Tanah Serta Pembangunan Strategi Pemuliharaan Tanah di Kawasan-Kawasan Kemajuan Pertanian di Negara Brunei Darussalam telah berlangsung pada hari Sabtu, 15hb. November, 2014 bersamaan 22 Muharram 1436H, bertempat di Bilik Permai, Ibu Pejabat, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, yang dihadiri oleh Yang Mulia Dayang Hajah Aidah binti Haji Mohd Hanifah, Pengarah Pertanian dan Agrimakanan. Turut hadir ialah Pegawai-Pegawai Kanan, Ketua-Ketua Unit dan kakitangan jabatan berkenaan.



Projek ini telah mula dilaksanakan oleh pihak konsultan, Hydecbru Construction sejak Jun, 2012 dan antara tugas yang dijalankan pula ialah mengkaji 3 plot kajian hakisan tanah di Daerah Tutong dan Daerah Temburong, mengadakan tunjukkan dan taklimat kaedah mengawal hakisan tanah kepada pegawai dan kakitangan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan serta para petani dan peladang tempatan. Di samping itu juga, senaskah buku manual, polisi dan risalah-risalah kaedah pemuliharaan tanah telah diterbitkan.

Usaha-usaha kawalan hakisan tanah di Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) yang berbukit diperlukan bagi mengurangkan kehilangan 'topsoil' iaitu lapisan tanah atas yang subur untuk bercucuk tanam. Hasil kajian yang telah dikendalikan pihak konsultan mendapati sebanyak 9 KKP dijangka menghadapi masalah hakisan tanah yang tinggi iaitu sebanyak 150 tan metrik sehektar setahun jika kawalan hakisan tanah tidak diamalkan oleh para petani dan peladang. Hakisan tanah yang tinggi di kawasan-kawasan berkenaan dijangka menggunakan 'Universal Soil Loss Equation' (USLE) di mana faktor kecuraman, jenis tanah dan topografi diambil kira.

Kaedah kawalan hakisan tanah menggunakan tanaman penutup bumi dan sungkupan telah lama diamalkan oleh para petani dan peladang di negara ini. Akan tetapi kaedah ini belum mencukupi untuk mengatasi masalah hakisan seperti gerakan massa tanah yang masih dihadapi di KKP berbukit di negara ini kerana ketiadaan sistem saliran yang mencukupi untuk mengalirkan air semasa hujan lebat.

Pihak dari Konsultan Hydecbru Construction menyampaikan manual laporan akhir mengenai kajian dan kesan hakisan tanah serta pembangunan strategi pemuliharaan tanah di kawasan-kawasan kemajuan pertanian di Negara Brunei Darussalam kepada Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, Dyg Hj Haidah binti Hj Mohd Hanifah.

Untuk mengatasi masalah ini, pembinaan sistem saliran, kawalan awal terhadap hakisan gaung, menanam tanaman penutup bumi dan pembinaan teres di KKP bebukit adalah disyorkan oleh pihak konsultan. Teres bangku adalah salah satu jenis teres yang mudah dibina oleh peladang bagi mengawal hakisan tanah.

Kesuburan tanah adalah sangat bernilai terutama bagi petani yang bergantung nafkah kehidupan dengan bercucuk tanam dan kesuburan bumi. Kesuburan tanah juga adalah penting bagi menjana ekonomi negara terutama dalam menjayakan usaha Jabatan Pertanian dan Agrimakanan untuk mencapai wawasan dan menjamin sekuriti makanan negara terutamanya dalam meningkatkan pengeluaran beras, buah-buahan dan sayur-sayuran.

Bagi memudahkan kaedah-kaedah kawalan hakisan tanah diamalkan oleh setiap petani dan peladang yang mengusahakan KKP bebukit di negara ini, buku manual pemuliharaan tanah telah diserahkan oleh pihak konsultan kepada Pengarah Pertanian dan Agrimakanan di majlis tersebut. Penyediaan buku manual dan polisi pemuliharaan tanah adalah langkah perintis bagi Jabatan Pertanian dan Agrimakanan membangun satu akta bagi melindungi tanah-tanah gazet pertanian yang sangat bernilai untuk dikekalkan kesuburannya.

MUZAKARAH JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN BERSAMA PELADANG, PETANI DAN PENTERNAK DAERAH BRUNEI MUARA

17 November 2014



Awang Saidin bin Namit, Pemangku Penolong Pengarah Pertanian dan Agrimakanan selaku Ketua Bahagian Kejuruteraan Pertanian menjawab soalan mengenai infrastruktur pertanian yang sedang dilakukan.

Kira-kira 250 orang peladang, petani, penternak, pengusaha agrimakanan, penghulu dan Ketua Kampung di Daerah Brunei Muara telah dijemput hadir ke Majlis Muzakarah Bersama Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, yang diadakan pada 24 Muharram 1436M bersamaan 17 November, 2014 bertempat di Dewan Simpur, Pusat Urusniaga Hortikultur Rimba, Gadong.

Turut hadir di majlis muzakarah tersebut ialah Yang Mulia, Dayang Hajah Aidah binti Haji Mohd Hanifah, Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, Pemangku Timbalan Pengarah Pertanian, Penolong-Penolong Pengarah, pegawai-pegawai kanan serta pegawai dan kakitangan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

Seperti di Daerah Temburong dan Daerah Belait, Majlis Muzakarah bagi Daerah Brunei Muara diadakan sempena Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan 2014. Majlis ini telah dimulakan dengan kata alu-aluan dari Pengarah Pertanian dan Agrimakanan dan diikuti dengan sesi taklimat mengenai perkembangan dan pencapaian industri pertanian dan agrimakanan, yang disampaikan oleh Yang Mulia Pengiran Hajah Mariam binti Pengiran Haji Omar, Pemangku Penolong Pengarah Pertanian dan selaku Ketua Bahagian Pengembangan Pertanian.

Taklimat tersebut adalah bertujuan untuk memberi pendedahan dan berkongsi maklumat dengan para peladang, petani, penternak, pengusaha agrimakanan, penghulu dan Ketua Kampung khususnya di Daerah Brunei Muara, mengenai perkembangan dan pencapaian industri pertanian dan agrimakanan, yang merangkumi sektor industri ternakan, tanaman dan agrimakanan. Setelah sesi taklimat berakhir, muzakarah diteruskan dengan sesi soal-jawab.

Antara lain isi kandungan taklimat telah menyentuh mengenai status pencapaian industri pertanian dan agrimakanan di Daerah Brunei Muara bagi 2013. Data statistik telah menunjukkan pencapaian yang amat ketara dan memberi rangsangan kepada pengeluaran kasar pertanian dan agrimakanan. Penyumbang utama kepada peningkatan tersebut ialah industri ternakan ayam pedaging yang bernilai \$51.46 juta. Ini diikuti oleh



Salah seorang pengusaha pertanian mengajukan soalan mengenai pengagihan baja subsidi pertanian.

ternakan berproses berasaskan produk ternakan yang berjumlah \$42.68 juta, tanaman berproses bernilai \$40.92 juta, telur ayam \$19.69 juta dan sayur-sayuran yang bernilai \$17.44 juta.

Manakala Industri lain seperti penetasan anak ayam \$7.17 juta, beras \$2.48 juta, buah-buahan \$1.47 juta, pelbagai tanaman \$1.02 juta, tanaman hiasan \$1.60 juta, daging kerbau dan lembu \$0.82 juta, pelbagai ternakan \$0.41 juta, daging kambing \$0.16 juta dan bunga keratan bernilai \$0.002 juta. Daerah Brunei Muara merupakan penyumbang terbesar kepada pengeluaran pertanian dan agrimakanan bagi 2013 iaitu berjumlah \$187.33 juta atau 64.23% daripada pengeluaran negara.

Setakat ini, kira-kira 5,475 orang peladang, petani, penternak dan pengusaha agrimakanan yang menceburi dalam perusahaan pertanian dan agrimakanan di seluruh negara. Dari jumlah tersebut, seramai 730 orang bergiat dalam industri ternakan, 4,369 orang dalam industri tanaman dan 376 orang dalam proses agrimakanan. Dari jumlah keseluruhan peladang,

petani, penternak dan pengusaha agrimakanan tersebut, seramai 1,733 orang iaitu 31.7% adalah dari Daerah Brunei Muara.

Pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan sangat-sangat menghargai segala usaha, kerjasama dan sumbangan para peladang, petani, penternak dan pengusaha agrimakanan kepada pembangunan ekonomi negara terutamanya dalam membekal makanan yang berkualiti, halal dan selamat untuk para pengguna di negara ini.

Dengan adanya Muzakarah seumpama ini, ianya akan dapat menyuntik semangat para peladang, petani, penternak dan pengusaha agrimakanan dalam memajukan lagi industri pertanian dan agrimakanan melalui perkongsian maklumat, pertukaran pendapat, perbincangan berhubung dengan isu-isu dan masalah yang dihadapi oleh para peladang, petani, penternak dan pengusaha agrimakanan dalam perusahaan mereka, serta cadangan-cadangan dan tindakan yang akan dilaksanakan bagi penyelesaian isu berkenaan.

MUZAKARAH JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN BERSAMA PELADANG DAN PENTERNAK DAERAH TUTONG

18 November 2014



Muzakarah diketuai oleh Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, Dayang HjH Aidah binti Haji Mohd Hanifah.

Majlis Muzakarah dan Taklimat yang dihadiri oleh Yang Mulia Puan Hajah Aidah binti Haji Mohd Hanifah, Pengarah Pertanian Dan Agrimakanan, Pemangku Timbalan Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, Penolong-Penolong Pengarah, Pegawai-Pegawai Kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan bersama dengan lebih kurang 250 orang peladang, petani dan penternak di Daerah Tutong telah diadakan pada hari Selasa, 25 Muharram, 1436H bersamaan 18 November, 2014 bertempat di Dewan Seri Kenangan, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong.

Majlis muzakarah di Daerah Tutong ini merupakan daerah yang terakhir diadakan selepas muzakarah di Daerah Temburong, Daerah Belait dan Daerah Brunei Muara. Seperti acara di daerah-daerah yang lain, taklimat mengenai perkembangan dan pencapaian industri pertanian dan agrimakanan juga disampaikan oleh Yang Mulia Pg Hajah Mariam binti Pg Haji Omar, Pemangku Penolong Pengarah Pertanian selaku Ketua Bahagian Pengembangan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dengan memfokuskan kepada perkembangan dan pencapaian peladang, petani, penternak dan pengusaha agrimakanan di Daerah Tutong.

Taklimat tersebut bertujuan untuk memberi pendedahan, pengetahuan dan berkongsi maklumat dengan para peladang, petani, penternak dan

pengusaha agrimakanan di Daerah Tutong mengenai perkembangan industri pertanian di negara ini. Sesi soal-jawab bersama para peladang, petani, penternak dan pengusaha yang hadir juga diadakan selepas taklimat disampaikan.

Antara lain isi kandungan taklimat telah menyentuh mengenai status pencapaian industri pertanian dan agrimakanan di daerah Tutong bagi tahun 2013. Data statistik 2013 menunjukkan pengeluaran kasar pertanian di Daerah Tutong berjumlah \$56.56 juta mengikut nilai pasaran. Penyumbang utama sektor Pertanian & Agrimakanan bagi Daerah Tutong ialah industri ternakan ayam pedaging yang berjaya menghasilkan sumbangan bernilai \$27.94 juta. Diikuti oleh industri penetasan anak ayam berjumlah \$10.64 juta.



Manakala industri lain seperti telur berbenih berjumlah \$7.02 juta, sayur-sayuran berjumlah \$6.49 juta, industri proses agrimakanan berasaskan produk ternakan berjumlah \$1.46 juta, buah-buahan berjumlah \$1.32 juta, beras berjumlah \$0.49 juta, tanaman hiasan berjumlah \$0.49 juta, pelbagai tanaman \$0.35 juta, industri proses agrimakanan berasaskan produk tanaman \$0.14 juta, daging kerbau & lembu \$0.16 juta, pelbagai ternakan \$0.03 juta, telur ayam berjumlah \$0.02 juta dan daging kambing berjumlah \$0.003 juta.

Setakat ini, terdapat kira-kira 1,968 pengusaha/syarikat yang menceburi dalam perusahaan pertanian dan agrimakanan di Daerah Tutong iaitu 35.9% dari keseluruhan pengusaha pertanian dan agrimakanan di negara ini.

Dengan adanya muzakarah seumpama ini, diharap para peladang, petani, penternak dan pengusaha agrimakanan di daerah ini berpeluang mengikuti status

perkembangan dan pencapaian semasa industri pertanian dan agrimakanan di negara ini, bertukar pendapat, dan berbincang berhubung dengan isu-isu dan masalah yang dihadapi dalam perusahaan mereka.

Semoga maklumat-maklumat yang dikongsikan oleh pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan akan dapat dimanfaatkan oleh para peladang, petani, penternak dan pengusaha agrimakanan di Daerah Tutong khususnya dalam membuat perancangan samada perusahaan baru atau untuk meningkatkan lagi usaha mereka yang sedia ada ke tahap yang lebih baik dan cemerlang di masa akan datang agar dapat menyumbang kepada pengeluaran hasil komoditi-komoditi pertanian dan agrimakanan ke tahap yang lebih bermakna bagi sama-sama merealisasikan tema Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan iaitu **'Makanan Terjana, Negara Selamat'**.



Diantara peladang yang hadir adalah peladang di Penempatan Peladang Muda Birau.

KURSUS PEMROSESAN ASAS JERUK DAN JEM BUAH-BUAHAN TEMPATAN

24-25 November 2014



Peserta kursus yang menyertai kursus pemprosesan asas jeruk dan jem buah-buahan tempatan bergambar bersama Ketua Bahagian Industri Agrimakanan, Dyg Hj Siti Raihani binti Hj Abd Hamid dan beberapa orang tenaga pengajar kursus.

Kursus pemprosesan asas bagi produk jeruk dan jem daripada buah-buahan tempatan telah diadakan selama dua hari, yang bermula pada hari Isnin, 24 November, 2014 bersamaan 1 Safar 1436H, bertempat di Bangunan Teknologi Makanan, Pusat Penyelidikan Pertanian Brunei, Kilanas. Kursus tersebut adalah anjuran Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, melalui Unit Pembangunan Produk Agrimakanan dan Unit Pembangunan Industri Agrimakanan, Bahagian Industri Agrimakanan.

Kursus berkenaan adalah merupakan salah satu perkhidmatan latihan di Unit Pembangunan Produk Agrimakanan, dimana pihak Jabatan telah memenuhi keperluan ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong (MPK MLPMS), yang pada masa ini, diketuai oleh Ketua Kampung Pg. Haji Mohamed bin Pg. Haji Osman @ Othman selaku Pengerusi MPK MLPMS.

Tujuan utama kursus tersebut diadakan ialah untuk membantu pengusaha kecil dan sederhana agrimakanan termasuk Majlis Perundingan Kampung (MPK) dan Majlis Perundingan Mukim (MPM), dalam mempelbagaikan dan memajukan produk berasaskan komoditi pertanian, khususnya produk proses buah-buahan tempatan.

Di samping itu ianya juga dapat menggalakkan ahli-ahli MPK di kampung berkenaan mengamalkan kebersihan secara teratur bagi menjamin pengeluaran produk makanan yang selamat dan berkualiti dan seterusnya mampu menambah hasil perekonomian seharian ahli-ahli MPK berkenaan bagi menampung sara hidup ahli-ahli kampung secara berperingkat-peringkat.

Kursus telah dimulakan dengan sesi taklimat oleh Ketua Unit Pembangunan Produk Agrimakanan, Pg Hajah Masliati binti PSJ Haji Abd Mumin dan diteruskan dengan sesi praktikal pemprosesan asas jeruk dan jem dari buah-buahan tempatan. Sebanyak 4 produk telah dihasilkan oleh peserta kursus iaitu jeruk kedundong, jeruk kepayas, jem kepayas nenas dan inti tat nenas. Setelah tunjukajar dan demonstrasi

langkah-langkah pemprosesan diberikan oleh kakitangan Unit Pembangunan Produk Agrimakanan.

Majlis Penyampaian Sijil bagi ahli-ahli MPK yang secara sepuh masa mengikuti kursus telah disempurnakan oleh Tetamu Kehormat Majlis, Yang Mulia, Dayang Hajah Siti Raihani binti Haji Abd Hamid, Ketua Bahagian Industri Agrimakanan, selaku wakil Pengarah Pertanian dan Agrimakanan. Seramai 15 orang peserta telah menerima sijil mereka masing-masing, bertempat di Bilik Bunga Kantan, Pusat Penyelidikan Pertanian Brunei, Kilanas.



Salah seorang Peserta kursus yang menyertai kursus pemprosesan asas jeruk dan jem buah-buahan tempatan menerima sijil penyertaan daripada Ketua Bahagian Industri Agrimakanan, Dayang Hajah Siti Raihani binti Haji Abd Hamid.



ANUGERAH CEMERLANG PERKHIDMATAN AWAM (ACPA) 2014 JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN

27 November 2014



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat melawat petak pameran ACPA Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.



Pengarah Pertanian dan Agrimakanan bersama sebahagian peserta kumpulan yang menyertai projek bergambar bersama dengan Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-sumber Utama.

Dua (2) buah kumpulan dari Jabatan Pertanian dan Agrimakanan telahpun menyertai projek Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam (ACPA) sempena Majlis Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Ke-21. Projek-Projek yang diketengahkan adalah :

1. Peningkatan Keberkesanan Pengurusan Makmal Veterinar Dengan Pencapaian Akreditasi ISO/ICE 17025: 2005 – Testing Laboratory dari KUMPULAN MUTIARA Bahagian Industri Ternakan.
2. Projek mengukuhkan jaminan Keselamatan Makanan Negara bagi Komoditi Tanaman Dengan Perlaksanaan Pengiktirafan Brunei GAP dari Kumpulan HFAS, Bahagian Industri Tanaman.

Projek yang diwakili oleh Kumpulan MUTIARA dari Bahagian Industri Ternakan telah memperoleh anugerah

saguhati dalam penyertaan Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam (ACPA) 2014 sempena Majlis Sambutan Hari Perkhidmatan Awam yang Ke-21 yang telah diadakan pada 27 November 2014 bertempat di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC) Berakas.

Sementara Kumpulan HFAS, Bahagian Industri Tanaman telah berjaya mewakili Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan juga Jabatan Pertanian dan Agrimakanan di Anugerah tersebut.



JERAYAWARA BAHAGIAN INDUSTRI AGRIMAKANAN JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA

13 Disember 2014



Pegawai dari Bahagian Industri Agrimakanan yang terlibat dalam Jerayawara Bahagian Industri Agrimakanan ke Daerah Tutong.

Jabatan Pertanian dan Agrimakanan melalui Bahagian Industri Agrimakanan, telah mengadakan program jerayawara pada hari Sabtu, 13 Disember, 2014 bersamaan dengan 20 Safar 1436H di Dewan Kemasyarakatan Kampung Serampang, Daerah Tutong bagi pengusaha-pengusaha agrimakanan di Daerah Tutong.

Acara tersebut dihadiri oleh 40 orang pengusaha agrimakanan yang berasal dari Daerah Tutong dan wakil dari Jabatan Daerah Tutong dan Jabatan Bandaran Daerah Tutong. Jerayawara ini diadakan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai peranan Bahagian Industri Agrimakanan, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dan perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh unit-unit di bawahnya.

Antara manfaat yang diperolehi dengan mendaftar di bawah Bahagian Industri Agrimakanan, ialah pengusaha-pengusaha berpeluang untuk mendapatkan khidmat nasihat dan konsultasi mengenai industri agrimakanan, berpeluang untuk mendapatkan perkhidmatan teknikal seperti perkhidmatan makmal-makmal yang terdapat di Bahagian Industri Agrimakanan, menyertai program lawatan ke Inkubator Makanan Perusahaan Kecil dan loji perintis serta makmal-makmal yang ada di Bahagian Industri Agrimakanan dan turut berpeluang untuk menyertai kursus dan bengkel dalam bidang pemprosesan dan pembungkusan.

Sebanyak enam unit dalam Bahagian Industri Agrimakanan telah memberikan taklimat semasa acara ini berlangsung iaitu daripada Unit Teknologi Lepas Tuai, Unit Pembangunan Produk Agrimakanan, Unit Perkhidmatan Agrimakanan, Unit Pembungkusan Agrimakanan, Unit Pembangunan Industri Agrimakanan dan Unit Inkubator Agrimakanan yang disampaikan oleh Ketua-Ketua Unit masing-masing.



Dayang Nurul Ehra Hayati binti Haji Mohd Hussin, Ketua Unit Pembangunan Industri Agrimakanan menyampaikan taklimat mengenai perkembangan industri Agrimakanan di Negara Brunei Darussalam dan peluang-peluang dalam penerokaannya.



Pengusaha Agrimakanan Daerah Tutong mendaftar diri sebelum menyertai taklimat di Jerayawara Bahagian Industri Agrimakanan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan ke Daerah Tutong.

Jerayawara ini merupakan salah satu aktiviti dalam kalender Bahagian Industri Agrimakanan, dengan kerjasama Unit Pengembangan Pertanian Daerah Tutong, Bahagian Pengembangan Pertanian di Jabatan Pertanian dan Agrimakanan. Pada 2013, pengeluaran produk tambah nilai agrimakanan telah mencapai sebanyak \$86.2 juta, iaitu meningkat sebanyak 37% jika dibandingkan pada 2012 (\$62.8 juta). Industri agrimakanan dijangka akan semakin berkembang dengan adanya francais dan kedai perusahaan beraneka produk seperti makanan segera, minuman, bakeri dan sebagainya yang semakin meningkat di negara ini.



JUALAN HUJUNG TAHUN BUNGA-BUNGAAN DAN TANAMAN HIASAN DI TAMAN KORIDOR INOVASI BIO, ZON A, KG TUNGKU

20 Disember 2014



Jualan Hujung Tahun Bunga-Bunga dan Tanaman Tiasan telah diadakan di Taman Koridor Inovasi Bio, Zon A di Kampong Tungku bermula 20 Disember, 2014 hingga 4 Januari, 2015. Ianya diadakan setiap hari bermula jam 9.00 pagi hingga 6.00 petang kecuali hari Jumaat ditutup pada jam 12.00 tengahari hingga 2.00 petang. Bermacam-macam jenis bunga-bunga dan tanaman hiasan dijual pada harga yang berpatutan. Orang ramai adalah telah berkunjung ke jualan berkenaan untuk mengambil kesempatan terhadap jualan bunga dan tanaman lanskap dengan harga istimewa.

Pada bulan Jun 2014 lalu, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan telah mengunghkayahkan Pesta Jualan Tanaman Hiasan, Bunga-Bunga dan Lanskap 2014 yang bertemakan 'Tanaman Hiasan Penyeri Persekitaran' yang diantara lain tujuannya adalah untuk mempromosikan pengusaha-pengusaha industri tanaman hiasan dan bunga-bunga kepada pemaju-pemaju lanskap, taman-taman riadah dan juga orang ramai yang berminat menghias halaman rumah mereka dengan tanaman bunga-bunga dan lanskap.

Adalah menjadi hasrat jabatan agar lebih banyak lagi pengusaha-pengusaha dalam industri ini membuat penjualan hasil-hasil bunga dan tanaman hiasan mereka pada harga yang berpatutan agar dapat memenuhi keperluan tempatan dan seterusnya menggalakkan dan meningkatkan lagi minat orang ramai untuk menghias kawasan rumah mereka dengan bunga-bunga dan tanaman hiasan.

Mengikut perangkaan jabatan pada 2013, keperluan



negara terhadap industri tanaman hiasan bernilai kira-kira \$4.02 juta yang mana \$2.27 juta adalah daripada pengeluaran tempatan dan \$1.76 juta adalah diimport. Sementara bagi industri bunga keratan pula, keperluan negara bernilai \$1.95 juta yang mana \$0.21 juta adalah pengeluaran tempatan dan \$1.74 juta adalah diimport. Peluang dalam industri ini adalah masih terbuka luas untuk diceburi dimana para pengusaha tempatan adalah dialu-alukan untuk menceburi dalam bidang perusahaan ini secara komersil demi untuk memajukan industri tanaman hiasan di negara ini.



**SAMBUTAN MARI BERHARI RAYA AIDIL FITRI 1435H/2014M
JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN, PUSAT
PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN BAHAGIAN BIOSEKURITI _____ 2 Ogos 2014**



Pengarah Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Dayang Hajah Aidah binti Haji Mohd Hanifah selaku Tetamu Kehormat bersama Pemangku Timbalan Pengarah Pertanian dan Agrimakanan serta Ketua-Ketua Bahagian Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dan Ketua Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Sumber-Sumber Utama dan juga Ketua Bahagian Biosekuriti.



Pegawai dan kakitangan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Sumber-Sumber Utama serta Bahagian Biosekuriti bergambar bersama Pengarah Pertanian dan Agrimakanan.



Pengarah Pertanian dan Agrimakanan serta Pemangku Timbalan Pengarah Pertanian dan Agrimakanan bersama pegawai-pegawai kanan dan pegawai serta kakitangan Bahagian Dasar, Pengurusan dan Kewangan.



Pengarah Pertanian dan Agrimakanan bersama pegawai dan kakitangan Bahagian Industri Agrimakanan.

Pengarah Pertanian dan Agrimakanan bersama Ketua Bahagian serta pegawai dan kakitangan Bahagian Industri Ternakan.



Pengerusi Sambutan Mari Berhari Raya, Awang Abuzar bin Haji Mohd Tahir mengiringi Tetamu Kehormat, Pengarah Pertanian dan Agrimakanan serta Pemangku Timbalan Pengarah Pertanian dan Agrimakanan untuk melawat dan berziarah ke gerai-gerai Hari Raya dari Jabatan Pertanian dan Agrimakanan serta yang lain.

Ketua Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Sumber-Sumber Utama, Dyg Fuziah binti Haji Hamdan menyampaikan hadiah bagi cabutan pegawai dan kakitangan bertuah kepada Dayang Hajah Noridah binti Haji Md Zain.

JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN MENJADI JUARA DI SAMBUTAN SEMPENA HARI RAYA AIDIL FITRI KPSSU 2014

22 Ogos 2014



Beberapa aksi JOHAN dari kumpulan hiburan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan sempena sambutan Hari Raya Aidil Fitri KPSSU 2014.

Jabatan Pertanian dan Agrimakanan telah merangkul tempat pertama di Pertandingan Sketsa 'Nasi Raya' yang diadakan sempena Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan Jabatan-Jabatan dibawahnya tahun 2014.

Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) dan jabatan-jabatan di bawahnya telah mengadakan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri pada malam hari Jumaat, 22hb. Ogos, 2014. Acara tersebut berlangsung di Dewan Setia Pahlawan, Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Hadir selaku Tetamu Kehormat Majlis ialah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan Datin. Turut hadir di majlis tersebut ialah Yang Mulia Dayang Hajah Normah Suria Hayati binti PJDSM DSU (Dr.) Haji Awang Mohd Jamil Al-Sufri, Setiausaha Tetap, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama; Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, Yang Mulia Haji Khairuddin bin Haji Abd Hamid dan Yang Mulia Hajah Hasnah binti Ibrahim.

Pada tahun ini, lebih kurang 500 warga KPSSU dan jabatan-jabatan di bawahnya berserta ahli-ahli keluarga masing-masing hadir memeriahkan majlis tersebut. Tema sambutan majlis pada tahun ini adalah berkonsepkan mengenai dengan 'Nasi Raya' iaitu

mengetengahkan pelbagai resepi berasaskan beras tempatan sejajar dengan halatuju program Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dalam memajukan penanaman padi untuk mencapai tahap saradiri yang mantap disamping mengembangmajukan industri pertanian dikalangan pengusaha tempatan dan kelompok komuniti tempatan. Kearah itu, dua pertandingan yang berkonsepkan tema berkenaan telah diadakan sempena sambutan majlis pada tahun ini iaitu Pertandingan Sketsa 'Nasi Raya' dan Pertandingan Pondok Makanan 'Nasi Raya'.

Selain memupuk semangat kerjasama dan kerja berpasukan (*team work*) serta mengeratkan lagi hubungan silaturrahim di kalangan warga KPSSU, majlis tersebut juga adalah bertujuan untuk mencungkil dan menampilkan kreativiti pegawai-pegawai dan kakitangan KPSSU dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Kumpulan hiburan dari Jabatan Pertanian dan Agrimakanan telah berjaya menjadi Juara di Pertandingan Sketsa "Nasi Raya".



MAJLIS KESYUKURAN DAN DOA SELAMAT JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

26 Ogos 2014



Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, Dayang Hajah Aidah binti Haji Mohd Hanifah hadir selaku Tetamu Kehormat di Majlis Kesyukuran dan Doa Selamat atas kejayaan-kejayaan yang dilaksanakan dan diperolehi oleh jabatan.

Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama telah mengadakan Majlis Kesyukuran dan Doa Selamat pada hari ini 26hb Ogos 2014 (hari Selasa) bersamaan 30 Syawal 1435H bertempat Dewan Simpur, Pusat Urusniaga Rimba, Gadong. Ini adalah sebagai suatu penghargaan atas komitmen dan sumbangan serta kerjasama padu yang diberikan daripada semua pegawai dan kakitangan serta para pengusaha yang terlibat dalam sama-sama mengunggulkan projek-projek Jabatan Pertanian dan Agrimakanan sehingga tercapainya prestasi yang membanggakan.

Matlamat utama majlis tersebut diadakan adalah bagi penghargaan kepada pegawai-pegawai yang terlibat langsung dengan projek-projek seperti berikut:

- Penghargaan kepada Kumpulan Kualiti Kerja Cemerlang (KKC) bagi Kumpulan BIT dari Bahagian Industri Ternakan yang telah berjaya memasuki pencalonan ke peringkat Kebangsaan 2014;
- Penghargaan kepada Kumpulan *Horticulture Farm Accreditation Scheme* (HFAS) dan Brunei GAP daripada Bahagian Industri Tanaman dan Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Sumber-Sumber Utama bagi pencalonan Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam 2014;
- Penghargaan kepada Kumpulan Mutiara daripada Bahagian Industri Ternakan bagi pencalonan Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam 2014 dalam pencapaian ISO 17025 bagi Makmal Veterinar;
- Penghargaan kepada semua Ahli Jawatankuasa Majlis Pesta Durian dan Buah-Buahan 2014 - Pencapaian hasil jualan adalah sangat di luar jangkaan iaitu mencapai sejumlah \$195,319.30 dengan keramaian pengunjung 20,574 orang dan sebanyak 110 pengusaha gerai jualan turut terlibat;
- Penghargaan kepada Kumpulan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan yang muncul sebagai Johan dalam Pertandingan Sketsa Nasi Raya dan mendapat tempat ke-5 dalam Pertandingan Hidangan Nasi Raya Sambutan Hari Raya Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama pada 22hb Ogos 2014; dan
- Penghargaan kepada semua Ahli Jawatankuasa bagi kejayaan Majlis Pelancaran Kompleks Mesin Pengisaran Padi Wasan.

Hadir di majlis tersebut ialah Dayang Hajah Aidah binti Haji Mohd Hanifah, Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, Dayang Hajah Khartini binti Haji Musa, Pemangku Timbalan Pengarah Pertanian, Dayang Fuziah Haji Hamdan, Ketua Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Sumber-Sumber Utama (PreDec), dan Agrimakanan, wakil Ketua Bahagian Biosekuriti,

Pemangku Penolong-Penolong Pengarah, Pegawai-Pegawai Kanan, Pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dan Bahagian Keselamatan Agrimakanan.

Di harap pada masa akan datang, usahasama yang padu atas dasar kerja berpasukan (*teamwork*) daripada semua pihak pegawai dan kakitangan Jabatan akan dapat dipertahankan dan dipertingkatkan lagi demi kemajuan dan kejayaan industri serta membantu dalam memudahkan peningkatan pendapatan para pengusaha pertanian dan agrimakanan yang juga meliputi pengusaha kecil dan sederhana (SMEs)sepertimana yang kita harap-harapkan.



Salah seorang peserta yang memenangi peraduan menggubah buah-buahan di Pesta Durian dan Buah-buahan yang lalu telah menerima hadiah kemenangan dari Tetamu Kehormat, Pengarah Pertanian dan Agrimakanan.

TAKZIAH

Semoga Rohnya dicucuri Rahmat dan ditempatkan bersama orang-orang yang Sholeh dan Beriman.
Aamiin....

AL-FATIHAH

Allahyarham Sulaiman Zaini bin Jaraie
Kembali Ke Rahmat Allah pada 11.08.2014



TAHNIAH

NAIK PANGKAT

BIL	NAMA (JAWATAN LAMA)	JAWATAN BARU SEMASA DINAikkan PANGKAT	TARIKH LANTIKAN	CATATAN
1	Siti Nuraini Bt. Kamal Pembantu Pertanian Rendah, D.1-2-3 EB.4-5	Pembantu Pertanian D.3-4 EB.5	01.07.2014	-
2	Siti Nabilah Bt Sambri Pembantu Pertanian Rendah, D.1-2-3 EB.4-5	Pembantu Pertanian D.3-4 EB.5	01.07.2014	-
3	Nordiah binti Hj Wahab Pembantu Pertanian Rendah, D.1-2-3 EB.4-5	Pembantu Pertanian D.3-4 EB.5	01.07.2014	-
4	Mohamad Sufriyadi bin Omar Ali Pembantu Pertanian Rendah, D.1-2-3 EB.4-5	Pembantu Pertanian D.3-4 EB.5	01.07.2014	-
5	Abdul Rahim B Abdul Raduan (Gaji Hari)	Juruteknik Padi D.3-4 EB.5	05.07.2014	-
6	Janidi B Awang Pembantu Pertanian Rendah, D.1-2-3 EB.4-5	Pembantu Kulturakebunan D.3-4 EB.4-5	08.07.2014	-
7	Maidin B Hj Md Salleh Ketua Juruteknik Makmal, C.3-4 EB.5	Pegawai Pemeliharaan Ternakan, B.2 EB.3	28.07.2014	-
8	Hamizah binti Haji Abd Rahman (Gaji Hari)	Pembantu Pertanian Rendah	01.09.2014	-
9	Munirah binti Haji Tassim / Haji Mohd Noor (Gaji Hari)	Pembantu Pertanian Rendah D.1-2-3 EB.4-5	01.09.2014	-
10	Ho Siew Ming (Gaji Hari)	Pembantu Pertanian Rendah D.1-2-3 EB.4-5	01.09.2014	-
11	Abuzar B Hj Mohamad Tahir Pegawai Pertanian, B2 EB3	Pegawai Pertanian Kanan B3	02.09.2014	-
12	Haji Manap B Haji Jambol Pembantu Pertanian Kanan, C.2 EB.3	Ketua Pembantu Teknik C.3-4 EB.5	04.12.2014	-
13	Ak Jofri Pg Haji Tengah Tukang Lukis, D.1-2-3 EB.4-5	Tukang Pelan	24.12.2014	Pindah Ke Jabatan lain
14	Ramlie B Hj Ladis Pembantu Pertanian Kanan, C.2 EB.3	Penolong Pegawai Pertanian C.3-4 EB.5	27.12.2014	-
15	Noraidah Bt Namit Pemeriksa Ternakan, D.1-2 EB.3-4	Pembantu Haiwan Kanan C.2 EB.3	29.12.2014	-



PEGAWAI/KAKITANGAN BERSARA

BIL	NAMA PEGAWAI / KAKITANGAN	JAWATAN	DIVISYEN	TARIKH LANTIKAN	TARIKH BERSARA
1	Md Mee Lee bin Abd Halim @ Lim Wee Lee	Pembantu Pertanian, D.3-4 EB.5	4	31.12.1984	06.07.2014
2	Dr Hj Amzah @ Anjah bin Hj Abd Rahman	Pegawai Pemeliharaan Ternakan Kanan, B.3	2	17.01.1983	17.07.2014
3	Hj Kariya bin Hj Sulong	Pegawai Pertanian Kanan, B.3	2	30.12.1980	26.07.2014
4	Hj Maidin bin Osin	Pembantu Pertanian, D.3-4 EB.5	4	25.01.1989	21.08.2014
5	Zainal bin Hj SUhaili	Pemeriksa Ternakan, D.1-2 EB.3-4	4	03.11.1988	16.09.2014
6	Jamil bin Hj Aman	Pembantu Pertanian, D.3-4 EB.5	4	01.05.1986	16.10.2014
7	Harun bin Hj Md Tahir	Pemeriksa Ternakan, D.1-2 EB.3-4	4	31.10.1988	18.10.2014
8	Abd Mumin bin Yussop @ Abdul Mumin bin Usop	Pembantu Haiwan, D.3 EB.4-5	4	07.11.1988	19.10.2014
9	Kamal bin Hj Lakim	Pembantu Pertanian Kanan, C.2 EB.3	4	01.12.1988	23.10.2014
10	Md Am Azizan bin Abdullah Ampil @ Paya bin Ampil	Juruteknik Padi, D.3-4 EB.5	4	17.01.1989	27.10.2014
11	Hj Yussof bin Hj Baha	Eksekutif Jurutera Jentera Ladang, B.3	2	02.10.1982	01.11.2014
12	Muhammad Fakrul Islam bin Abdullah Ligan @ Kayong Anak Langan	Juruteknik Padi, D.3-4 EB.4	4	02.01.1983	15.11.2014
13	Noorhamizan bin Hj Md Mosbi	Pembantu Pertanian Kanan, C.2 EB.3	3	17.08.1985	22.11.2014
14	Tunggal bin Hj Lajim	Penolong Pegawai Pertanian, C.3 EB.5	3	05.08.1982	31.12.2014

PEGAWAI/KAKITANGAN BARU

BIL	NAMA PEGAWAI / KAKITANGAN	JAWATAN	TARIKH MELAPOR
1	Muhammad Ashraf bin Basuni	Pembantu Teknik, D1-2-3 EB4-5	01.07.2014
2	Nurul Amirah binti N.M Alim	Pemeriksa Tanaman, D1-2 EB3-4	21.07.2014


3	Haji Asmalee bin Haji Aspar	Pemeriksa Tanaman, D1-2 EB3-4	18.08.2014
4	Nur' Alya Farzanah binti Abdullah Satur @ Fazlinah binti Satur	Pembantu Pertanian Rendah, D1-2 EB3-4	25.08.2014
5	Norasimah binti Haji Kassim	Pembantu Pertanian Rendah, D1-2-3 EB4-5	01.09.2014
6	Haji Sepawi bin Karim	Pembantu Pertanian Rendah, D1-2-3 EB4-5	01.09.2014
7	Siti Zahrah binti Haji Moktal	Penyelia Pejabat, C1-2 EB3	01.09.2014
8	Noraizulismalindie Bin Haji Damit	Penyelenggara Stor Tingkat I, D4 EB5	01.09.2014
9	Noor Afzan binti Ismail	Pembantu Pertanian Rendah, D1-2-3 EB4-5	13.11.2014
10	Siti Noraziah binti Sulai	Pembantu Pertanian Rendah, D1-2-3 EB4-5	01.12.2014
11	Norashikin binti Nordin	Pembantu Pertanian Rendah, D1-2-3 EB4-5	01.12.2014

MELANJUTKAN PELAJARAN

BIL	NAMA / JAWATAN	KURSUS	CATITAN
1	Nurhidayat binti Dato Paduka Dr. Hj Ismail Pegawai Pertanian, B2 EB.3	Master of Economics, UBD	Ogos 2014
2	Faizan @ Mohammad Faizan bin Ibrahim Jurutera Jentera Ladang, B2 EB.3	Master of Postharvest Technology, Writtle College, UK	Oktober 2014
3	Mat Rusli bin Haji Abu Bakar Pegawai Pertanian, B2 EB.3	Master of Horticulture (Crop Production), Writtle College, UK	September 2014

PEGAWAI/KAKITANGAN YANG TAMAT MELANJUTKAN PELAJARAN DARI BULAN JULAI HINGGA DISEMBER 2014

BIL	NAMA / JAWATAN	KURSUS	CATITAN
1	Layla Syaznie binti Abdullah @ Lim Suzannie Ahli Kaji Penyakit Tumbuhan	Master of Plant Protection, University of Queensland, Australia	November 2014



brunei **mipr**

Department of Agriculture & Agrifood

A division of the ministry of industry & primary resources

